LAPORAN TAHUNAN 2017
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

ILMU • KEIKHLASAN • KECEMERLANGAN

Universiti Malaysia Perlis
Kaumpus Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis, Malaysia
Tel: +604-979 8008, Faks : +604-977 8422
www.unimap.edu.my

UniversitiMalaysiaPerlis | universitimalaysiaperlis | @PROUniMAP | Universiti Malaysia Perlis

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

LAPORAN TAHUNAN 2017
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

LAPORAN TAHUNAN 2017

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Diterbitkan oleh:
Universiti Malaysia Perlis • April 2018
www.unimap.edu.my
UniversitiMalaysiaPerlis | universitimalaysiaperlis | @PROUniMAP | Universiti Malaysia Perlis

LAPORAN TAHUNAN 2017 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Kandungan

1. | PROFIL UNIVERSITI 3
   - Misi, Visi, Nilai Teras, Matlamat & Falsafah 4
   - UniMAP Sepintas Lalu 5
   - Canselor 6
   - Pro Canselor 8
   - Lembaga Pengarah Universiti 10
   - Pegawai Utama Universiti 12
   - Ahli Senat 14
   - Ketua Jabatan 18
   - Struktur Organisasi UniMAP 20

2. | PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI 22
3. | LAPORAN NAIB CANSELOR 24
   - Keterlihatan UniMAP 28

4. | PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA 33
5. | PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA 37
6. | HAL EHWAL AKADEMIK 45
7. | KERJASAMA DAN HUBUNGAN LUAR 59
8. | KERJASAMA INDUSTRI DAN AGENSI KERAJAAN 65
9. | PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN 75
10. | KECEMERLANGAN MAHASISWA DAN PEMERKASAAN ALUMNI 85
11. | PENGANTARABANGSAAN 103
12. | TANGGUNGJAWAB SOSIAL UniMAP (USR) 115
13. | PERPUSTAKAAN 133
14. | PENERBITAN 139
15. | PRASARANA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 143
16. | PEMBANGUNAN KAMPUS 149
17. | WOW UniMAP 157
18. | LAPORAN KEWANGAN 159

1 • Profil Universiti



PROFIL UNIVERSITI

Misi, Visi, Nilai Teras, Matlamat & Falsafah

MISI

MELAHIRKAN INSAN KAMIL YANG MENYUMBANG KEPADA AGENDA PEMBANGUNAN DAN DAYA SAING INDUSTRI NEGARA

VISI

INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN YANG BERDAYA SAING DI PERSADA ANTARABANGSA

NILAI TERAS

ILMU • KEIKHLASAN • KECEMERLANGAN

MATLAMAT & FALSAFAH

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Kursus kejuruteraan yang yang dijalankan di universiti pada dasarnya menitikberatkan kepada lab-intensive dengan memberi lebih penekanan kepada amali. Kursus-kursus yang ditawarkan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti kursus, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari dan mempunyai sifat mulia dan terpuji.



PROFIL UNIVERSITI

UniMAP Sepintas Lalu

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 25 Julai 2001. Pada 1 April 2002, Institusi Pengajian Tinggi Awam ke-17 ini mula beroperasi di bangunan Yayasan Pok & Kassim, Kubang Gajah, Arau, Perlis dan Naib Canselornya yang pertama telah dilantik pada 16 Februari 2002. Setelah lima tahun bertapak di bumi Perlis, Universiti ini telah dijenamakan semula daripada KUKUM kepada UniMAP pada 1 Februari 2007. Sebagai sebuah universiti yang bertapak di alaf baru dan beroperasi di beberapa lokasi sementara, UniMAP berbangga dengan kewujudan kampus induknya yang tersergam indah di Pauh Putra serta di Sungai Chuchuh.

Lebih membanggakan lagi apabila kampus induknya di Pauh Putra telah disempurnakan perasmiannya oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 3 Mac 2013 yang lalu. YAB Perdana Menteri dalam ucapannya menyatakan bahawa kewujudan UniMAP, sebuah universiti berteraskan kejuruteraan di negeri Perlis telah berjaya melonjakkan pembangunan dalam pelbagai aspek di negeri ini dan boleh diibaratkan sebagai nadi pembangunan Negara.

UniMAP memulakan pengambilan sulung pelajarnya pada 20 Jun 2002 dengan jumlah pelajar 119 orang dan kini UniMAP telah mempunyai seramai 13,081 orang pelajar iaitu 10,383 orang bagi program Ijazah Sarjana Muda dan 1,183 orang bagi program Diploma, manakala seramai 1,515 orang adalah penuntut ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran. Untuk melaksanakan tanggungjawabnya, UniMAP memiliki 926 orang staf akademik dan 160 orang staf bukan akademik pengurusan dan profesional, dan 504 orang staf pelaksana.

Pada masa ini, UniMAP menawarkan enam (6) Program Diploma Kejuruteraan, 21 program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, 13 program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan, dua (2) program Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dan satu (1) program Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu. Di samping itu, UniMAP turut menawarkan pelbagai program pascaijazah dengan 39 bidang penyelidikan peringkat Sarjana Sains Penyelidikan, enam (6) program pengajian Sarjana Sains termasuk Mod Campuran, satu (1) program pengajian Sarjana Pentadbiran Pengajian Mod Kerja Kursus, 39 bidang penyelidikan peringkat Doktor Falsafah (PhD) Mod Penyelidikan dan Doktor falsafah (PhD) Mod Penerbitan.

Pada tahun 2017, UniMAP telah bangunkan Peta Strategi UniMAP 2025. Ia adalah berteraskan pendekatan "4.0: Perkongsian Memacu Pembangunan", ia didasari konsep kebersamaan dan perkongsian dengan rakan industri, institusi pengajian tinggi dan pemegang taruh lainnya. Empat aspek diketengahkan, iaitu pengajaran-pembelajaran, kualiti graduan, penyelidikan, dan penjanaan kewangan.

Bagi pengajaran-pembelajaran, kita mahukan ia berinovatif. Untuk itu, tiga komponen diberi perhatian, iaitu sistem pendidikan bersepadu, makmal industri dan platform "*telepresence*". Teknologi memainkan peranan utama bagi persekitaran 'smart campus', di mana MOOC/blended learning sedang giat dibangunkan.

Seterusnya, siswazah siaga-industri. UniMAP akan memastikan siswazah mampu menyumbang sebaik saja bergraduat. Untuk itu, empat komponen diberi tumpuan, iaitu pemerolehan pekerjaan, peratus graduan dengan PNGK melebihi 3.00, peratus program TVET yang ditawarkan dan peratus siswazah yang memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan bergraduat.

Hasrat penjanaan kewangan juga mensasarkan peningkatan geran penyelidikan yang diperolehi. Jaringan erat dengan industri serta pemegang taruh lain akan membuka peluang pembiayaan penyelidikan yang luas. Endowmen dan waqaf memainkan peranan yang penting. Selain itu, pengukuhan tabung keusahawanan dapat membantu pewujudan syarikat "*start-up*" serta sebagai dana latihan dan tunjuk ajar kepada pelajar yang ingin memulakan perusahaan sendiri.

Jurang antara kompetensi graduan dengan kompetensi yang diharapkan industri boleh dikurangkan dengan adanya keberkesanan operasi akademik, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan soft skills, tempoh praktikal serta pemilihan tajuk projek tahun akhir.

Dengan perkembangan yang amat menakjubkan ini, UniMAP akan memastikan kita bersiap-siaga menghadapi 4IR selari dengan kehendak semasa. Kemajuan teknologi dunia masa sekali gus meletakkan UniMAP di tengah-tengah arus 4IR dalam konteks melahirkan tenaga kerja mahir bagi memenuhi kehendak negara dan dunia.

UniMAP telah menerima penarafan *QS Stars Ranking* berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh badan penarafan terkenal dunia *QS Intelligence Unit*. Pencapaian keseluruhan tiga (3) bintang merupakan sesuatu yang membanggakan apatah lagi dengan usia UniMAP yang lebih sedekad penubuhannya. Penilaian tersebut dibuat berdasarkan lapan (8) elemen iatu pengajaran dan pembelajaran, kemudahan, pengantarabangsaan, kebolehpasaran graduan, budaya dan penglibatan masyarakat, penyelidikan serta kejuruteraan dan teknologi.

Berdasarkan pecahan elemen tersebut, *QS Intelligence Unit* mengiktiraf UniMAP sebagai lima (5) bintang dalam dua (2) elemen iatu pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan prasarana manakala turut diberikan penarafan empat (4) bintang dari elemen jaringan kerjasama. Penarafan lima (5) bintang dalam elemen pengajaran dan pembelajaran yang diberikan *QS Star* ini adalah bertepatan dengan penarafan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) yang turut mengiktiraf UniMAP sebagai lima (5) bintang sebelum ini. Bagi elemen jaringan kerjasama pula, penarafan empat (4) bintang membuktikan yang UniMAP kini berada dalam radar yang tepat dalam usaha menwujudkan jaringan yang kukuh dengan universiti-universiti bertaraf dunia lainnya. Penarafan *QS Stars* merupakan titik mula untuk UniMAP terus berusaha mencapai penarafan lima (5) bintang dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

Pencapaian UniMAP ini adalah seiring dengan usaha, komitmen, pengalaman dan kenangan suka duka setiap lapisan warganya dalam mengharungi cabaran meletakkan UniMAP di kedudukannya kini. InsyaAllah, dengan izin Yang Maha Esa, komitmen dan pencapaian akan terus ditingkatkan, tindakan akan terus dijadikan amalan agar impak akhirnya membuahkan kecemerlangan ke arah memartabatkan keterlihatan UniMAP di persada dunia.





Canselor

DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL

D.K., S.P.M.P., P.A.T.
Doctor of Education (Honoris Causa) La Trobe University Melbourne, Australia
Honorary Doctorate in Management Science, Yala Rajabhat University, Thailand

RAJA MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah diputerakan pada tanggal 30 Disember 1967, hasil ikatan kasih sayang antara DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis dan DYMM Tuanku Tengku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis. Baginda merupakan putera sulung bagi pasangan DiRaja itu. Baginda memulakan alam persekolahan peringkat rendah pada tahun 1974 di Sekolah Rendah Kebangsaan Putra, Kangar, Perlis dan peringkat menengah pada tahun 1980 di Sekolah Menengah Derma, Kangar, Perlis dan seterusnya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Penang Free School, Pulau Pinang pada tahun 1983. Baginda kemudiannya berangkat ke Melbourne, Australia pada tahun 1984 untuk melanjutkan pelajaran di Carey Grammar School, Kew dengan memasuki tingkatan lima dan kemudian mengikuti pengajian matrikulasi sehingga tahun 1985.

Baginda kemudiannya melanjutkan pengajian di La Trobe University, Bundoora, Melbourne. Baginda memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (B.Ec.) pada tahun 1989. Dalam tahun 2002, Baginda diiktiraf dengan La Trobe Medal, iaitu gelaran penghormatan tertinggi bagi universiti tersebut. Baginda adalah penerima kedua anugerah tersebut, selepas Presiden negara Greece. Bermula tahun 1990 hingga 1998, Baginda menjawat pelbagai jawatan bersama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) di mana jawatan terakhir sebagai Pengurus kawasan bagi Switzerland, Austria dan Eropah Tengah.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah mendirikan rumahtangga dengan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil pada 9 Mei 1994 dan dikurniakan dua orang puteri dan seorang putera, Yang Amat Mulia Sharifah Khatreena Nuraniah, Yang Amat Mulia Sharifah Farah Adriana dan Yang Amat Mulia Syed Sirajuddin Areeb Putra. Baginda telah dianugerahkan darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P.) sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Tuanku Raja Perlis pada tahun 1998. Pada tahun 2000 pula, Baginda dianugerahkan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Baginda memainkan peranan dan fungsi rasmi sebagai Raja Muda selepas perisytiharan rasmi dilangsungkan pada 12 Oktober 2000. Baginda telah dilantik sebagai Pemangku Raja Perlis pada 12 Disember 2001 untuk tempoh lima tahun apabila DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke - 12. Pada tarikh tersebut juga baginda dikurniakan Bintang kebesaran Darjah Kerabat Perlis (D.K.). Dengan perlantikkan tersebut, Pada 1 September 2003, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah dilantik sebagai Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang pertama.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merupakan seorang peminat bola sepak. Semasa zaman persekolahan, Baginda turut mewakili pasukan negeri dalam kejohanan bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Baginda juga merupakan peminat setia pasukan Manchester United. Pada masa kini, Baginda juga merupakan peneraju Rejimen 504 Askar Wataniah sebagai Komander berpangkat Brigedier Jeneral. Baginda juga merupakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Presiden Kelab Golf Putra Perlis. Baginda juga adalah penaung bagi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM), Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Perlis, Malaysia Chefs Association, Projek Bola Sepak Ken Barnes Soccer Skills SeMalaysia, Persatuan Boling Padang Perlis, serta Pertubuhan Jemaah Dato'-Dato' Perlis. Selain itu, Baginda juga telah dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP), sebuah institusi kebajikan yang banyak mengambil berat terhadap kemajuan pendidikan dan peningkatan taraf hidup rakyat. Sebagai seorang anak Raja yang berjiwa rakyat Baginda amat dikasihi oleh setiap lapisan masyarakat di Negeri Perlis ini.



Pro Canselor

DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL

S.P.M.P.
Honoris Causa in Health Sciences (Universidad Nacional Pedro Henriquez Urena, DR)

RAJA PUAN MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah dilantik sebagai Pro Canselor UniMAP pada 13 Mac 2009. Penyerahan watikah pelantikan Pro Canselor ini telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Canselor di Istana Arau pada 28 Jun 2009.

Baginda diputerikan di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 28 Mac 1970 dan merupakan puteri kedua daripada empat orang anak perempuan Dato' Haji Khalil Akasah dan Datin Hajah Nik Rahimah Wan Ahmad. Baginda merupakan bekas pelajar Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur mulai tahun 1977 hingga 1984. Baginda seterusnya meneruskan pelajaran di Melbourne, Australia, selama lapan tahun. Ketika di Australia, Baginda mulanya menuntut di Merton Hall - Melbourne Girls Grammar School, dan kemudiannya di La Trobe University yang menganugerahi Baginda Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kemanusiaan pada tahun 1992.

Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil mempunyai pelbagai minat dan bakat. Selain membaca, melukis dan berseni. Baginda meminati sukan luncur ais, jet ski dan berenang. Baginda pernah juga mengikuti kursus asas Bahasa Mandarin, Perancis, Sepanyol dan Jerman. Sehinga tahun 1995, Baginda memegang jawatan sebagai Pengurus Pentadbiran ASIE Sdn. Bhd. Tetapi mengambil keputusan meletakkan jawatan apabila mula mengiringi Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berangkat menjalankan tugas Baginda di luar negara. Hampir tiga (3) tahun di Madrid, Sepanyol dan empat (4) tahun di Zurich, Switzerland.

Pada 1 Ogos 2002, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dikurniai gelaran rasmi Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis apabila Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail diistiharkan sebagai Raja Muda Perlis. Baginda dikurniakan anugerah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP) yang membawa gelaran 'Dato Seri' pada 17 Mei 2002.

Baginda merupakan Penaung bagi Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia Cawangan Perlis, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Wanita (DEWANITA) Cawangan Perlis, Smart Reader Worldwide di samping menjadi Pengerusi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM) serta dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Tuanku Fauziah (YTF) dan terkini baginda ditauliahi sebagai Mejar Kehormat dalam Rejimen Askar Wataniah.


Sebagai Pro Canselor, Baginda amat prihatin dalam apa jua yang melibatkan Universiti ini baik dari segi akademik, penyelidikan mahu pun aktiviti pelajar. Baginda sering berangkat mengiringi DYTM Tuanku Canselor ke pelbagai program dan aktiviti rasmi UniMAP.

PROFIL UNIVERSITI

Lembaga Pengarah Universiti







Pengerusi

1. **YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi Osman**
   Lembaga Pengarah Mimos Semiconductor (M) Sdn. Bhd.
   (*Berkuatkuasa 1/7/2017*)

Ahli

2. **YBhg. Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**
   Naib Canselor UniMAP
3. **Puan Fikriah Hj. Abd Rahman**
   Timbalan Pengarah Belanjawan Negara (Ekonomi)
4. **Tuan Abdul Rasid Sudin**
   Pengerusi Lembaga Penasihat Jabatan Perdana Menteri
5. **YB Jafperi Othman**
   Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis
6. **YBhg. Dato' Annuar Mohd Saffar**
   Presiden Kulim Technology Park Corporation
7. **Encik Mohd Parid Sulaiman**
   Pengarah Kejuruteraan Strategic Program Malaysia Design Center Intel
   Intel Products (M) Sdn. Bhd.
8. **Encik Abdul Hadi Omar**
   Setiausaha Sulit Kanan Kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi
9. **Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid**
   Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
   (*Berkuatkuasa 1/12/2017*)

Ahli Ganti

10. **Puan Norhazimah Che Hassan**
    Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Pendidikan Tinggi

Setiausaha

11. **YBrs. En. Zuber Haji Mohamad**
    Pendaftar UniMAP

PROFIL UNIVERSITI

Pegawai Utama Universiti







1. **Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**
   Naib Canselor UniMAP

2. **Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin**
   Timbalan Naib Canselor
   (Akademik & Antarabangsa)

3. **Prof. Dr. Uda Hashim**
   Timbalan Naib Canselor
   (Penyelidikan & Inovasi)
   (*Berkuatkuasa 15/4/2017*)

4. **Prof. Madya Fo'ad Sakdan**
   Timbalan Naib Canselor
   (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

5. **En. Zuber Haji Mohamad**
   Pendaftar UniMAP

6. **Puan Saodah Hassan**
   Bendahari

7. **Puan Mazmin Mat Akhir**
   Ketua Pustakawan

PROFIL UNIVERSITI

Ahli Senat



Barisan hadapan dari kiri: Prof. Dr. Salleh Abdul Rashid, Dato' Wira Prof. Dr. Mohd. Salleh Hj. Din, Dato' Dr. Prof. Ali Yeon Md. Shakaff
Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid, En. Zuber Haji Mohamad, Prof. Dr. Uda Hashim, Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan
Prof. Ir. Dr. Haji Rezuwan Kamaruddin, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Pn. Saodah Hassan, Pn. Mazmin Mat Akhir
Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain, Prof. Madya Dr. Noorhafiza Muhammad, Prof. Madya Dr. Hakimah Osman
Datin Paduka Datuk Prof. Dr. Ramlah Adam, Dr. Haziah Abd. Hamid, Prof. Madya Dr. Ruslinda A. Rahim, Prof. Dr. Rosni Bakar
Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad, Prof. Dr. Harshita Aini Haroon



Barisan belakang dari kiri: Prof. Dr. Ridzwan Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad, Prof. Madya Dr. Khairel Rafezi Ahmad, Prof. Madya Dr. Huzili Hussin, Prof. Dr. Amran Ahmed, Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdulllah, Prof. Madya Dr. Vithyacharan A/L Retnasamy, Prof. Madya Dr. Rizalafande Che Ismail, Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin, Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar, Prof. Dr. Zakaria Wahab, Prof. Dr. Zaliman Sauli, Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail, Prof. Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar, Prof. Madya Razli Ahmad, Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi, Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad, Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail, Profesor Dr. Hazry Desa.

PROFIL UNIVERSITI

Ahli Senat

Bil.	Nama
1.	**Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal** Naib Canselor / Pengerusi
2.	**Prof. Ir. Dr. Haji Rezuwan Kamaruddin** Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) / Timbalan Pengerusi
3.	**Prof. Dr. Uda Hashim** Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (*Berkuatkuasa 15 April 2017*)
4.	**Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan** Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5.	**En. Zuber Haji Mohamad** Pendaftar/ Setiausaha
6.	**Pn. Saodah Hassan** Bendahari
7.	**Pn. Mazmin Mat Akhir** Ketua Pustakawan
8.	**Prof. Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din** Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan)
9.	**Prof. Dato' Dr. Ali Yeon Md. Shakaff** Pengerusi, Majlis Profesor UniMAP
10.	**Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid** Dekan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
11.	**Prof. Dr. Zaliman Sauli** Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
12.	**Prof. Dr. Hazry Desa** Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan
13.	**Prof. Dr. Harshita Aini Haroon** Pengarah, Pusat Bahasa Antarabangsa
14.	**Prof. Dr. Rosni Bakar** Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pengkormersilan
15.	**Prof. Dr. Salleh Abdul Rashid** Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)
16.	**Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam** Pengarah, Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia
17.	**Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain** Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
18.	**Prof. Dr. Amran Ahmed** Profesor, Institut Matematik Kejuruteraan

Bil.	Nama
19.	**Prof. Dr. Zakaria Wahab** Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan
20.	**Prof. Dr. Ridzwan bin Abdul Rahman** Profesor, Pusat Pengajian Bioproses
21.	**Prof. Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar** Dekan, Pengurusan Akademik
22.	**Prof. Madya Razli Ahmad** Dekan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
23.	**Prof. Madya Dr. Rizalafande Che Ismail** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
24.	**Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan
25.	**Prof. Madya Dr. Khairel Rafezi Ahmad** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
26.	**Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdulllah** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
27.	**Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
28.	**Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses
29.	**Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
30.	**Prof. Madya Dr. Huzili Hussin** Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi
31.	**Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad** Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan
32.	**Prof. Madya Dr. Hakimah Osman** Dekan, Pusat Pengajian Diploma
33.	**Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail** Pengarah, Pusat Kokurikulum
34.	**Prof. Madya Dr. Noorhafiza Muhammad** Pengarah, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
35.	**Prof. Madya Dr. Vithyacharan A/L Retnasamy** Pengarah, Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan
36.	**Prof. Madya Dr. Ruslinda A. Rahim** Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
37.	**Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar** Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari
38.	**Dr. Haziah Abd. Hamid** Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
39.	**Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad** Dekan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan

PROFIL UNIVERSITI


Ketua Jabatan

Bil.	Nama	Ketua Jabatan
1.	Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal	Naib Canselor
2.	Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin	Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)
3.	Prof. Dr. Uda Hashim	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) (*Berkuatkuasa 15 April 2017*)
4.	Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)
5.	En. Zuber Hj. Mohamad	Pendaftar
6.	Pn. Saodah Hassan	Bendahari
7.	Pn. Mazmin Mat Akhir	Ketua Pustakawan
8.	Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin	Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat Dan Pengurusan Kualiti) (*Sehingga 28 Februari 2017*)
9.	Prof. Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Hj. Din	Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan)
10.	Prof. Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar	Dekan Pengurusan Akademik (Berkuatkuasa 01 Mac 2017)
11.	Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid	Dekan, Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi
12.	Prof. Madya Razli Ahmad	Dekan (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)
13.	Prof. Dr. Mohd Yusoff Mashor	Dekan, Pusat Pengajian Siswazah (*Sehingga 28 Februari 2017*)
14.	Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Siswazah (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017 sehingga 14 Mac 2017*)
15.	Prof. Dr. Zaliman Sauli	Dekan, Pusat Pengajian Siswazah (*Berkuatkuasa 15 Mac 2017*)
16.	Prof. Madya Dr. Rizalafande Che Ismail	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
17.	Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer Dan Perhubungan (*Sehingga 28 Februari 2017*)
18.	Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer Dan Perhubungan (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017*)
19.	Dr. Haziah Abdul Hamid	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
20.	Prof. Madya Dr. Khairel Rafezi Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
21.	Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdullah	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
22.	Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
23.	Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses
24.	Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
25.	Prof. Dr. Hazry Desa	Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017*)
26.	Prof. Dr. Hazry Desa	Dekan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan Dan Teknousahawan (*Sehingga 28 Februari 2017*)
27.	Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan Dan Teknousahawan (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017*)
28.	Prof. Madya Dr. Huzili Hussin	Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Insan Dan Teknokomunikasi
29.	Prof. Dr. Rosni Bakar	Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersilan dan Pengurusan Harta Intelek (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017*)
30.	Prof. Madya Dr. Hakimah Osman	Dekan, Pusat Pengajian Diploma
31.	Prof. Dr. Amran Ahmed	Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan (*Sehingga 28 Februari 2017*)
32.	Prof. Madya Dr. Mohammad Zaini Ahmad	Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017*)
33.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Hafiz Fazalul Rahiman	Pengarah, Unit Reputasi (*Sehingga 28 Februari 2017*)
34.	Prof. Dr. Harshita Aini Haroon	Pengarah, Pusat Bahasa Antarabangsa
35.	Prof. Madya Dr. Noorhafiza Muhammad	Pengarah, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa

Bil.	Nama	Ketua Jabatan
36.	Prof. Madya Dr. Idris Md. Noor	Pengarah, Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017*)
37.	Prof. Madya Dr. Vithyacharan a/l Retnasamy	Pengarah, Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan
38.	Prof. Dr. Zaliman Sauli	Pengarah, Pusat Ko-Kurikulum (*Sehingga 14 Mac 2017*)
39.	Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail	Pengarah, Pusat Ko-Kurikulum (*Berkuatkuasa 15 Mac 2017*)
40.	Dr. Ku Mohd Nabil Ku Hamid @ Ku Ismail	Pengarah, Pusat Islam
41.	Prof. Dr. Ye Htut@Mohammad Iqbal Omar	Pengarah, Pusat Kesihatan
42.	Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam	Pengarah, Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (*Sehingga 28 Februari 2017*)
43.	Dr. Hirwan Jasbir Jaafar	Pengarah, Institut Kajian Strategik, Kepimpinan Dan Komuniti (*Sehingga 28 Februari 2017*)
44.	Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam	Pengarah, Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan Dan Komuniti (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017*)
45.	Prof. Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar	Pengarah, Unit Kelayakan Dan Akreditasi (*Sehingga 28 Februari 2017*)
46.	Pn. Suhana Abdul Mutalib	Pengarah, Unit Media (*Sehingga 28 Februari 2017*)
47.	Prof. Madya Ir. Abdul Ghapar Ahmad	Pengarah, Unit Pengurusan Harta (*Berkuatkuasa 03 April 2017*)
48.	Cik Hasbalaila Alias	Pengarah, Unit Audit Dalam
49.	Dr. Azuwir Mohd Nor	Pengarah, Unit Multimedia (*Behingga 28 Februari 2017*)
50.	Dr. Mohamad Ezral Baharudin	Pengarah, Unit Multimedia (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017*)
51.	En. Mohd Izwan Izhar Haris	Pengarah, Unit Kebudayaan dan Rekreasi
52.	Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar	Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari
53.	Prof. Dr. Salleh Abd Rashid	Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari
54.	Prof. Dr. Uda Hashim	Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (*Sehingga 14 April 2017*)
55.	Prof. Madya Dr. Ruslinda A. Rahim	Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (*Berkuatkuasa 02 Mei 2017*)
56.	Dr. Irnis Azura Zakarya	Pengarah, Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
57.	Prof. Dr. Asiah Sarji	Pengarah, Pusat Penerbitan UniMAP (*Sehingga 28 Februari 2017*)
58.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Hafiz Fazalul Rahiman	Pengarah, Pusat Penerbitan UniMAP (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017*)
59.	En. Suhizaz Sudin	Pengarah, Pusat Sukan
60.	Prof. Madya Nor Azmi Hj. Johari	Pengarah, Jabatan Keselamatan (*Sehingga 28 Februari 2017*)
61.	Dato' Zull Aznam Haron	Pengarah, Jabatan Keselamatan (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017*)
62.	Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid	Pengarah, Jabatan Pembangunan
63.	En. Nasrudin Abd. Shukor	Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Ketua Pegawai Maklumat (CIO) (*Berkuatkuasa 25 Julai 2017*)
64.	En. Mustaffa Ismail	Pengarah Unit Komunikasi Korporat (*Berkuatkuasa 01 Mac 2017*)
65.	Dr. Hirwan Jasbir Jaafar	Pengetua Kolej-Kolej Kediaman/ Pengerusi Majlis Pengurusan Kolej Kediaman
66.	Prof. Madya Dr. Midhat Nabil Ahmad Salimi	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman (*Sehingga 28 Februari 2017*)
67.	Pn. Kartini Hj. Alir	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
68.	En. Syed Akhmal Syed Jamalil	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
69.	Dr. Wong Yee Shian	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
70.	En. Ismail Ibrahim	Pengetua Kolej-Kolej Kediaman
71.	Dr. Sanna Taking	Pengetua Kolej-Kolej Kediaman (*berkuatkuasa 01 Mac 2017*)

PROFIL UNIVERSITI

Struktur Organisasi



2 • Perutusan

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

3 • Laporan

NAIB CANSELOR





Perutusan

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Assalamualaikum dan Salam Hormat,

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Sekalung tahniah dan terima kasih kepada semua pengurusan yang terlibat dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan UniMAP Bagi Tahun 2017 ini.

Melihat kepada perkembangan dan pembangunan UniMAP selaras dengan keperluan Revolusi Industri (IR 4.0) terutamanya dalam aspek pengajaran dan penyelidikan ternyata memperlihatkan hasil yang positif. Kerjasama erat antara pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah Universiti turut menjadi tunjang kejayaan untuk melihat UniMAP terus berdaya saing dan relevan dengan keperluan industri semasa.

Penghasilan graduan yang holistik serta berdaya saing serta mampu menyumbangkan kepada industri Negara menjadi agenda utama Universiti. Bertitik tolak daripada itu, jaringan dan rangkaian antara Universiti dan industri yang kukuh amat diperlukan untuk memastikan kebolehpasaran graduan dapat dipertingkatkan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah memberi kesan terhadap penetapan hala tuju graduan yang lebih holistik, berminda keusahawanan dan seimbang.
Selari dengan arus transformasi sistem tadbir urus (governan), UniMAP terus bergerak melalui fasa peralihan yang menuntut perubahan yang lebih sistematik bagi mengukuhkan Universiti sebagai sebuah organisasi yang berdaya saing, kreatif dan fleksibel. Demi mencapai tadbir urus yang sistematik dan efisien, pengiktirafan UniMAP sebagai universiti cemerlang di kalangan MTUN dilihat sebagai salah satu agenda penting untuk UniMAP terus maju ke peringkat nasional dan antarabangsa.

Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UniMPA, saya mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor UniMAP yang telah memainkan peranan besar dalam menyemarakkan lagi program budaya ilmu dan kesarjanaan di universiti ini. Nasihat dan dorongan yang diberikan adalah amat bermakna buat seluruh warga universiti. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pro-Canselor, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Naib Canselor, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli-ahli Senat Universiti, pegawai-pegawai kanan, staf dan mahasiswa yang telah bersama-sama menyumbang tenaga, pemikiran, dan masa bagi memastikan UniMAP sentiasa berada di kemuncak kejayaan baik di peringkat nasional mahupun di peringkat antarabangsa. Usaha kalian yang tidak pernah mengenal erti penat dan lelah sudahpastinya akan dapat menjulang nama UniMAP sebagai universiti yang berkedudukan 500 teratas terbaik dalam senarai bersama-sama universiti ternama dunia menjelang tahun 2020.
Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha gigih yang ditunjukkan oleh semua staf UniMAP bagi memastikan semua objektif dan program yang dirancang dapat dijalankan dengan jayanya. Semoga UniMAP akan terus maju dan berdaya saing dalam melahirkan jurutera glokal.

Dato' Dr. Mohd Sofi bin Osman
Pengerusi Lembaga Pengarah



Laporan
NAIB CANSELOR

Alhamdulillah, sudah beberapa minggu kita berada di tahun 2018. Masih belum terlambat untuk saya mengucapkan selamat tahun baru. Semoga setiap warga Universiti sudahpun memperbaharui resolusi serta azam kerja masing-masing.

Usia kita kini menjangkau 16 tahun. Sekiranya dianalogikan sebagai manusia, kita adalah remaja yang bertenaga meneroka peluang mencapai kegemilangan. Kita bertenaga kerana sumber manusia yang dimiliki majoritinya dalam kalangan muda. Kita sering memikirkan masa depan yang memenuhi kepentingan pemegang taruh, dan merencanakan pelbagai inisiatif untuk kelangsungan kecemerlangan Universiti. Saya percaya semua warga telah berhempas pulas, memerah keringat dan melipat ganda usaha memastikan UniMAP terus mencipta kejayaan.

Untuk berjaya, kita perlu berani meneroka. Lao Tzu, ahli falsafah China ada menyebut, "*perjalanan seribu batu bermula dari satu langkah pertama*". Matlamat menjadi antara 500 universiti terbaik dunia masih jauh, namun tidak mustahil mencapainya. Kita sekarang berada pada kedudukan 221 dalam ranking Asia melalui penarafan QS 2017. Kita juga telah mencapai kedudukan ke-300 dunia dalam bidang kejuruteraan mekanikal (aeronautik) dan kedudukan 350 dunia untuk kejuruteraan elektronik. Syukur - dunia mengiktiraf kita, dan kita berada pada landasan yang betul.

Pencapaian UniMAP

- Peratus graduan bekerja semasa konvokesyen - Pencapaian UniMAP ialah 84.6%. Iaitu, 2690 daripada 3180 siswazah yang diraikan pada majlis konvokesyen lalu telah memperoleh pekerjaan. Saya percaya peratusan ini akan meningkat dalam masa terdekat.
- Nisbah penerbitan dalam jurnal berindeks menunjukkan angka 1.84, meningkat berbanding sasaran 1.5 yang ditetapkan KPT, **tetapi** menurun berbanding 2.75 pada 2016. Begitu juga nisbah kumulatif sitasi per staf akademik, iaitu 17.15 tahun lalu berbanding 18 yang ditetapkan. Walau hampir dengan sasaran, ia tidak setinggi pencapaian tahun 2016. Justeru, kita perlu memikirkan punca penurunan dan seterusnya mengambil tindakan strategik yang bersifat mampan untuk menanganinya.
- Peratus enrolmen pelajar dalam pendidikan latihan dan latihan teknikal vokasional (atau TVET) - Kita menyokong hasrat kerajaan yang ingin memperkasakan modal insan teknikal dan vokasional. Walaupun universiti kita berteraskan kejuruteraan dan teknologi, kita juga popular dalam program berbentuk "soft" TVET seperti Komunikasi Media Baharu dan Keusahawanan Kejuruteraan. Peningkatan 5.79% enrolmen pelajar dalam bidang ini berbanding tahun 2016 amat membanggakan. Bagi tahun 2017, pencapaian KPI ini ialah 55.31 % berbanding sasaran 50% yang ditetapkan. Alhamdulillah.
- Penjanaan pendapatan sendiri - kita telah melepasi sasaran 18% yang ditetapkan. Peratusan penjanaan kita ialah 19.91%. Kita tahu kedudukan kewangan UA semakin mencabar. Penjanaan kewangan pula bukanlah suatu yang mudah. Saya menghargai usaha dan kreativiti semua pihak dalam hal ini. Marilah kita terus berusaha untuk pencapaian yang lebih tinggi.
- Seterusnya, keterlihatan global universiti yang digambarkan melalui bilangan pelajar antarabangsa menunjukkan bahawa sasaran 1100 orang telah dilepasi, dengan bilangan 1118 sehingga Disember 2017. Walau bagaimanapun, kita masih perlu menggiatkan aktiviti promosi, dan memberi tumpuan kepada negara-negara tertentu untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa, terutamanya pelajar pasca-siswazah yang kini seramai 399 orang berbanding sasaran KPT 430 orang.
- "Intake graduate on time" atau iGOT juga merupakan KPI yang dipantau. Tahun lalu, iGOT pada peringkat sarjana muda adalah 85%, sebagaimana disasarkan. Namun, bagi peringkat Sarjana, angka ini ialah 36.49%, iaitu kurang 3.51% daripada sasaran; dan 31.53% bagi PhD, iaitu kurang 8.47% daripada sasaran. Pencapaian iGOT yang baik menjadi

daya tarikan kepada bakal pelajar untuk menyambung pengajian di sini. Oleh itu, kita perlu mengatur tindakan pembaikan yang sewajarnya.

- Kadar keciciran juga merupakan KPI yang penting. KPT menetapkan sasaran kurang daripada 7% bagi sarjana muda, kurang daripada 18% bagi sarjana, dan kurang daripada 19% bagi PhD. Alhamdulillah kadar keciciran kita adalah di bawah peratusan-peratusan ini. Malah bagi PhD, kadar keciciran kita adalah sifar.
- Program-program yang kita tawarkan digubal agar memenuhi keperluan industri. Struktur kurikulumnya memenuhi standard BEM dan MQA. Pelbagai faktor menyumbang kepada kekuatan ini, termasuk penglibatan industri dalam pembentukan, pelaksanaan dan penilaian program.
- Modal insan berkualiti turut menyumbang kepada keutuhan program. UniMAP kini mempunyai 1057 tenaga akademik, di mana sekitar 45% daripadanya berkelayakan PhD. Di samping itu, kita ada 69 Jurutera Profesional (merangkumi Professional Engineer dan Chartered Engineer), iaitu antara yang tertinggi di Universiti Awam Malaysia. Terkini, 19 staf UniMAP berstatus Ts., iaitu Teknologis Profesional, yang dianugerahkan Lembaga Teknologis Malaysia (atau MBOT). Bagi yang belum memohon menjadi Teknologis Profesional, silalah berbuat demikian kerana ia bukan sahaja menguntungkan organisasi, tetapi diri sendiri juga.
- UniMAP amat mementingkan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Selain penawaran program-program pascaijazah pada hujung minggu, kita meneroka model-model baharu. Sebagai contoh, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik kini bekerjasama dengan beberapa institusi dalam penawaran program Sarjana Muda Kejuruteraan. Seramai 36 orang staf IKM, KKTM dan ILP sedang mengikuti program ini. Terdapat potensi besar untuk program sebegini dipasarkan.
- Kita juga menawarkan program sarjana mod campuran/kerja kursus di Anjung Kulim dan Anjung Kuala Lumpur melalui RETRACE. Lokasi yang berdekatan dengan industri membekalkan peluang yang lebih luas kepada yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi. Selain itu, program secara francais dengan Kolej TAJ dan Kolej Regent sudah mendapat kelulusan dari MQA dan KPT. Dari itu, pengambilan pelajar akan dilakukan tidak lama lagi.
- Kemudahan pengajaran kita seiring dengan peralatan yang digunakan di industri, serta memenuhi dasar Industri 4.0. Pelajar UniMAP dibimbing dengan pengetahuan dan kemahiran aras tinggi, serta dibekalkan kemudahan peralatan terkini. Makmal Kejuruteraan Rangkaian Komputer, Makmal Microprocessor and Embedded Systems, Makmal Fotonik, Makmal Power System, dan Rapid Prototype Studio adalah antara contoh yang boleh diberikan, selain peralatan terkini seperti 3D printing, X-ray Diffractometer, dan banyak lagi. Melalui ini semua, pelajar kita bersifat siaga-industri (*industry-ready*) apabila bergraduat nanti, in syaa Allah.
- Bagi meningkatkan keunggulan, warga universiti digalakkan melibatkan diri dalam program mobiliti. Alhamdulillah, 2 pensyarah UniMAP mengikuti "Programme CEO Faculty 2.0 Coached by the Pros" anjuran KPT. Ada juga pensyarah yang terlibat dalam program mobiliti dengan Czech Technical University, Prague dan Centre of Nanotechnology, University College London, UK, dan University of Sindh, Pakistan. Terkini, 6 orang pensyarah berada di Nahda University Mesir dalam kerjasama berbentuk timbal-balik, di mana kita akan menerima pelajar pasca-siswazah dari sana tidak lama lagi.
- Program mobiliti pelajar juga terus digiatkan agar mereka menimba ilmu di seluruh dunia serta mendapat pendedahan bersifat global. Antara program yang berkenaan termasuklah yang di bawah geran Newton dan Geran EU ke UK, Greece, Taiwan, dan Republik Czech, serta program Mini-SEED di Thailand. Selain itu, terdapat juga program pemerkasaan bahasa dan kepimpinan, dan *Asia Summer Program*.
- Bagi memperkukuhkan agenda pengantarabangsaan, kita terus meneroka peluang bekerjasama dengan pelbagai institusi luar negara. Terbaharu, memorandum persefahaman dengan University of Chemical Technology and Metallurgy, Bulgaria diperbaharui bagi mencari kerjasama dengan negara-negara Kesatuan Eropah. Selain itu, kerjasama dengan Universitas Negeri Makassar Indonesia, UIN Alauddin Makassar Indonesia, dan International Islamic University Chittagong Bangladesh juga disempurnakan.
- Dalam bidang penyelidikan, UniMAP mendapat penarafan 5 bintang SETARA, dengan markah 96%. Mata yang kita perolehi melebihi median universiti lain untuk 2 kriteria. Kita kini giat menggalakkan penyelidikan translational, iaitu yang menghasilkan produk yang dapat dimanfaatkan masyarakat.
- Alhamdulillah, pencapaian kita dalam penerbitan tidak mengecewakan. Seramai 13 penyelidik memperolehi sitasi melebihi 500, dan 34 penyelidik yang berumur 40 tahun ke bawah, bergelar "UniMAP Young Research Scientists", mencapai H-Index melepasi 7. Sebanyak 1120 artikel jurnal bertaraf Scopus diterbitkan, di samping 674 prosiding persidangan yang diindeks dalam Scopus, serta 15,000 sitasi. Kita juga dinobatkan sebagai universiti awam ke-7 terbaik bagi penerbitan dalam bidang kejuruteraan,

selepas universiti penyelidikan dan UiTM, dan menjadi leader dalam kalangan MTUN dalam penerbitan bidang kejuruteraan. Penyelidik kita juga berjaya memperolehi anugerah Malaysia Research Star Award.

- Dari segi amaun geran pula, hampir RM6 juta diperolehi tahun lalu daripada pelbagai sumber dalam dan luar negara, termasuk 5 geran newton dengan jumlah melebihi setengah juta ringgit. Hubungan kita dengan penggerak industri terus kukuh, di mana 3 orang penyelidik memperolehi 3 dana daripada CREST dengan jumlah keseluruhan hampir RM1.5 juta. Kita juga dianugerahkan 9 dana penyelidikan daripada jaringan Public-Private Research Network dengan anggaran keseluruhan hampir RM300 ribu. Jumlah bagi dana KTP, FRGS, PRGS, LRGS dan MRSA pula sekitar RM4 juta.
- Kecemerlangan penyelidik UniMAP di expo penyelidikan global, termasuk di Korea dan Jerman, tidak boleh dipertikaikan. Penyertaan kita di IENA membawa pulang 2 emas dan 1 anugerah, manakala di Korea - 8 Emas dan 5 anugerah khas.
- Kita berhasrat menghasilkan lebih banyak produk inovatif sehingga dapat membantu menyumbang kepada pendapatan Universiti. Pada tahun 2016, nisbah produk kepada penyelidik ialah 1:26. Tahun ini, kita meletakkan nisbah 1:20.
- Umum mengetahui, banyak produk hasil penyelidikan universiti awam hanya berjaya ke tahap prototaip sahaja. Untuk membantu membendung isu ini, 3 syarikat "*spin-off*" telah dilahirkan. Ini suatu "*milestone*" yang membanggakan. Terdapat banyak produk penyelidikan yang berpotensi dikomersilkan. Untuk makluman, pendapatan dari IP tahun lalu adalah RM320,000 sementara dari bukan-IP, jumlahnya RM2.2 juta. Tahniah kepada semua yang terbabit! Semoga UniMAP terus ke mercu kegemilangan dalam penyelidikan dan pengkomersilan.
- Mahasiswa adalah harapan kepimpinan negara pada masa hadapan. UniMAP mempunyai 13496 pelajar pra dan pasca siswazah. Kita mahu serlahkan potensi mereka dalam pelbagai bidang dan bukan hanya berfokus kepada kecemerlangan akademik semata-mata. Dalam hal ini, kita amalkan pembangunan belia positif, iaitu pendekatan yang holistik agar mereka dibentuk dalam kerangka yang seimbang. Penekanan kepada 8C iaitu *Caring, Competent, Character, Confident, Cooperation, Considerate, Competitive* dan *Contribution* diberi perhatian sewajarnya.
- Alhamdulillah, beberapa pelajar kita muncul cemerlang, antaranya Muhammad Amirul Zainal yang mewakili Malaysia dalam World University Sports Championship di Taiwan, serta pelajar antarabangsa Mahad Mohamed yang mendapat tempat ke-4 dalam pentas Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri (PABM) 2017.
- Ramai pelajar kita juga berjaya dalam pameran-pameran penyelidikan termasuk di *Innovation Design Research International Symposium* dan *World Young Invention Exhibition*. Terima kasih diucapkan kepada para penyelia yang tidak henti-henti membimbing pelajar-pelajar tersebut.
- Selain pelajar, alumni kita juga bukan calang-calang orang di luar sana. Contohnya Siti Nurnazifah Jais Meah yang menerima anugerah UST Global Malaysia Best New Talent Award 2017, dan Tan Wei Chun - seorang usahawan yang sudah menebarkan sayap ke Thailand, Indonesia, Hongkong dan China, namun menaburkan wang dan kepakaran di alma maternya dalam projek penternakan ikan jade perch bersama Institut Agroteknologi Lestari UniMAP. Di samping itu, puluhan alumni pulang ke institusi yang mereka sayangi ini dari semasa ke semasa untuk berkongsi pengalaman dengan siswa-siswa yang masih di bangku pengajian. Alhamdulillah.

Dalam konteks UniMAP 2025, kita perlu mengorak langkah agresif membina tenaga dan upaya untuk teguh dalam pengajaran-pembelajaran yang berinovatif, demi menghasilkan siswazah yang siaga-industri. Kita perlu mantap dan bersemangat dalam melaksanakan penyelidikan translational untuk memberi manfaat kepada industri dan komuniti. Kita akan lebih berdaya maju jika berjaya menjana kewangan sendiri -dan saya yakin ini suatu yang pasti - kerana kita mempunyai kepakaran yang sukar dijumpai di luar sana. Kita, Insyaallah, akan menjulang tinggi. Pada masa yang sama, ingatlah bahawa ekosistem kita menekankan ILMU, dan terdapat sebab di sebaliknya - iaitu, supaya kita sentiasa mengingati Sang Pencipta, dan bersyukur atas rezeki dan rahmat yang dinikmati, dan seterusnya berkongsi nikmat tersebut dengan mereka yang memerlukan.

InsyaAllah, pucuk ini - universiti awam yang ke-17 - UniMAP, mampu menjulang tinggi. Marilah kita mengukuhkan tunjang Universiti. Ke arah UniMAP 4.0: Perkongsian Memacu Pembangunan, ***"Tunjang mengukuh di bumi, pucuk menjulang tinggi - untuk manfaat insan sejagat"***.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

QS UNIVERSITY RANKINGS ASIA 2017/2018 — 221

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2017 by subject — ENGINEERING - MECHANICAL, AERONAUTICAL & MANUFACTURING — TOP 300

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2017 by subject — ENGINEERING - ELECTRICAL & ELECTRONIC — TOP 350


5 SETARA-2017 Mature University — EXCELLENT

% Graduan berstatus bekerja semasa konvokesyen	Nisbah Penerbitan Jurnal Berindeks	Nisbah Kumulatif SITASI PER STAF AKADEMIK	% Enrolmen Pelajar TVET	% Peruntukan Mengurus Penjanaan PENDAPATAN SENDIRI	Bilangan Enrolmen PELAJAR ANTARABANGSA	Bilangan Enrolmen PELAJAR ANTARABANGSA PASCA SISWAZAH	*iGOT* (Sarjana Muda)	*iGOT* (Sarjana)	*iGOT* (PhD)	% Keciran Pelajar (Sarjana Muda)	% Keciran Pelajar (Sarjana)	% Keciran Pelajar (PhD)
84.6%	**1.84**	**17.15**	**55.31%**	**19.91%**	**1,118**	**399**	**85.00%**	**36.49%**	**31.53%**	**0.43%**	**1.49%**	**0.00%**
Pencapaian 2017												
80.0%	1.5	18	50.00%	18.00%	1,100	430	85%	40%	40%	<7.00%	<18.00%	<19.00%
Pencapaian 2016												
75.4%	2.75	31.67%	49.52%	17.88%	1,116	387	87.42%	72.90%	71.88%	0.66%	1.23%	4.00%

Sasaran KPT

Mencapai Sasaran

Pencapaian Melebihi Separuh / 60%


PENCAPAIAN
AKADEMIK
2017
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
UniMAP
KERJASAMA INSTITUSI
- Perda Tech School, Kismec,KKTM, ILP,IKM
- 36 pelajar IKM mengikuti IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) SISTEM ELEKTRIK
PROGRAM SARJANA MOD CAMPURAN / KERJA KURSUS (RETRACE)
Anjung Kuala Lumpur
Anjung Kulim
Pengajian secara FRANCAIS
Kolej TAJ
Kolej Regent
MENYEBARLUAS PROGRAM AKADEMIK
Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) Perniagaan Antarabangsa
Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu (Kepujian)
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Awam
4 PROGRAM paling POPULAR
>1000 Permohonan
PEMANTAPAN SISTEM AKADEMIK
Penstrukturan Program Akademik
Penyampaian Pembelajaran Atas Talian
MOOC
Blended-learning
Mobile Apps
ICGPA System
UniMAP - PSDC
3 Offshore Engineering Degree Programs
PSDC
Knowledge.com
50 pelajar tahun akhir
Perda Tech School
UniMAP-PSDC teroka IR 4.0 Industri Pulau Pinang (INARI, IBIDEN, MOTOROLA, INTEL, WALTA Technology)
48 Kolaborasi Akademik Industri & Universiti
- MCMC (Geran - Pusat Kejuruteraan Mikroelektronik)
- Projek IOT
- Mobile E-Waste
- Prof. Adjung Program RK53
- MyMakers Program
(Perpustakaan & PPK Komputer)
PROGRAM INDUSTRI IR 4.0 Partnership
Graduate Employability 85%
MOBILITI PELAJAR
INBOUND
9 pelajar Program Mobiliti UniMAP (PPIPT)-UNTAN
5 pelajar Program Khidmat Masyarakat UniMAP-UNAND
8 pelajar Program Mobiliti
1 pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian UTHM
25 pelajar International Soft Skills and Leadership Camp 2017
1 pelajar Academic Attachment under Eu Grant-Progeoc
4 pelajar Latihan Industri
OUTBOUND
5 pelajar VEST Program (Stage 2) UUM
24 pelajar International Soft Skills and Leadership Programme (ISOL) 2017
3 pelajar Misi Kesukarelawanan & Ilmiah Ke Aceh
2 pelajar Mini Social for Enterprise Development Program
30 pelajar Program Khidmat Masyarakat (Kemboja)
1 pelajar IYIA International Young Inventors Awards
3 pelajar Research Outreach Program
5 pelajar Out of the Box (USA)
13 pelajar Program Sawatdi Thailand (Bagan Kei dan Khuan Don, Thailand)
10 pelajar Enhancing Arts and Cultural Exchange Program (Pejabat Kebudayaan Wilayah Satun, Thailand)
10 pelajar Latihan Industri (UniMAP - UNTAN)
2 pelajar Academic Attachment under Eu Grant-Progeoc
15 pelajar Asia Summer Program
24 pelajar "Kembara Ilmu ke Negara Seberang, Thailand)
31 pelajar UniMAP Education Trip To Azerbaijan & Kazakstan 2017 NAZARBAYEV UNIVERSITY
2 pelajar Rentas Asean (UniMAP - UNAND)
KELOMPOK BAKAT STAF
INBOUND
69 Jurutera Profesional - antara bilangan teramai di UA
1 Staf Pentadbiran di Pusat ICT UniMAP (Thaksin University, Thailand)
OUTBOUND
2 pensyarah "Program CEO Faculty 2.0 Coached by the Pros"
1 pensyarah
4 pensyarah Asia Summer Program 2017
6 pensyarah Kerjasama penerbitan, penyelidikan, pengajaran & pembelajaran (Nahda University, Egypt)
45 staf Akademik menjadi PAKAR RUJUK
PROGRAM PENGAJIAN
21 Kejuruteraan
14 Teknologi Kejuruteraan
2 Perniagaan & Keusahawanan
1 Komunikasi Media Baharu
15 Program Pasca Siswazah
6 Diploma
ENROLMEN PELAJAR
ENROLMEN PELAJAR 13,496
1,021 Diploma
1,377 Pasca Siswazah
11,098 Sarjana Muda
iGOT 85%
Bergraduat PNGK >3.00 52%
283 Pasca Siswazah
463 Sarjana Muda
PELAJAR ANTARABANGSA 746
ENROLMEN STAF
44.8% PhD
1057 Tenaga Akademik
19 Teknologis Profesional
69 Jurutera Profesional
PUSAT PENGAJIAN
Pusat Pengajian Kejuruteraan (8)
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan Dan Teknousahawan
Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi
Pusat Pemantapan Akademik (4)
Pusat Pengajian Diploma
Pusat Pengajian Siswazah
RANKING
5 SETARA-2017 Mature University
EXCELLENT
QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2017 by subject
ENGINEERING - MECHANICAL, AERONAUTICAL & MANUFACTURING
TOP 300
QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2017 by subject
ENGINEERING - ELECTRICAL & ELECTRONIC
TOP 350

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENCAPAIAN ANTARABANGSA 2017



MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA)





International Islamic University of Chittagong, Bangladesh
Program Pasca Siswazah
(Doctor of Philosophy & Master of Science by Research)

IIUC নিয়োগ বিজ্ঞপ্তি



OTH Regensburg, German
Program Mobiliti Pelajar
(The "pravispartnerschaften" Project)

OTH REGENSBURG

SURAT HASRAT (LoI)



Universitas Negeri Makassar Indonesia
Akademik & Penyelidikan

Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Indonesia
Akademik & Penyelidikan

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)





Nahda University, Egypt
Perkongsian kepakaran (Akademik & Penyelidikan)
Mobiliti staf & pelajar


University of Chemical Technology and Metallurgy, Bulgaria, : University of Yamanashi, Japan, : King Mongkut University of Technology North, Bangkok, : Sri Ramakrishna Institute of Technology, India

Perkongsian kepakaran (Akademik & Penyelidikan)
Mobiliti staf & pelajar
Perkongsian penggunaan makmal & peralatan

UNIVERSITY OF CHEMICAL TECHNOLOGY AND METALLURGY

UNIVERSITY OF YAMANASHI

KMUTNB


UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
UniMAP
PENCAPAIAN
PENYELIDIKAN
2017
PAMERAN
Malaysia Technology Expo 2017
3 Golds Special Awards
EURO INVENT
3 Golds
iENA International Trade Fair Ideas Inventions New Products
2 Golds Special Awards
10 Golds 3 Special Awards
ITEX 17 MALAYSIA
Pecipta '17
2 Golds
8 Golds 5 Special Awards
SIIF 2017
Seoul International Invention Fair
PALING CEMERLANG
(PENYELIDIKAN)
dengan markah 96%
markah UniMAP
MELEBIHI MEDIAN
UNIVERSITI AWAM
(UMUM & PENGAJARAN/ PEMBELAJARAN)
5 SETARA-2017
Mature University
EXCELLENT
13
PENYELIDIK > 500
Sitasi
34
PENYELIDIK MUDA
H-Index Melepasi 7
5
Top Research Scientists Malaysia (TRSM)
17
PENYELIDIKAN TRANSLASI
ACELINK
MASK ALIGNER
KAMA 4G
3 syarikat
START-UP / SPIN-OFF
PATENT
13 Granted
115 Pending
PRODUK
PENJANAAN PENDAPATAN
RM2.2 Juta bukan IP
RM320 Ribu IP
CERE
CEGEOGTECH
UAS
ACE
AMBIENCE
MOTECH
FMR
CEASTECH
CEBU
INSAT
INEE
IKRK
1,417
Artikel jurnal SCOPUS
15 Ribu
Sitasi Penerbitan
SITASI
BERIMPAK TINGGI
Penerbitan (Kejuruteraan Kimia)
No.10 Universiti Awam
Penerbitan (Kejuruteraan)
No.7 Universiti Awam
MTUN
No.1
KERAJAAN
RM4.0 Juta
37 Projek
Direct INDUSTRY
RM100 Ribu
1 Projek
PPRN
PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK
RM300 Ribu
9 Projek
CREST
RM1.5 Juta
3 Projek
INDUSTRI
GERAN
ANTARABANGSA
RM1.4 Juta
7 Projek
INSTITUTIONAL LINKS Newton Fund
RM815 Ribu
Gheorghe Asachi Tech. Univ. of Lasi
RM20 Ribu
Newton Fund
RM550 Ribu

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENCAPAIAN PELAJAR & ALUMNI 2017



PENYELIDIKAN

IDRIS 2017
1 Emas
15 Perak
2 Gangsa
PINGAT



Nur Nadiah 'Izzati Zulkifli
IDRIS - Double Gold & Special Award
ITEX - Silver
IYIA - Gold & special award

ANTARABANGSA



No.4 Mahad Mohamed (PPK Bioproses) Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM)



Amirul Zainal (PPK Komputer & Perhubungan) wakil Malaysia **World Sports Championship, Taiwan**



Rosyeen Nambiyaar Nandakumar (PPK Mekatronik) wakil Malaysia **ITF World Championships 2017 Dublin, Ireland**

ALUMNI



Kerjasama Penyelidikan **Alumni Tan Wei Chun & INSAT** Projek Rumah Burung Walet & Penternakan Jade Perch (Ikan Puyu KUKUM). Agropreneur berjaya di peringkat antarabangsa.



Siti Nurnazifah Jais Meah (Siswazah FTK) terima **Anugerah UST Global Malaysia (Best NewTalent Award) 2017**



Program Homecoming Pusat Pengajian melibatkan **240** Alumni

Career Recruitment
4 orang pelajar telah diambil bekerja oleh Alumni dengan **National Instrument**
NATIONAL INSTRUMENTS



Penajaan Alumni Kerusi & Deco Wording Taman Alumni uE & Coway Water Filter



Alumni Talk perkongsian tentang alam pekerjaan kepada pelajar UniMAP

KEBAJIKAN

835 Pelajar (RM213,400.00)

20 Pelajar (RM12,080.50)

- Tabung Amanah Khas & Tabung Amanah Zakat
- Tabung Dedikasi Diri
- Program Sama Rasa 2017 — Usahasama Pasaraya C-Mart
- Waqf Friendly Cafe — 9 Pengusaha Kafeteria (RM500 sebulan)
- Free Food Program — Sumbangan/Wakaf Staf

KESUKARELAWANAN



Cambodia



Padang Indonesia



Aceh Indonesia





P. Pinang (Sukarelawan Teramai 675 pelajar)




Satun Thailand







5 Pusat Pengajian Dengan Peratusan Kebolehpasaran Siswazah Tertinggi



Peratusan Kebolehpasaran Siswazah mengikut sektor

KERJASAMA INDUSTRI

- **INTEL- UniMAP** 34 pelajar FTK telah ditemuduga
- **MDEC TALENT ENGAGEMENT** 100 pelajar Diploma (Komputer, Elektronik & Elektrik) Pendedahan Ekonomi Digital
- **GRADUATE TRAINING PROGRAM ADVANCE PACT SDN. BHD.** Pelajar tahun akhir Kejuruteraan Bioperubatan menghadiri temuduga
- **TALENT READY 101: VOICE PRUBSN** 150 pelajar PPIPT & iKOM - pendedahan menghadapi temuduga
- **ALCON - UniMAP SMART PARTNERSHIP** 7 pelajar telah diambil bekerja & kerjasama penyelidikan (5 projek bernilai RM500K)

THE FINALE 2017
Program Mini Kerjaya melibatkan 11 Syarikat





NICE II 2017
3000 pelajar menghadiri temuduga melibatkan 38 industri (Utara, KL, Lembah Kelang & Sarawak)

4 • Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama



PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2017 (KPI Headlines)

Pada tahun 2016, KPT telah menetapkan sebanyak 13 ***KPI HEADLINES*** untuk dilaporkan kepada Menteri Pendidikan Tinggi. UniMAP telah mencapai 10 daripada 13 KPI Headlines yang telah ditetapkan. **Bilangan Enrolmen Pelajar Antarabangsa** tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh KPT iaitu 1,100 orang pelajar antarabangsa. Walau bagaimanapun, **Bilangan Pelajar Antarabangsa Paswasiswazah** telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Kedua-dua **KPI Peratus Pelajar Sarjana Muda Yang Berjaya Menamatkan Pengajian Dalam Masa Yang Ditetapkan (iGOT)** dan **KPI Peratus Keciciran Pelajar Sarjana Muda** berdasarkan peringkat pengajian di universiti masing-masing tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Mesipun begitu pencapaian UniMAP kini telah melebihi 80% dari sasaran yang ditetapkan oleh KPT. Secara keseluruhannya, purata peratus pencapaian KPI Headlines UniMAP adalah sebanyak 139.99% bagi tahun 2017.

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2017	PENCAPAIAN 2017	% PENCAPAIAN
1.	PERATUS GRADUAN YANG BERSTATUS BEKERJA SEMASA KONVOKESYEN	80%	85.80%	107.25%
2.	NISBAH PENERBITAN OLEH UNIVERSITI DALAM JURNAL YANG BERINDEKS	1.5	1.69	112.67%
	NISBAH KUMULATIF SITASI PER STAF AKADEMIK	15	22.15	147.67%
3.	PERATUS ENROLMEN PELAJAR DALAM PENDIDIKAN LATIHAN DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL (TVET) DI IPT	50%	55.31%	110.62%
4.	PERATUS PERUNTUKAN MENGURUS DIBIAYAI MELALUI PENJANAAN PENDAPATAN SENDIRI BAGI UNIVERSITI AWAM	18%	19.91%	110.61%
5.	PELAJAR ANTARABANGSA			
	I. BILANGAN ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA	1,100	1,025	93.18%
	II. BILANGAN ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA PASCA-SISWAZAH	365	427	116.99%
6.	PERATUS PELAJAR YANG BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN DALAM MASA YANG DITETAPKAN (IGOT) DI UNIVERSITI:			
	I. SARJANA MUDA	80%	75%	93.75%
	II. SARJANA	40%	38%	95%
	III. PHD	50%	39%	78%
7.	PERATUS KECICIRAN PELAJAR BERDASARKAN PERINGKAT PENGAJIAN DI UNIVERSITI:			
	I. SARJANA MUDA	<7%	8%	87.5%
	II. SARJANA	<15%	9%	166.67%
	III. PHD	<15%	3%	500%

PETUNJUK PENCAPAIAN	
	<60%
	>60%-90%
	>90%

(Kemaskini Mac 2018 - Sumber KPT (Data TRACER STUDER, MyMOHES & MYRA)

SOARING UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
UniMAP

2025

4.0: PARTNERSHIPS DRIVING GROWTH

INNOVATION-LED TEACHING

- INTEGRATED EDUCATION SYSTEM 50%
- INDUSTRIAL LAB 30%
- TELEPRESENCE PLATFORM 75%

INDUSTRY-READY GRADUATES

- MNC/GLC 45%
- CGPA > 3.00 50%
- TVET 60%
- GE 85%

TRANSLATIONAL RESEARCH

- RECOGNITION 50%
- PhD 65%
- INNOVATION 1:5
- USR 100

WEALTH CREATION

- BEST PRACTICES NETWORK 25%
- RESEARCH FUND RM 10mil
- ENDOWMENT RM 30mil
- ENTREPRENEURSHIP FUNDS RM 1.5mil
- INCOME 30%

KAMPUS LESTARI insan bestari

SIRIM CERTIFIED TO ISO 9001:2015 CERT. NO : MY-AR 5225

SIRIM CERTIFIED TO ISO 9001:2015 CERT. NO : MY-AR 5225

5 SETARA-2017 Mature University EXCELLENT


LIKE FB UniMAP
facebook

5 • Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia




5.1 PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2017, bilangan keseluruhan jawatan yang telah diluluskan kepada UniMAP adalah sebanyak 1622. Berbanding 48 jawatan yang diluluskan pada tahun 2016, pada tahun 2017, sebanyak 20 jawatan kosong telah diluluskan kepada UniMAP oleh Perbendaharaan dengan perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pengisian perjawatan sehingga tahun 2017 adalah terdiri daripada 926 orang staf akademik, 160 orang staf bukan akademik pengurusan dan profesional, dan 504 orang staf pelaksana.


Bilangan keseluruhan staf bukan warganegara adalah seramai 25 orang bagi tahun 2017 berbanding 38 orang pada tahun 2016. Taburan staf bukan warganegara tersebut mengikut negara masing-masing adalah 3 dari Indonesia, 2 dari India, 2 dari Myanmar, 2 dari Bangladesh, 2 dari Pakistan, 2 dari Thailand, 2 dari Republik Rakyat China, 2 dari Nigeria dan masing-masing satu (1) dari Permanent Residence, Jerman, Iraq, Jepun, Sudan, Kanada, Filipina dan Vietnam.

Secara umumnya, pecahan staf akademik adalah seperti di Graf 1 dan pecahan staf mengikut kumpulan perkhidmatan digambarkan di Graf 2.

Pada tahun 2017, seramai 52 orang staf akademik, 29 staf bukan akademik pengurusan dan profesional dan 13 orang staf kumpulan pelaksana telah dinaikkan pangkat mengikut gred jawatan masing-masing.



Rajah 5.1: Pecahan Staf Akademik



Rajah 5.2: Pecahan Staf Bukan Akademik Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

5.2 PERKHIDMATAN

Unit Kompetensi merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Pada dasarnya Unit Kompetensi dipertanggungjawabkan untuk menjalankan tiga (3) fungsi utama iaitu, Program Transformasi Minda, Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) di UniMAP kepada semua staf yang layak.

Pada tahun 2017, Unit Kompetensi Jabatan Pendaftar telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti yang disenaraikan di bawah:

i. Program Transformasi Minda

PTM merupakan kursus wajib yang perlu dihadiri oleh semua staf yang telah dilantik ke jawatan tetap. Ia merupakan salah satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

ii. Peperiksaan Perkhidmatan

Peperiksaan Perkhidmatan merupakan peperiksaan yang perlu diduduki oleh pegawai-pegawai yang berjawatan tetap sepertimana yang telah disyaratkan dalam skim perkhidmatan masing-masing. Ia juga merupakan salah satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

ii. Peperiksaan BITK

Peperiksaan ini ditawarkan hanya kepada staf-staf yang menjalankan tugas-tugas kewangan di PTj masing-masing. Staf yang lulus dalam peperiksaan tersebut layak mendapat bayaran BITK sebanyak RM80 sebulan.

Bil.	Perkara	Catatan
A.	Program Transformasi Minda [PTM] Siri 1/2016 10 - 14 April 2017	PTM Siri 1/2017 telah dihadiri oleh 46 orang peserta yang terdiri daripada 38 orang staf akademik dan 8 orang staf bukan akademik.
	Program Transformasi Minda [PTM] Siri 2/2017 4 - 8 Disember 2017	PTM Siri 2/2017 telah dihadiri oleh 34 orang peserta yang terdiri daripada 20 orang staf akademik dan 14 orang staf bukan akademik.
B.	Peperiksaan Perkhidmatan Siri 1/2017 22 - 23 Februari 2017	Peperiksaan telah diduduki oleh 40 orang calon yang yang terdiri daripada Skim Perkhidmatan B, DV, N, S dan W.
	Peperiksaan Perkhidmatan Siri 1/2017 22 - 23 Februari 2017 28 - 29 September 2017	Peperiksaan telah diduduki oleh 24 orang calon yang yang terdiri daripada Skim Perkhidmatan B, DV, KP, N, dan S.

Bil.	Perkara	Catatan
C.	Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan [BITK] Tahun 2017 25 Julai 2017	Peperiksaan ini telah diduduki oleh 14 orang calon yang terdiri daripada Gred N19 dan Gred W19 yang layak menduduki peperiksaan BITK.

5.3 SKIM PENGAJIAN LANJUTAN

A. Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA)

UniMAP telah melantik seramai 3 orang felo untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik. Mereka dihantar ke beberapa buah universiti di dalam negara untuk mengikuti bidang pengajian yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar berdasarkan perancangan akademik yang telah ditetapkan. Felo - felo tersebut ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB).

Data felo yang terlibat bagi tahun 2017 adalah seperti Jadual 1;

Jadual 5.1: Jumlah Pengambilan Felo SLTPA Tahun 2017 Mengikut Pusat Pengajian

Bil.	Pusat Pengajian	Sarjana	PhD		Jumlah
		Dalam Negara	Dalam Negara	Luar Negara	
1.	PPK Pembuatan	0	1	0	1
2.	PPK Alam Sekitar	0	1	0	1
3.	PPIPT	0	1	0	1
Jumlah		0	3	0	3
Jumlah Keseluruhan		0	3		

B. Skim Pengajian Latihan Kakitangan Akademik (SPLKA)

Seramai 39 orang staf yang terdiri daripada Pensyarah telah diluluskan untuk cuti belajar di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Pengajian Latihan Kakitangan Akademik dengan penajaan daripada KPT ke beberapa buah universiti di dalam negara mengikut bidang pengajian yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar.

Data staf yang terlibat bagi tahun 2017 adalah seperti Jadual 2;

Jadual 5.2: Jumlah Staf Cuti Belajar Di Bawah SPLKA Tahun 2017 Mengikut Pusat Pengajian

Bil.	Pusat Pengajian	Sarjana	PhD		Jumlah
		Dalam Negara	Dalam Negara	Luar Negara	
1.	PPK Komputer & Perhubungan	0	2	0	2
2.	PPK Bahan	0	3	0	3
3.	PPK Mikroelektronik	0	5	0	5
4.	PPK Pembuatan	0	2	0	2
5.	PPK Sistem Elektrik	0	6	0	6
6.	PPK Mekatronik	0	4	0	4
7.	PPK Bioproses	0	3	0	3
8.	PPK Alam Sekitar	0	3	0	3
9	iKOM	0	1	0	1
10	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	0	9	0	9
11	Pusat Bahasa Antarabangsa	0	1	0	1
Jumlah		0	39	0	39
Jumlah Keseluruhan		0	39		

C. Lain-Lain Penajaan

Terdapat 2 orang Pensyarah telah diluluskan skim 'Fast Track' untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran. Manakala 9 orang Pensyarah lagi diluluskan untuk menyambung pengajian di bawah skim 'Peningkatan Profesionalisme' dan 2 orang Pensyarah telah berjaya mendapatkan 'Biasiswa Luar' melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran di Luar Negara iaitu Biasiswa Yildiz Technical University, Turki dan Biasiswa Ondokuz Mayis Univesity, Turki.

D. Skim Sub Kepakaran Post-Doktoral (Post-Doc)

Skim ini ditawarkan bagi memberi peluang kepada staf akademik UniMAP yang telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti akademik lanjutan seperti pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan berhubung dengan bidang pengajian yang dijalankan oleh mereka. Bilangan staf UniMAP yang mengikuti skim ini adalah tiga (3) orang. Manakala terdapat juga tiga (3) orang penyelidik luar yang memohon menjalani skim ini di UniMAP. Senarai nama staf akademik UniMAP dan penyelidik luar (bukan staf UniMAP) yang mengikuti skim ini bagi tahun 2017 adalah seperti pada Jadual 3 dan Jadual 4.

Jadual 5.3: Staf Akademik UniMAP Yang Mengikuti Skim Pasca Kedoktoran dan Sub Kepakaran

Bil.	Nama	Tempat	Tajuk Penyelidikan	Bidang Penyelidikan	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1.	Dr. Sara Yasina Binti Yusuf	Queen's University Belfast, UK	"Electrochemical Route Towards Sustainability: CO_2 Capture and Utilization"	Kejuruteraan Kimia	1 Oktober 2016	1 Mac 2017
2.	Dr. Heah Cheng Yong	University Of Plymouth, United Kingdom	Synthesis Of Kaolin Geopolymers Via Geopolymerization Reaction For Better Fire Retardant Properties	Kejuruteraan Polymer	15 Disember 2016	15 Februari 2017
3.	Dr. Liew Yun Ming	University Of Plymouth, United Kingdom	Formulations Of Geopolymers Impregnated Phase Change Materials For Thermal Insulation Applications	Kejuruteraan Polymer	15 Disember 2016	15 Februari 2017

Jadual 5.4: Senarai Nama Penyelidik Luar (Bukan Staf UniMAP) Yang Mengikuti Skim Pasca Kedoktoran dan Sub Kepakaran di UniMAP

Bil.	Nama	Tempat	Tajuk Penyelidikan	Bidang Penyelidikan	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1.	Dr. Saraswathy A/P Jeyaraman	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik	Analysis And Classification Of Infant Cry Signals	Kejuruteraan Mekatronik	2016/11/01	2017/11/01 Tangguh bagi Cuti Bersalin 3 bulan 2017/04/01 - 2017/06/30, pelarasan semula tarikh 2017/07/03 sehingga 2018/02/02
2.	Dr. Nurnadia Binti Mohamad Khair	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	Features Method For Emotion Recognition From Human Action	Kejuruteraan Bioperubatan	2017/07/03	2018/08/02
3.	Dr. Md Abdullah Al Humayun	Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan	Dielectric And Magnetic Losses Mechanism Of Coagulated Natural Rubber Graphane - Coated Feni Nanocomposites For Highly Sensitive Green Electromagnetic Field Sensor	Kejuruteraan Komputer & Perhubungan	2017/05/01	2017/10/31

E. Cuti Sabatikal

UniMAP juga menawarkan kemudahan cuti sabatikal kepada staf akademik untuk mengikuti pengajian atau penyelidikan dalam bidang kepakaran serta berpeluang memperolehi pengalaman dan pengetahuan tentang perkembangan dan kemajuan teknologi terkini dalam sesuatu bidang kepakaran demi untuk kemanfaatan kepada warga Universiti mahupun Negara. Jadual 5 menunjukkan senarai staf akademik UniMAP yang menjalani cuti sabatikal pada tahun 2017.

Jadual 5.5 : Staf Akademik UniMAP Yang Menjalani Cuti Sabatikal

Bil.	Nama	Universiti/Agensi	Tajuk Penyelidikan	Bidang Penyelidikan	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1.	Prof. Dr. Abdul Hamid Bin Adom	Mie University, Japan	Artificial Intelligence in Robotics	Kejuruteraan Mekatronik	2017/06/01	2018/02/28
2.	Prof. Dr. Mohd Yusoff Bin Mashor	Kampus Kubang Kerian, Universiti Sains Malaysia	Intelligent Computer Aided Diagnostic System for Microbiological Images	Kejuruteraan Mekatronik	2017/12/01	2018/08/31

5.4 KURSUS DAN LATIHAN

Program latihan tahun 2017 kekal menumpukan kepada isu pembentukan dan peningkatan ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam memastikan misi UniMAP mempunyai kakitangan yang berdaya maju dapat direalisasikan. Aspek pembangunan modal insan juga diberikan penekanan dalam program-program latihan tahun 2017

Pelaksanaan Program Latihan

Sebanyak 76 kursus telah dilaksanakan sepanjang 2017 iaitu 73 daripadanya menggunakan peruntukan Unit Latihan, Jabatan Pendaftar dan 3 lagi merupakan program penjanaan kewangan. Daripada 76 kursus tersebut, 16 kursus daripadanya adalah kursus anjuran dalaman, 36 kursus dijalankan secara anjuran bersama PTj lain dan 24 kursus yang dianjurkan oleh institusi luar.

Kursus-kursus yang dijalankan adalah berfokus kepada pemerkasaan modal insan yang kompeten dan berdaya maju. Ini meliputi aspek peningkatan pengetahuan dan kemahiran staf.

Jadual 5.6: Bilangan kursus dianjurkan sepanjang 2017

Bil	Kategori	PTj		Bil Kursus	Bil Peserta
1	Anjuran Dalaman	Unit Latihan, Jabatan Pendaftar		16	1232
2	Anjuran Kerjasama PTj	1	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	10	305
		2	Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP)	7	213
		3	Unit Kompetensi, Jabatan Pendaftar	5	164
		4	Pejabat Pengurusan Akademik, PTNC (A&A)	3	68
		5	Jabatan Bendahari	2	319
		6	Jabatan Pembangunan	1	62
		7	Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK)	1	34
		8	Pejabat Naib Canselor	1	21
		9	Unit Audit Dalam & UPAI	1	41
		10	Kelab Setiausaha	1	30
		11	POTENSI / Perpustakaan	1	75
		12	Pusat Teknologi Maklumat (ICT)	1	20
		13	Pusat Kesihatan	1	33
		14	Pusat Kaunseling	1	110
3	Anjuran Luar	Organisasi Luar		24	70
		Jumlah		**76**	**1503**

Berdasarkan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia(JPA) yang bertarikh 29 Februari 2016, menyatakan mengenai Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun Bagi Anggota Perkhidmatan Awam. Namun begitu, UniMAP masih mengekalkan jumlah tujuh hari minimum berkursus setahun seperti mana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 bagi memantapkan lagi kompetensi keseluruhan staf di UniMAP.

Unit Latihan, Jabatan Pendaftar telah mewujudkan enam kategori kursus anjuran dalaman bagi membolehkan matlamat melahirkan staf pentadbiran yang kompeten dapat terlaksana manakala Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD) mewujudkan tiga kategori kursus kepada kumpulan akademik.

Jadual 5.7: Pembahagian Kategori Program Latihan yang dianjurkan oleh Unit Latihan

Bil.	Kategori	Bilangan Kursus
1.	Peningkatan Kemahiran Umum	5
2.	Pembangunan Sahsiah dan Personaliti	2
3.	Kemahiran Pengkomputeran	2
4.	Penyelarasan Prosedur Tugas Dalam Perkhidmatan	4
5.	Pengurusan Kewangan	1
6.	Pengurusan Penyeliaan	2
	Jumlah	**16**

Jadual 5.8: Pembahagian Kategori Program Latihan Yang Dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)

Bil.	Kategori	Bilangan Kursus
1.	Pembelajaran dan Pengajaran	12
2.	Kepimpinan	2
3.	Penyelidikan	2
	Jumlah	**16**

5.6 GAMBAR-GAMBAR KURSUS



Seminar Pengacara Hebat 3 (2017)



Seminar Transformasi Jurutera Pengajar (MTUN) 2017



Kursus Pengurusan Protokol dan Etiket Sosial (2017)

5.7 STATISTIK PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG (AKPC)

Anugerah Seri Gemilang merupakan salah satu aktiviti tahunan Universiti dalam memberi pengiktirafan kepada warganya yang telah memberikan jasa bakti dan menunjukkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun di nilai. Selian itu, Anugerah Seri Gemilang ini dapat menjadi pembakar semangat dan suntikan motivasi untuk mempertingkatkan lagi usaha, prestasi kerja dan kualiti perkhidmatan awam.

Majlis Penganugerahan tersebut telah berlangsung pada **16 Mac 2017** di Hotel Putra Regency, Kangar, Perlis. Seramai **123 orang** warga UniMAP telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016. Panel Pembangunan Sumber Manusia mendapati ramai yang layak, namun hanya yang terbaik dipilih.

Perbandingan penerimaan mengikut skim perkhidmatan bagi dua tahun berturut-turut seperti berikut:

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2016

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BILANGAN PENERIMA		PERATUS PENINGKATAN
		TAHUN 2016	TAHUN 2015	
1	Pembantu Awam	1	2	
2	Pemandu Kenderaan	3	4	
3	Pembantu Kemahiran		1	
4	Pengawal Keselamatan	3	2	
5	Pembantu Operasi	1	4	
6	Artis Muzik		1	
7	Artis Budaya	1		
8	Juruteknik		1	
9	Pembantu Tadbir (P/O)	11	11	
10	Pembantu Belia dan Sukan	1	1	
11	Pembantu Perpustakaan	2	2	
12.	Pembantu Akauntan	1	1	
13.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	2		
14.	Penolong Jurutera/ PelukisPelan	8	9	
15.	Penolong Juruukur Bahan	1		
16.	Penolong Pegawai Senibina	1	1	
17.	Penolong Pegawai Tadbir	3		
18.	Penolong Pengurus Asrama	1		
19.	Setiausaha Pejabat	4	5	
20.	Jururawat	1	1	
21.	Penolong Akauntan	1		
22.	Pegawai Sains	1		

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BILANGAN PENERIMA		PERATUS PENINGKATAN
		TAHUN 2016	TAHUN 2015	
23.	Pegawai Latihan Vokasional	14	7	
24.	Pegawai Teknologi Maklumat	2	1	
25.	Jurutera	1		
26.	Pegawai Penerbitan		1	
27.	Pegawai Tadbir	9	4	
28.	Pustakawan		1	
29.	Pegawai Psikologi		1	
30.	Pegawai Kewangan	1	2	
31.	Juruaudit	1		
32.	Guru Bahasa	2	2	
33.	Pensyarah Universiti	46	41	
JUMLAH KESELURUHAN		**123**	**106**	**16%**

ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2016

BIL	ANUGERAH	BILANGAN PENERIMA	
		TAHUN 2016	TAHUN 2015
1	Anugerah Pendidik Cemerlang	4	4
2	Anugerah Pentadbir Cemerlang	4	4
3	Anugerah Staf Sokongan Cemerlang	8	9
4	Anugerah Versatil	4	5

ANUGERAH PINGAT DAN DARJAH KEBESARAN TAHUN 2017

Bersempena Ulangtahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis pada 17 Mei 2017, lima (5) orang staf seperti berikut telah dikurniakan Darjah Kebesaran Negeri Perlis:

1. Prof. Ir. Dr. Rezuwan Hj. Kamaruddin
   - Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)
2. Prof. Dr. Abdul Hamid Adom
   - Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)
3. Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan
   - Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)
4. Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdullah
   - Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)
5. Prof. Madya Razli Ahmad
   - Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)

Senarai Pegawai yang Bersara Wajib pada Tahun 2017

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Bersara
1.	Abdullah bin Awang	Pengawal Keselamatan (KP11)	02 Mei 2017

Senarai Pegawai yang Bersara Atas Sebab Kesihatan pada Tahun 2017

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Bersara
1.	Ismail bin Haji Lazim	Pengawal Keselamatan (KP11)	16 September 2017

Aktiviti Unit Perkhidmatan

Bil.	Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	Taklimat Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) Bagi Pegawai Yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam Di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	20 Julai 2017	Dewan Kecemerlangan, Kampus Pauh Putra



6 • Hal Ehwal Akademik



6.1 BILANGAN PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN OLEH UniMAP

Sehingga tahun 2017, UniMAP telah menawarkan sebanyak 44 program pengajian diperingkat diploma, ijazah pertama, sarjana dan Doktor Falsafah seperti jadual dibawah:

Program Pengajian Diploma/ Sarjana Muda	Bilangan Program
Diploma	6
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan	21
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan	14
Ijazah Sarjana Muda Perniagaan	2
Ijazah Sarjana Muda Media Baharu	1
JUMLAH	**44**

Mod Pengajian	Program Pengajian
Mod Penyelidikan	Doktor Falsafah (Ph.D) dengan 39 bidang penyelidikan
	Ph.D (Publication)
	Ph.D (Industri)
	Sarjana Sains (M.Sc) dengan 39 bidang penyelidikan
	Sarjana Kemanusiaan (Agama)
Mod Campuran	Sarjana Sains (Kejuruteraan Polimer)
	Sarjana Sains (Kejuruteraan Rekabentuk Sistem Terbenam)
	Sarjana Sains (Kejuruteraan Sistem Pembuatan)
	Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektrik Kuasa)
	Sarjana Sains (Matematik Kejuruteraan)
	Sarjana Sains (Rekabentuk Sistem Mikroelektronik)
Mod Kerja Kursus	Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Kejuruteraan)

6.2 ENROLMEN PELAJAR TEMPATAN


Pada tahun 2017, seramai 3,072 pelajar telah mendaftar dengan jumlah 2,764 pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan 308 pelajar di peringkat Diploma.

Dengan kemasukan pelajar pada Sidang Akademik 2017/2018, jumlah enrolmen pelajar sehingga 31 Disember 2017 adalah seramai 11,566 pelajar iaitu 10,383 pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan 1,183 pelajar di peringkat Diploma. Butiran terperinci mengikut program dan Pusat Pengajian adalah seperti Rajah 1.

Rajah 6.1: Enrolmen Pelajar Mengikut Pusat Pengajian dan Program Pengajian


Bil.	Pusat Pengajian	Kod Program	Program Pengajian	Enrolmen	Jumlah Keseluruhan
	Pusat Pengajian Diploma	R2427	Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Mikroelektronik)	196	1183
		R2404	Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Komputer)	213	
		R2423	Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekatronik)	199	
		R2432	Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Pembuatan)	186	
		R2420	Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektrik)	212	
		R2433	Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Metalurgi)	177	
	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik	RK05	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Mikroelektronik)	255	734
		RK86	Ijazah Sarjana MudaKejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik)	313	
		RK89	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Fotonik)	166	
	Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan	RK20	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Komputer)	313	813
		RK53	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Perhubungan)	225	
		RK93	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Rangkaian Komputer)	275	
	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik	RK08	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Mekanikal)	390	1037
		RK24	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Mekatronik)	330	
		RK85	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan)	317	
	Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan	RK13	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Pembuatan)	307	594
		RK84	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Rekabentuk Produk)	287	
	Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik	RK23	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Sistem Elektrik)	356	869
		RK45	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik Industri)	232	
		RK96	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga)	281	
	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan	RK12	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Bahan)	297	691
		RK32	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Polimer)	185	
		RK56	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Metalurgi)	209	

Bil.	Pusat Pengajian	Kod Program	Program Pengajian	Enrolmen	Jumlah Keseluruhan
	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses	RK28	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Bioproses)	279	486
		RK90	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Biosistem)	207	
	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar	RK01	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Awam)	315	592
		RK07	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Alam Sekitar)	277	
	Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan	RE09	Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Perniagaan Antarabangsa)	804	1,593
		RP52	Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan)	789	
	Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi	RA72	Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu (Kepujian)	484	483
	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	RY01	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian) (TeknologiMakanan)	98	2,491
		RY11	Ijazah Sarjana MudaTeknologi Kejuruteraan Awam (Kepujian) (Pembinaan)	265	
		RY20	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian) (Proses Kimia Industri)	223	
		RY21	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian) (Bioteknologi Industri)	238	
		RY31	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kepujian) (Kuasa Industri)	199	
		RY32	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kepujian) (Teknologi Robotik Dan Automasi)	200	
		RY40	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Sistem Elektronik)	146	
		RY41	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Rekabentuk Telekomunikasi Elektronik)	137	
		RY43	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Rekabentuk Rangkaian Elektronik)	149	
		RY44	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Elektronik Bersepadu)	118	
		RY55	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pemesinan)	225	
		RY56	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Sistem Pertanian)	167	
		RY57	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pembangunan Produk)	149	
		RY58	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pemprosesan Bahan)	177	
			JUMLAH	**11,566**	



Rajah 6.1: Enrolmen Pelajar Mengikut Pusat Pengajian

Enrolmen keseluruhan mencatatkan sebanyak 6,999 pelajar (60%) daripada program Kejuruteraan, 2,491 pelajar (22%) daripada program Teknologi Kejuruteraan, 1593 pelajar (14%) daripada program Perniagaan dan 483 pelajar (4%) daripada program Komunikasi Media Baharu. Pecahan jantina mengikut pusat pengajian adalah seperti berikut:



Rajah 6.2: Enrolmen Pelajar Mengikut Pusat Pengajian

6.3 ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN

Ijazah Sarjana Muda

Bagi Sidang Akademik 2017/2018, seramai 95 orang daripada 10 negara telah berdaftar untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda, berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu seramai 123 orang. Enrolmen keseluruhan pelajar antarabangsa adalah seramai 432 orang terdiri daripada 420 orang lelaki (98%) dan 12 orang perempuan (2%).

Bil.	Kod Program	Program Pengajian	Enrolmen
1.	RK05	Kejuruteraan Mikroelektronik	3
2.	RK86	Kejuruteraan Elektronik	16
3.	RK89	Kejuruteraan Fotonik	2
4.	RK20	Kejuruteraan Komputer	16
5.	RK53	Kejuruteraan Perhubungan	39
6.	RK93	Kejuruteraan Rangkaian Komputer	23
7.	RK08	Kejuruteraan Mekanikal	38
8.	RK24	Kejuruteraan Mekatronik	43
9.	RK85	Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan	32
10.	RK13	Kejuruteraan Pembuatan	36
11.	RK84	Kejuruteraan Rekabentuk Produk	2
12.	RK23	Kejuruteraan Sistem Elektrik	81
13.	RK45	Kejuruteraan Elektronik Industri	2
14.	RK96	Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga	1
15.	RK12	Kejuruteraan Bahan	3
16.	RK32	Kejuruteraan Polimer	3
17.	RK28	Kejuruteraan Bioproses	4
18.	RK01	Kejuruteraan Awam	50
19.	RK07	Kejuruteraan Alam Sekitar	4
20.	RE09	Perniagaan Antarabangsa	26
21.	RP52	Keusahawanan Kejuruteraan	8
		JUMLAH	**432**

6.4 ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA MENGIKUT NEGARA DAN JANTINA

Bil.	Negara	Lelaki	Perempuan	Jumlah Pelajar
1.	Algeria	1	0	1
2.	Bangladesh	2	0	2
3.	Bosnia	1	0	1
4.	Chad	13	0	13
5.	China	1	1	2
6.	Denmark	1	0	1
7.	Djibouti	1	0	1
8.	Egypt	22	0	22
9.	Eritrea	4	0	4
10.	Ethopia	2	0	2
11.	India	1	0	1
12.	Indonesia	4	2	6
13.	Iraq	9	1	10
14.	Jordan	8	0	8
15.	Kenya	1	0	1
16.	Libya	1	0	1
17.	Mali	1	0	1
18.	Mauritania	2	0	2
19.	Myanmar	13	3	16
20.	Niger	1	0	1
21.	Nigeria	5	0	5
23.	Palestine	4	0	4
24.	Somalia	86	1	87
25.	Sudan	44	0	44
26.	Syria	11	2	13
27.	Thailand	1	0	1
28.	Uk	1	0	1
29.	Uzbekistan	5	0	5
30.	Vietnam	1	1	2
31.	Yemen	173	1	174
	JUMLAH	**420**	**12**	**432**

6.5 STATISTIK PELAJAR BERDAFTAR UNTUK IEC MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN

Kursus Bahasa Inggeris Intensif (IEC)

IEC merupakan kursus selama 22 minggu yang diwajibkan kepada pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat Bahasa Inggeris sebelum mereka melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Untuk tahun 2017, seramai 81 orang pelajar antarabangsa telah berdaftar bagi mengikut kursus pendek ini dengan 63 orang berdaftar pada ambilan April 2017 dan bakinya iaitu 18 orang pada kemasukan Oktober 2017. Pelajar lelaki masih merupakan kelompok terbesar yang berdaftar iaitu sebanyak 99%.

Bil.	Program	Ambilan April 2017	Ambilan Oktober 2017	Jumlah
1.	RE09 - Perniagaan Antarabangsa	0	2	2
2.	RK08 - Kejuruteraan Mekanikal	8	3	11
3.	RK12 - Kejuruteraan Bahan	1	0	1
4.	RK13 - Kejuruteraan Pembuatan	9	1	10
5.	RK20 - Kejuruteraan Komputer	5	0	5
6.	RK23 - Kejuruteraan Sistem Elektrik	11	2	13
7.	RK24 - Kejuruteraan Mekatronik	9	1	10
8.	RK53 - Kejuruteraan Perhubungan	9	1	10
9.	RK56 - Kejuruteraan Metalurgi	0	1	1
10.	RK01 - Kejuruteraan Awam	8	2	10
11.	RK85 - Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan	0	3	3
12.	RK93 - Kejuruteraan Rangkaian Komputer	2	1	3
13.	RK96 - Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga	1	1	2
	Jumlah	**63**	**18**	**81**

6.5 STATISTIK PELAJAR BERDAFTAR UNTUK IEC MENGIKUT NEGARA


Bil.	Negara	Ambilan April 2017			Ambilan Oktober 2017		
		L	P	Jumlah	L	P	Jumlah
1.	Bangladesh	0	0	0	1	0	1
2.	Chad	0	0	0	1	0	1
3.	Egypt	7	0	7	2	0	2
4.	Eritrea	0	0	0	1	0	1
5.	Indonesia	0	0	0	3	0	3
6.	Niger	1	0	1	0	0	0
7.	Somalia	17	0	17	3	0	3
8.	Sudan	6	0	6	0	0	0
9.	Syria	6	0	6	1	0	1
10.	Thailand	0	0	0	2	0	2
11.	Uzbekistan	0	0	0	0	1	1
12.	Yemen	26	0	26	3	0	3
	Jumlah	**63**	**0**	**63**	**17**	**1**	**18**

6.6 STATISTIK ENROLMEN PELAJAR PASCASISWAZAH

Bagi tahun 2017, peningkatan sebanyak 1.8% berbanding tahun 2016. Enrolmen pelajar tahun 2017 ialah seramai 1515 orang berbanding 1488 pada tahun sebelumnya

Enrolmen 2017

Tempatan	1194
Antarabangsa	321



Rajah 6.3: Statistik Enrolmen Pelajar Pascasiswazah

Bilangan Enrolmen Pelajar Pascasiswazah Bagi Tahun 2017

Pascasiswazah	2017		2016	
	Tempatan	Antarabangsa	Tempatan	Antarabangsa
Doktor Falsafah	419	224	354	191
Sarjana Sains (Mod Penyelidikan)	492	65	423	67
Sarjana Sains (Mod Campuran)	114	23	53	21
Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Mod Kerja Kursus)	169	9	175	3
JUMLAH	**1194**	**321**	**1005**	**282**
Peratus %	**79**	**21**	**68**	**19**


Bil.	Peringkat Pengajian	%iGOT
1.	Doktor Falsafah	36.97%
2.	Sarjana	35.53%
3.	Sarjana Muda	
4.	Diploma	

6.7 ENROLMEN GRADUAN

Universiti Malaysia Perlis telah melahirkan seramai 18,877 graduan dari konvokesyen pertama sehingga konvokesyen kali ke-21 pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut 260 graduan adalah bagi peringkat Doktor Falsafah, 843 graduan bagi peringkat Ijazah Sarjana, 12,092 graduan bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, 2,138 graduan bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda Perniagaan, 838 graduan bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan, 136 graduan bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu dan 2,570 graduan bagi peringkat Diploma. Perbandingan graduan mengikut peringkat pengajian bagi tahun 2016 dan 2017 menunjukkan peningkatan sebanyak 19% seperti yang ditunjukkan dalam jadual dan graf di bawah:

Jadual 6.2: Perbandingan Enrolmen Graduan Bagi Semua Peringkat Pengajian Tahun 2016 dan 2017

Bil.	Peringkat Pengajian	2016	2017	% Peningkatan
1.	Doktor Falsafah	50	75	0.53%
2.	Sarjana Sains & MBA	169	188	1.11%
3.	Sarjana Muda	2,273	2,588	15.49%
4.	Diploma	414	329	1.97%
	Jumlah	**2,906**	**3,180**	**9.42%**



Rajah 6.4: Enrolmen graduan bagi semua peringkat pengajian tahun 2016 dan 2017


Peratus pelajar yang tamat pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan (iGOT) mengikut peringkat pengajian adalah seperti berikut:

Bil.	Peringkat Pengajian	Peratus iGOT
1.	Doktor Falsafah	31.53%
2.	Sarjana Sains & MBA	36.97%
3.	Sarjana Muda	85%
4.	Diploma	87.23%

Jumlah Graduan bagi Tahun 2017 mengikut Program Pengajian dan Jantina adalah seperti Jadual dan Graf dibawah.

Jadual 6.3: Bilangan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina bagi tahun 2017

Bil.	Peringkat Pengajian	Jumlah Graduan Mengikut Jantina		Jumlah Graduan
		L	P	
1.	Doktor Falsafah	54	21	75
2.	Sarjana Sains & MBA	102	86	188
3.	Sarjana Muda	1092	1496	2588
4.	Diploma	230	99	329
	Jumlah	**1478**	**1702**	**3180**



Rajah 6.5: Pecahan graduan mengikut peringkat pengajian dan jantina bagi tahun 2017

Kursus / Latihan Yang Melibatkan Pengajaran dan Pembelajaran

Keperluan asas pengajaran bagi tenaga pengajar baru di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia merangkumi pemantapan komponen kaedah pengajaran dan pembelajaran. Penerapan komponen-komponen ini memerlukan usaha yang berterusan oleh pihak institusi sendiri, tanpa memberi kelonggaran kepada mana-mana individu akademik yang ingin maju dalam profesion pengajaran di IPT. Keperluan Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Baru IPTA perlulah disepadukan dalam perancangan pembangunan sumber manusia akademik di setiap IPT di Malaysia selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi).

Di UniMAP, Kursus-Kursus yang melibatkan bidang Pengajaran Pembelajaran, Pendidikan serta Kepimpinan dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Kursus ini disertai oleh staf akademik bagi memantapkan profesionalisme sebagai tenaga pengajar yang berdedikasi. Berikut merupakan senarai kursus yang telah dilaksanakan bagi sepanjang tahun 2017:

SENARAI KURSUS/BENGKEL DAN BILANGAN STAF AKADEMIK YANG MENYERTAI PROGRAM

Bil.	Nama Aktiviti / Program Mengikut Bidang	Tarikh Penganjuran	Jumlah Peserta
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN			
1.	Seminar Ideas and Roles of Higher Education for the 21st Century	23 Mac 2017	34
2.	Bengkel Pemantapan Isi Kandungan MOOC	29 Mac 2017	12
3.	Bengkel Pentaksiran Hasil Pembelajaran Siri 1 Tahun 2017	15 - 16 Jun 2017	34
4.	Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran Siri 1 Tahun 2017	17 - 21 Julai 2017	52
5.	Kursus Bahasa Inggeris Siri 1 Tahun 2017	7 - 14 Ogos 2017	30
6.	Kursus Bahasa Melayu Siri 1 Tahun 2017	21 - 25 Ogos 2017	31
7.	Bengkel Analisis dan Pemantapan Isi Kandungan MOOC 2017	29 - 31 Disember 2017	18
8.	Bengkel Blended Learning UniMAP	6 - 7 Disember 2017	20
PENYELIDIKAN			
1.	Bengkel Kaedah Penyelidikan (Sains Sosial) Siri 1 Tahun 2017	7 - 8 Mac 2017	17
2.	Bengkel Postgraduate Supervision Siri 1/2017	18 - 19 Disember 2017	36
KEPIMPINAN			
1.	Bengkel Etika dan Integriti Akademik	27 Mac 2017	20
2.	Seminar Pendidikan dan Revolusi Industri Ke-4 Tahun 2017	1 November 2017	496 Keseluruhan 57 Staf Akademik

SENARAI KURSUS/BENGKEL BERKAITAN BIDANG KELESTARIAN PENDIDIKAN

Bil.	Tajuk	Tarikh	Jumlah Peserta
1.	International Talk Series By His Excellency Rod Smith Australian High Commissioner To Malaysia Title: 'Australia and Malaysia: 60 Years of Partnerhip and Beyond'	19 Januari 2017	108
2.	International Lecture Series By Dr. Zakir Naik Islamic Research Foundation Title: 'Qur'an and Modern Science: Conflict or Conciliation'	10 Februari 2017	703
3.	Tajuk: Seminar Memahami Dasar Ekonomi Negara 2017 Oleh Dato' Lokman Noor Adam Pengarah Komunikasi Strategik Kementerian Kewangan Malaysia	19 Mei 2017	138
4.	Syarahan Umum Lembaga Pengarah Universiti: Dato' Dr. Mohd Sofi Osman Title: 'Observation between University and MNC: Sharing From an MNC Perspective'	25 Oktober 2017	65

6.8 PEMBELAJARAN DIATAS TALIAN

Pembelajaran atas talian telah dilaksanakan secara besar-besaran oleh semua Universiti Awam (UA) bagi menyokong kepada Lonjakan 9 iaitu Pemebelajaran Dalam Talian Tahap Global. Massive Open Online Courses (*MOOCs*) merupakan satu kaedah pengendalian kursus secara atas talian yang boleh diakses secara terbuka oleh ramai peserta(*massive*). MOOCs merupakan inisiatif terbesar pihak KPT yang menyokong Lonjakan 9 PPPM (PT)

Massive Open Online Courses (MOOCs)

Bermula tahun 2014, sebanyak 4 kursus rintis telah dibangunkan oleh UA dengan kerjasama KPT sebagai penanda arasan pembangunan kursus-kursus MOOCs 2015 hingga 2020. Sebanyak RM20 Ribu telah diperuntukan kepada UniMAP melalui Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD) bagi membangunkan kursus-kursus MOOCs untuk tahun 2017. Sehingga 2017, UniMAP telah Berjaya membangunkan sembilan (9) kursus MOOCs daripada pelbagai pusat pengajian iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan, Pusat Pengajian Inovasi dan Tekno-Usahawan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan (rujuk jadual 6.12) KPT telah menyasarkan bahawa semua UA perlu mempunyai sekurang-kurangnya 15 kursus yang dijalankan secara MOOCs sehingga tahun 2020 (menurut Dasar e-Pembelajaran Negara-DePAN). Susulan mensyuarat Post-Mortem MOOCs Malaysia pada Mac 2017 UniMAP akan lebih komited dalam membangunkan 3 kursus lagi kursus iaitu Technology Entrepreneurship, Internet Of Things dan Clouds Infrastructure & Services yang

akan ditawarkan pada Februari 2018. Dengan pemilihan 3 kursus setiap tahun UniMAP akan mencukupi 15 kursus menjelang tahun 2020 seperti yang ditetapkan oleh KPT.

Bil .	Kod Kursus	Nama Kursus
1.	BFT 104	E-Business
2.	EBT 109	Engineering Quality Control
3.	PGT 305	Network Management
4.	EKT 343	Principles Of Communication Engineering
5.	EKT 335	Principles Of Computer Network
6.	PGT 312	Modern Control System
7.	PGT 209	Cloud Infrastructure & Services
8.	-	Internet Of Thing
9.	BFT 220/2	Technology Entrepreneurship

6.9 SYARAHAN DAN SEMINAR/ PERSIDANGAN

Sepanjang tahun 2017, UniMAP telah membuat 52 program syarahan umum/syarahan akademik/forum/CEO Fakulti/*Wisdom Fair*. Program ini dianjurkan oleh beberapa pusat pengajian/institut/ptj di UniMAP.

Jadual 6.4: Bilangan Syarahan Umum / Syarahan Akademik / Forum

Bil.	Program	Bilangan
1.	Syarahan Umum	17
2.	Syarahan Akademik	34
3.	Forum	1
Jumlah		**52**

Selain dari itu, beberapa pusat pengajian/ institut/ptj di UniMAP telah menganjurkan beberapa seminar dan persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Jadual 6.5: Bilangan Seminar/Persidangan/Kursus Jangka Pendek mengikut Pecahan Dalam Negara dan Luar Negara

Bil.	Program	Dalam Negara	Luar Negara
1.	Bilangan Seminar/ Persidangan/Kursus Jangka Pendek	54	1

Sepanjang tahun 2017, UniMAP telah menganjurkan 8 persidangan diperingkat antarabangsa iaitu *4th International Conference On Roles of Humanities and Social Science in Engineering & Malaysian- French Biometrics Seminar*, *3rd Electronic & Green Material International Conference 2017*, *Symposium Of International Languages & Knowledge*, *International Conference on Biomedical Engineering (ICoBE 2017)*, *International Conference on Man Machine Systems (ICoMMS 2017)*, *International Conference on Applications and Design in Mechanical Engineering (ICADME 2017)*, *The 2017 International Conference on Emerging Electronic Solutions for IoT (ICEESI 2017)* dan *International Conference on Civil and Environmental Engineering (CENVIRON2017)*.

Pada 24 hingga 26 Februari 2017 Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan ***4th International Conference On Roles of Humanities and Social Science in Engineering & Malaysian- French Biometrics Seminar*** di PARKROYAL Hotel Penang. Persidangan yang disertai oleh lebih 150 peserta dari dalam dan luar negara itu dianjurkan secara bersama Area Studies Centre, Far East & South East Asia, University of Sindh, Jamshoro, Pakistan dan Normandie Universite', Normandy, Perancis.

3rd Electronic & Green Material International Conference 2017 telah diadakan pada 29 hingga 30 April 2017 bertempat di Ibis Hotel, Krabi Thailand. Persidangan ini dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikrolelektronik, CeGeoGTech dan MyRIS.

Symposium Of International Languages & Knowledge yang berlangsung di Putra Regency Hotel Kangar ini mengumpulkan 51 kertas kerja penyelidikan yang dibentangkan oleh penyelidik dari UniMAP, UUM, Walailak University (WU), Rajamanggala University of Technology Srivijaya (RMUTSV), Thaksin University (TSU), UKM, USM & UTP. Simposium ini merupakan acara tahunan yang melibatkan kerjasama tiga (3) buah universiti iaitu UniMAP, WU & RMUTSV.

International Conference on Biomedical Engineering (ICoBE 2017), International Conference on Man Machine Systems (ICoMMS 2017) dan ***International Conference on Applications and Design in Mechanical Engineering (ICADME 2017)*** merupakan *joint conference* yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik. *Joint conference* ini telah diadakan pada 21 - 22 Ogos 2017 di Bayview Hotel Georgetown Penang. Para peserta antarabangsa datang dari berbagai negara seperti India, Indonesia dan Filipina. Kertas yang diterima untuk ICoBE dan ICoMMS diterbitkan dalam jurnal yang diindeks SCOPUS, Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering (JTEC) sementara semua kertas

yang diterima untuk ICAMDE telah diterbitkan dalam IOP Journal of Physics: Conference Series (JPCS).

The 2017 International Conference on Emerging Electronic Solutions for IoT (ICEESI 2017) telah diadakan pada 9 hingga 10 Oktober 2017. Persidangan ini dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan UniMAP, Computer Science Engineering Department (CSE), Dhaka University of Engineering and Technology (DUET), Bangladesh. Persidangan ini diadakan bertujuan untuk menyediakan platform untuk ahli akademik, penyelidik dan industri untuk berkongsi pengetahuan dan idea, memperluaskan rangkaian, menyajikan penemuan penyelidikan dan meneroka apa-apa manfaat berpotensi lain yang mungkin menyumbang kepada masa depan yang lebih baik.

Pada 28 dan 29 November 2017, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar telah berjaya menganjurkan satu persidangan peringkat antarabangsa iaitu ***International Conference on Civil and Environmental Engineering (CENVIRON2017)*** bertempat di Flamingo Hotel by the Beach, Pulau Pinang. CENVIRON2017 memfokuskan kepada penyelidikan yang membincangkan keperluan saintifik disamping mengintegrasikan pengetahuan dan kemajuan di kalangan ahli akademik, penyelidik, industri, organisasi korporat dan kumpulan minat dalam pelbagai aplikasi berkaitan kejuruteraan awam dan alam sekitar. Persidangan ini menyatukan penyelidik, jurutera dan saintis terkemuka dari seluruh dunia, dan merangkumi keseluruhan aspek asas dan penerapan semasa ke arah mencapai persekitaran hijau dan mampan. Persidangan ini telah di rasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Dr Uda Hashim yang mewakili Naib Canselor UniMAP. Seramai hampir 90 orang peserta yang terdiri daripada penyelidik, jurutera, dan ahli akademik dari dalam dan luar negara telah hadir dan membentangkan kertas penyelidikan mereka sepanjang persidangan ini berlansung. Antara penyampai ucaptama untuk persidangan ini ialah mantan Pengerusi LPU UniMAP, Dato' Profesor Emeritus Ir. Dr. Zainai Mohamed, Pengarah eksekutif Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM) Ir. Dr. Zuhairi Abd. Hamid, Profesor Dr. Nik Meriam Nik Sulaiman dari University Malaya dan Profesor Dr. Suzana Yusup dari Universiti Teknologi PETRONAS.

6.10 PAKAR LUAR

Pemeriksa Luar, Profesor Adjung dan Penasihat Akademik merupakan individu yang telah dilantik oleh Senat Universiti berdasarkan kepada bidang kepakaran masing-masing. Mulai tahun 2017 lantikan Penasihat Akademik telah dijumudkan.

Pelantikan untuk Pemeriksa Luar berkuatkuasa selama **dua** Sidang Akademik dan boleh dilantik semula apabila tamat tempoh, manakala pelantikan untuk Profesor Adjung adalah selama 2 tahun.

Senarai Pemeriksa Luar dan Profesor Adjung untuk lantikan baru dan lantikan semula yang telah diluluskan oleh Senat adalah seperti berikut:

Pemeriksa Luar

Pusat Pengajian / Fakulti	Nama	Institusi Asal
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik	Prof. Ir Dr. Hin Yong Wong	Multimedia Universiti
	Prof. Madya Ir. Dr Sharul Kamal Abdul Rahim	Universiti Teknologi Malaysia
	Prof. Ir. Dr. Abu Sahmah bin Mohd Supa'at	Universiti Teknologi Malaysia
	Prof. Dr. Ibrahim Ahmad	Universiti Tenaga Nasional
	Prof. Widad Ismail	Universiti Sains Malaysia
	Prof. Mohd Adzir Mahdi	Universiti Putra Malaysia
Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan	Prof. Dr Mohd Fadzil B.Ain	Universiti Sains Malaysia
	Profesor Madya Ir. Dr. Sharifah Hafizah Syed Ariffin	Universiti Teknologi Malaysia
	Prof. Madya Dr. Ahmad Zuri Bin Sha'ameri	Universiti Teknologi Malaysia
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan	Prof. Ir. Dr Mariatti Jaafar	Universiti Sains Malaysia
	Prof. Dr. Zuhailawati Hussain	Universiti Sains Malaysia
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik	Prof. Dr. Mohd Rizal Arshad	Universiti Sains Malaysia
	Prof Dr Safian Sharif	Universiti Teknologi Malaysia
Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan	Prof. Dr Izman Sudin	USM
	Prof. Ir. Dr. Shahrum Abdullah	Universiti Kebangsaan Malaysia
	Prof. Ir. Sheikh Hussain bin Sheikh Salleh	Universiti Teknologi Malaysia
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik	Prof. Dr. Zainal Salam	Universiti Teknologi Malaysia
	Prof. Dr Marizan bin Sulaiman	Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Pusat Pengajian / Fakulti	Nama	Institusi Asal
Pusat Pengajian Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses	Prof. Ir. Dr. Wan Ishak Wan Ismail	Universiti Putra Malaysia
	Prof. Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman	Universiti Malaya
Fakullti Teknologi Kejuruteraan	Prof. Dr. Abu Khairi Bin Aain	Universiti Teknologi Malaysia
	Prof. Dr. Kaharudin Dimyati	Universiti Malaya
	Prof. Dr Razali Bin Ismail	Universiti Teknologi Malaysia
	Prof. Ir. Dr. Abdullah Asuhaimi	Universiti Teknologi Malaysia
	Prof. Dr. Hj Wan Mansor bin Wan Mohamad	UniKL - MFI
Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi	Prof. Dr. Mohammed Zin Bin Nordin	Universiti Pendidikan Sultan Idris
Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Tekno Usahawan	Prof. Dr. Shahimi bin Mohtar	Universiti Utara Malaysia
Pusat Pengajian Diploma	Prof. Dato Ahmad Mujahid Ahmad Zaidi	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
	Profesor Madya Dr. Mohd Khairul bin Ahmad	Universiti Tun Hussien Onn
	Prof. Amir Akramin bin Shafie	Universiti Islam Antarabangsa

Profesor Adjung

PPK / Kluster	Nama	Institusi Asal
Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknokomunikasi	Dato' Sri Jamil Bin Salleh	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik	Kamarulzaman Mohamed Zin	CEO Silterra Malaysia Sdn. Bhd. (September 2008 - Januari 2015)
Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan	En. Abdrul Feisal Bin Abdul Rahim	UMW Holding Berhad
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik	Dato Ir. Haji Mohamad Bin Dalib	Jabatan Pengangkutan Jalan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan	Tuan Haji Aisharuddin Nuruddin	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	Y.Bhg. Tan Sri Dato' Paduka Profesor Dr Fng Ah Seng	Epic Valley Holding Sdn. Bhd
Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknokomunikasi / Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Tekno Usahawan / Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan	Ms. Anna Maria Braun,	B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd

6.11 AKREDITASI DIBAWAH PENILAIAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

Lawatan Penilaian Akreditasi MQA merupakan lawatan penilaian rasmi bagi penilaian terhadap program-program yang ditawarkan oleh Universiti bagi semua program peringkat Sijil, Diploma & Ijazah selain program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan. Perakuan Akreditasi MQA merupakan perakuan rasmi akreditasi yang mematuhi piawaian dan kriteria yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakn Malaysia / *Malaysian Qualificaton Agency* (MQA) dan Kerangka Kelayakan Malaysia / *Malaysian Qualification Framework* (MQF).

Penilaian ini merangkumi aspek semakan, penelitian dan pengauditan terhadap dokumen-dokumen asal setiap program anjuran Universiti. Lawatan Penilaian Rasmi Akreditasi ini juga secara tidak langsung melibatkan penilaian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran secara amnya disamping melihat, memantau dan memeriksa premis (fasiliti) seperti bilik / dewan kuliah, makmal, peralatan, paparan dan pematuhan etika dan peraturan, dan bekalan sumber (bahan ilmiah) dalam mematuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh MQA (berdasarkan panduan standard yang dikeluarkan oleh MQA mengikut bidang pengkhususan) terutama syarat kelayakan dan kualiti sistem pendidikan.

Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh MQA telah diadakan seperti berikut;

[1] Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh MQA bertarikh 15 - 16 Februari 2017

1. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pembangunan Produk)
2. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Sistem Elektronik)
3. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Elektronik Bersepadu)

[2] Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh MQA bertarikh 27 - 28 Februari 2017

1. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian) (Proses Kimia Industri)
2. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Kepujian) (Pembinaan)

3. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kepujian) (Teknologi Robotik dan Automasi)
4. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Rekabentuk Telekomunikasi Elektronik)

[3] Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh MQA bertarikh **15 - 16 Mei 2017**

1. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pemprosesan Bahan)

[4] Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh MQA bertarikh **27 - 28 September 2017**

1. Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu (Kepujian)

6.12 AKREDITASI DIBAWAH PENILAIAN MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN (EAC)

Majlis Akreditasi Kejuruteraan / *Engineering Accreditation Council* (EAC) merupakan badan profesional yang mengiktiraf dan memperakukan program-program kejuruteraan yang ditawarkan oleh Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Ini dimaksudkan program-program UniMAP peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteran yang ditawarkan hendaklah melalui fasa penilaian akreditasi Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) bagi tujuan melayakkan program-program kejuruteraan layak untuk berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

Lawatan Penilaian Akreditasi EAC pula merupakan lawatan penilaian rasmi bagi penilaian terhadap program-program kejuruteraa yang ditawarkan oleh Universiti yang perlu diadakan secara berkala mengikut kitaran akreditasi. lanya bertujuan untuk mendapatkan kelayakan dan pengiktirafan akreditasi program secara berterusan daripada EAC. Perakuan Akreditasi EAC adalah satu perakuan rasmi ijazah yang dianugerahkan kepada graduan bagi memenuhi keperluan dan mencapai standard kriteria serta kualiti berterusan yang ditetapkan oleh EAC selaras dengan keperluan semasa mengikut Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015).

Penilaian ini merangkumi aspek semakan, penelitian dan pengauditan terhadap dokumen-dokumen asal setiap program anjuran Universiti. Lawatan Penilaian Rasmi Akreditasi ini juga secara tidak langsung melibatkan penilaian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran secara amnya disamping melihat, memantau dan memeriksa premis (fasiliti) seperti bilik / dewan kuliah, makmal, peralatan, paparan dan pematuhan etika dan peraturan, dan bekalan sumber (bahan ilmiah) dalam mematuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh EAC (berdasarkan panduan EAC Manual 2012) terutama aspek keselamatan, kesihatan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Lawatan Penilaian Panel Akreditasi EAC telah diadakan dan telah mendapatkan keputusan rasmi akreditasi seperti berikut;

[1] Lawatan Penilaian Panel Akreditasi EAC bertarikh **15 - 16 Mac 2017**

New Cycle Accreditation

1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Awam)
   - Perakuan Akreditasi bagi tempoh 2017 - 2019

Continuing Accreditation

2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik)
   - Perakuan Akreditasi bagi tempoh 2017 - 2018
3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Mekatronik)
   - Perakuan Akreditasi bagi tempoh 2017 - 2018
4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Mekanikal)
   - Perakuan Akreditasi bagi tempoh 2017 - 2018
5. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan)
   - Perakuan Akreditasi bagi tempoh 2017 - 2018

[2] Lawatan Penilaian Panel Akreditasi EAC bertarikh **08 - 09 Mei 2017**

New Cycle Accreditation

1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Fotonik)
   - Perakuan Akreditasi bagi tempoh 2017 - 2019
2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Biosistem)
   - Perakuan Akreditasi bagi tempoh 2017 - 2021

Continuing Accreditation

3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Metalurgi)
   - Perakuan Akreditasi bagi tempoh 2017 - 2018
4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Pembuatan)
   - Perakuan Akreditasi bagi tempoh 2017 - 2018
5. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga)
   - Perakuan Akreditasi bagi tempoh 2017 - 2018

[3] **Lawatan Penilaian Panel Akreditasi EAC** bertarikh **08 - 09 November 2017**

New Cycle Accreditation

1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Rangkaian Komputer)
   - Perakuan Akreditasi bagi tempoh 2018 - 2023

6.13 PENGIKTIRAFAN DALAM BIDANG PROFESIONAL

Ramai staf UniMAP yang memiliki kepakaran dalam bidang profesional. Profesional di UniMAP diterangkan sebagai staf/individu yang memiliki kepakaran dalam bidang pengkhususan (disiplin pekerjaan) yang telah didaftarkan dengan mana-mana badan profesional yang diiktiraf bagi melakukan/melaksanakan tugas hakiki mahupun dalam bidang yang diceburi. lanya dilakukan secara profesional dengan menggunakan kepakaran, kecekapan, kemahiran dan pengalaman dalam sesuatu bidang/tugas yang dijalankan.

Jurutera Profesional

Jurutera Profesional adalah pengiktirafan yang diberikan oleh badan-badan profesional kepada individu-individu yang berkelayakan dalam bidang kejuruteraan secara pengkhususan. Pengiktirafan Jurutera Profesional ini merangkumi *Professional Engineer* (pengiktirafan daripada BEM), *Chartered Engineer* (pengiktirafan daripada *Enginering Council* melalui *IET, IChemE, IMechE*) & *Corporate Member* (pengiktirafan daripada IEM)

.

Sehingga Disember 2017, seramai 69 staf UniMAP yang telah mendapatkan pengiktirafan profesional dari badan-badang profesional.

Bil.	Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK)	Program Pengajian *Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)*		Jumlah Semasa (Dis 2017)	Jumlah diperlukan per program	Kekurangan per program
1	Mikroelektronik	1	Kejuruteraan Mikroelektronik	2	3	1
		2	Kejuruteraan Elektronik	3	3	0
		3	Kejuruteraan Fotonik	2	3	1
2	Komputer & Perhubungan	4	Kejuruteraan Komputer	4	3	-1
		5	Kejuruteraan Perhubungan	5	3	-2
		6	Kejuruteraan Rangkaian Komputer	3	3	0
3	Mekatronik	7	Kejuruteraan Mekatronik	4	3	-1
		8	Kejuruteraan Mekanikal	4	3	-1
		9	Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan	2	3	1
4	Pembuatan	10	Kejuruteraan Pembuatan	5	3	-2
		11	Kejuruteraan Rekabentuk Produk	2	3	1
5	Bahan	12	Kejuruteraan Bahan	3	3	1
		13	Kejuruteraan Metalurgi	2	3	1
		14	Kejuruteraan Polimer	3	3	0

Bil.	Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK)	Program Pengajian *Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)*		Jumlah Semasa (Dis 2017)	Jumlah diperlukan per program	Kekurangan per program
6	Sistem Elektrik	15	Kejuruteraan Sistem Elektrik	3	3	0
		16	Kejuruteraan Elektronik Industri	3	3	0
		17	Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga	3	3	0
7	Bioproses	18	Kejuruteraan Bioproses	1	3	2
		19	Kejuruteraan Biosistem	3	3	0
8	Alam Sekitar	20	Kejuruteraan Alam Sekitar	7	3	-4
		21	Kejuruteraan Awam	5	3	-2
			JUMLAH	**69**	**63**	

Profesional Teknologis

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) adalah sebuah badan profesional yang ditubuhkan melalui Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) untuk mengiktiraf profesion Teknologis dan Juruteknik sebagai profesion ikhtisas di Malaysia. Penubuhan MBOT sebagai Badan Profesional yang mengawal selia profesion tersebut adalah seperti yang dinyatakan sebagai fungsi Lembaga di dalam Seksyen 5(e) *"untuk menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika profesion Teknologis dan Juruteknik"*.

Kini, meskipun bidang kepakaran Profesional Teknologis dan Juruteknik masih baru, seramai 19 orang staf akademik UniMAP telah berjaya mendapat pengiktirafan sebagai Profesional Teknologis daripada MBOT.

Pada Disember 2017, seramai 19 staf UniMAP yang telah mendapatkan pengiktirafan sebagai Profesional Teknologis dari Lembaga Teknologis Malaysia. Berikut adalah pecahan bilangan profesional Teknologi mengikut Bidang Teknologi dan Teknikal MBOT;

Bil.	Bidang Teknologi dan Teknikal	Jumlah
1	*Manufacturing & Industrial Technology*	1
2	*Electrical & Electronics Technology*	4
3	*Biotechnology*	1
4	*Mechanical & Manufacturing*	5
5	*Nanotechnology*	2
6	*Automotive Technology*	1
7	*Materials Science Technology*	1
8	*Agricultural Technology / Building & Contraction Technology*	1
9	*Mechatronic Technology*	1
10	*Telecommunication & Broadcasting Technology*	1
11	*Electrical System Engienering*	1
	Jumlah	**19**


STARWILL
STARWILL
STARWILL
STARWILL

7 • Kerjasama dan Hubungan Luar



Sepanjang tahun 2017, UniMAP telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan pelbagai organisasi/ agensi dan institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Jalinan kerjasama ini dimeterai melalui beberapa perjanjian persefahaman yang ditandangani antara kedua belah pihak dalam bidang akademik dan penyelidikan. Selain itu kerjasama juga melibatkan perkongsian kepakaran dan pembangunan universiti.

7.1 ORGANISASI/INDUSTRI DALAM NEGARA

Sebanyak 11 Memorandum Persefahaman *(MoU)* dan 1 Memorandum Perjanjian (MoA) yang telah termeterai bersama organisasi dan industri di dalam Negara. Berikut adalah senarai MOU/MOA yang melibatkan organisasi dan industri di dalam Negara.

A. Memorandum Persefahaman (MoU)

1. Industri/Institusi: MOTOSIKAL DAN ENJIN NASIONAL SDN. BHD.
   Tarikh : 15/03/2017
   Tempoh : 15/03/2017-15/03/2022
   Bidang Kerjasama:
   i. Menjalinkan kerjasama dari segi pembangunan, sokongan dan melonjak keupayaan penyelidikan bagi memenuhi keperluan dan kepentingan kedua-dua pihak.
   ii. Kerjasama meningkatkan tahap kecekapan enjin dan teknologi MODENAS
   iii. Kolaborasi aktiviti perlumbaan bersama antara kedua-dua pihak.
   iv. Menyediakan platform dan asas bagi pembangunan pusat kecemerlangan dalam bidang automotif bersama antara kedua-dua pihak.

2. Industri/Institusi: MALAYSIA RAIL LINK SDN BHD DAN CHINA COMMUNICATIONS CONSTRUCTION COMPANY (M) SDN. BHD.
   Tarikh : 14/06/2017
   Tempoh : 14/06/2017-14/06/2022
   Bidang Kerjasama:
   i. Melibatkan pelajar ke dalam Program Latihan Kemahiran Industri berkaitan Projek East Coast Rail Link (ECRL).
   ii. Melibatkan kakitangan ke dalam Program Latihan Profesional dan Industri berkaitan Projek East Coast Rail Link (ECRL).
   iii. Penyelidikan dan Pembangunan bersama melibatkan kedua-dua pihak berkaitan Projek East Coast Rail Link (ECRL).

3. Industri/Institusi: OXFORD BOND SDN. BHD.
   Tarikh : 27/10/2017
   Tempoh : 27/10/2017-27/10/2019
   Bidang Kerjasama:
   i. Menyediakan platform untuk pelajar menjalankan latihan industri di industri pemesinan.
   ii. Membangun dan menggalakkan seminar bersama atau bengkel pertukaran kepakaran.
   iii. Menyokong pertukaran bahan akademik antara staf melibatkan kedua-dua pihak.
   iv. Menggalakkan perkongsian ilmu dan aktiviti penyelidikan berkaitan.
   v. Pemberian mesin terpakai untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran pelajar.

4. Industri/Institusi: FRUTANIA INDUSTRY SDN. BHD.
   Tarikh : 27/10/2017
   Tempoh : 27/10/2017-27/10/2019
   Bidang Kerjasama:
   i. Penyelidikan dan pembangunan produk herbal yang berkualiti dan menghasilkan cara pemprosesan makanan yang berkesan.

5. Industri/Institusi: MIMOS BERHAD
   Tarikh : 27/10/2017
   Tempoh : 27/10/2017-27/10/2022
   Bidang Kerjasama:
   i. Membangunkan, menggalakkan serta mempromosikan pusat penyelidikan automotif dan hilirannya dalam bidang percetakan 3D, reka bentuk dan teknologi prototaip pantas di Kawasan Perindustrian Lembah Chuping untuk tujuan memenuhi permintaan industri dan komuniti.
   ii. Kolaborasi dalam penyelidikan dan pembangunan bagi penyediaan graphene berasaskan cecair ke arah aplikasi-aplikasi filem pengaliran haba yang tinggi dan juga penderia kompaun organik mudah meruap.
   iii. Penyelidikan dan pembangunan dalam pengkomputeran maju, rangkaian, kejuruteraan komunikasi, pengurusan data besar dan analisis

6. Industri/Institusi: SANTAI GPS SDN. BHD.
   Tarikh : 27/10/2017
   Tempoh : 27/10/2017-27/10/2020
   Bidang Kerjasama:
   i. Meningkatkan kebolehpasaran graduan dan lepasan graduan mengikut permintaan industri terkini.
   ii. Mengenalpasti latihan professional yang sesuai untuk diberikan kepada graduan-graduan.
   iii. Memberikan latihan bertaraf professional kepada graduan dan lepasan graduan dengan bantuan pembiayaan dari pihak kerajaan, swasta dan mana-mana organisasi yang menyediakan pembiayaan.

7. Industri/Institusi: DIBUK SDN. BHD.
   Tarikh : 27/10/2017
   Tempoh : 27/10/2017-27/10/2020
   Bidang Kerjasama:
   1. Meneroka bidang kerjasama termasuk penyelidikan bagi produk berasaskan padi dan beras.
   2. Menjalankan aktiviti koperasi dan / atau *spin-off company* melibatkan fakulti dan / atau pelajar.
   3. Menyediakan platform untuk pelajar mengadakan lawatan industri dan menjalankan latihan industri.

8. Industri/Institusi: SAMSUNG ELECTRONICS (M) SDN. BHD.
   Tarikh : 27/10/2017
   Tempoh : 27/10/2017-27/10/2022
   Bidang Kerjasama:
   i. Menjalankan penyelidikan bagi meningkatkan tahap efisien melalui pemindahan teknologi terkini dalam bidang sistem automasi serta bidang rekabentuk kejuruteraan dan teknologi prototaip terpantas yang akan dijalankan bersama secara kolektif.

ii. Peningkatan pendapatan berimpak tinggi melalui Geran Penyelidikan dan konsultasi melalui skim penyelidikan potongan cukai berganda.
iii. *Visibility* kepada UniMAP dimana syarikat gergasi Korea memilih untuk berkerjasama dengan Universiti Awam tempatan dimana ianya pertama kali diberi kepercayaan dan keyakinan untuk berbuat demikian.

9. Industri/Institusi: YAMATAKE ENGINEERING (M) SDN. BHD.
Tarikh : 27/10/2017
Tempoh : 27/10/2017-27/10/2020
Bidang Kerjasama:
i. Pertukaran teknologi dari Azbil dan Industri terutamanya dalam bidang *process control* yang sangat penting dalam operasi bagi sesebuah industri.
ii. Mewujudkan sebuah *Training Center* berasaskan *process control* yang akan menjadi hub-persijilan di utara Malaysia.
iii. Mewujudkan peluang latihan industri dan pengurusan bagi pelajar yang terpilih.
iv. Kerjasama dalam bidang penyelidikan yang melibatkan pelajar dan staf bagi kedua-dua pihak berdasarkan industri automasi.

10. Industri/Institusi: ROBERT BOSCH SDN. BHD.
Tarikh : 27/10/2017
Tempoh : 27/10/2017-27/10/2020
Bidang Kerjasama:
i. Kerjasama dalam bidang berkaitan akademik melalui aktiviti-aktiviti seperti Projek Tahun Akhir, Projek Rekabentuk Bersepadu, lawatan dan latihan industri, dan penyelidikan.
ii. Kerjasama dalam bidang pelatihan seperti Objek Rangkaian Internet (IoT).
iii. Kerjasama dalam projek-projek yang mempunyai kepentingan bersama terutamanya melibatkan perkongsian teknologi dan kepakaran, kemudahan penyelidkan dan penerbitan hasil penyelidikan.

11. Industri/Institusi: LEMBAGA GETAH MALAYSIA
Tarikh : 27/10/2017
Tempoh : 27/10/2017-27/10/2020
Bidang Kerjasama:
i. Kerjasama dalam bidang pengajaran, latihan industri pelajar, dan perkongsian pengetahuan dan kepakaran antara pihak-pihak yang terlibat.
ii. Kerjasama penyelidikan dan pembangunan yang melibatkan pelajar dan kakitangan setiap institusi rakan berdasarkan keperluan industri getah.
iii. Pertukaran maklumat berkaitan latihan dan inovasi penyelidikan dan pengkomersialan.
iv. Menyokong pembangunan dan operasi 'Kota Getah' di Kedah seperti yang dipersetujui oleh Pihak yang berkaitan dengan perundingan, ujian dan latihan.

B. Memorandum Perjanjian (MoA)

1. Industri/Institusi: MALAYSIAN RUBBER EXPORT PROMOTION COUNCIL
Tarikh : 26/09/2017
Tempoh : 26/09/2017-26/09/2020
Bidang Kerjasama:
1. Kerjasama dalam bidang di bawah program Dana *Linkage Industry* MREPC.
2. Menyediakan asas umum di mana aktiviti koperasi tertentu boleh dilaksanakan melibatkan fakulti atau pelajar.
3. Kerjasama dalam penyelidikan

Galeri:



Majlis pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman antara UniMAP, MRL SDN. BHD. dan CCCC SDN. BHD. yang disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.



Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UniMAP dengan 9 industri dan 3 institusi terlibat sempena Majlis Santapan Malam, Istiadat Konvokesyen Ke-12, Universiti Malaysia Perlis



Sesi penggambaran selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UniMAP dengan 9 industri dan 3 institusi terlibat sempena Majlis Santapan Malam, Istiadat Konvokesyen Ke-12, Universiti Malaysia Perlis.

7.2 UNIVERSITI / ORGANISASI LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2017, UniMAP telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan pelbagai organisasi dan institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Jalinan kerjasama ini dimeterai melalui beberapa perjanjian persefahaman yang ditandatangani antara kedua belah pihak.

A. Memorandum Perjanjian (MoA)

1. Institusi/Industri: International Islamic University of Chittagong, Bangladesh
   Tarikh : 21/08/2017
   Tempoh : 21/08/2017-21/08/2027
   Skop : Akademik
   Deskripsi : Program Pasca Siswazah: (Doctor of Philosophy dan Master of Science by Research)

2. Institusi/Industri: OTH Regensburg Jerman
   Tarikh : 3/11/2017
   Tempoh : 3/11/2017-3/11/2022
   Skop : Akademik
   Deskripsi : Program Mobiliti Pelajar (The Project "Praxispartnerschaften")

B. Memorandum Persefahaman (MoU)

1. Institusi/Industri: Nahda University Mesir
   Tarikh : 14/03/2017
   Tempoh : 14/03/2017-14/03/2022
   Skop : Akademik & Penyelidikan
   Deskripsi : Perkongsian kepakaran dalam bidang akademik dan penyelidikan
   : Program mobiliti staf dan pelajar

2. Institusi/Industri: University of Chemical Technology and Metallurgy Bulgaria
   Tarikh : 26/04/2017
   Tempoh : 26/04/2017-26/04/2020
   Skop : Akademik & Penyelidikan
   Deskripsi : Perkongsian kepakaran dalam bidang akademik dan penyelidikan
   : Program mobiliti staf dan pelajar
   : Penyelidikan bersama dan perkongsian penggunaan makmal dan peralatan di antara kedua-dua pihak

3. Institusi/Industri: University of Yamanashi, Jepun
   Tarikh : 18/05/2017
   Tempoh : 18/05/2017-18/05/2022
   Skop : Akademik & Penyelidikan
   Deskripsi : Perkongsian kepakaran dalam bidang akademik dan penyelidikan
   : Program mobiliti staf dan pelajar
   : Penyelidikan bersama dan perkongsian penggunaan makmal dan peralatan di antara kedua-dua pihak

4. Institusi/Industri: King Mongkut University of Technology North Bangkok
   Tarikh : 27/10/2017
   Tempoh : 27/10/2017-27/10/2020
   Skop : Akademik & Penyelidikan
   Deskripsi : Perkongsian kepakaran dalam bidang akademik dan penyelidikan
   : Program mobiliti staf dan pelajar
   : Penyelidikan bersama dan perkongsian penggunaan makmal dan peralatan di antara kedua-dua pihak

5. Institusi/Industri: Sri Ramakrishna Institute of Technology
   Tarikh : 27/10/2017
   Tempoh : 27/10/2017-27/10/2022
   Skop : Akademik & Penyelidikan
   Deskripsi : Perkongsian kepakaran dalam bidang akademik dan penyelidikan
   : Program mobiliti staf dan pelajar
   : Penyelidikan bersama dan perkongsian penggunaan makmal dan peralatan di antara kedua-dua pihak

6. Institusi/Industri: Czech Technical University in Prague
   Tarikh : 08/12/2017
   Tempoh : 08/12/2017-08/12/2022
   Skop : Akademik & Penyelidikan
   Deskripsi : Perkongsian kepakaran dalam bidang akademik dan penyelidikan
   : Program mobiliti staf dan pelajar
   : Penyelidikan bersama dan perkongsian penggunaan makmal dan peralatan di antara kedua-dua pihak

C. Surat Hasrat (LoI)

1. Institusi/Industri: Universitas Negeri Makassar Indonesia
   Tarikh : 26/04/2017
   Tempoh : 26/04/2017-26/04/2022
   Skop : Akademik & Penyelidikan

2. Institusi/Industri: Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar
   Tarikh : 11/11/2017
   Tempoh : 11/11/2017-11/11/2022
   Skop : Akademik & Penyelidikan


MAJLIS MENANDATANGANI MOU
MODENAS (RESEARCH CENTRE) &
ERAHAN PROTON SUPRIMA S &
PELANCARAN
KELAB AUTOMOTIF UniMAP
Dirasmikan Oleh :
YB DATUK WIRA DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
5 MAC 2017 | RABU
Sumbangan
PROTON SUPRIMA S
Kepada
Universiti Malaysia Perlis
ADVANCE DRIVING @ UniMAP
PROTON
MOTECH
1

8 • Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan



8.1 PUSAT KERJASAMA INDUSTRI DAN AGENSI KERAJAAN (CIGC)

telah menjalankan kepelbagaian penawaran program dan aktiviti akademik dan hubungan industri yang berteraskan penyertaan dan komitmen daripada pihak industri sendiri. Semua program dan aktiviti Pusat ini bakal menjadi sebahagian kursus dan aktiviti teras kejuruteraan yang mampu mempertingkatkan daya saing di dalam bidang kajian rekabentuk, pemprosesan dan pengeluaran pelbagai produk yang berteraskan kejuruteraan serta kebolehpasaran pelajar.

8.2 PROGRAM DAN AKTIVITI

Program dan aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang melibatkan Unit Kebolehpasaran Pelajar dan Hubungan Industri adalah seperti di berikut:

8.2.1 Finishing School

Program ini dilaksanakan setiap tahun dengan menfokuskan kepada pelajar tahun akhir setiap Pusat Pengajian. Pada tahun 2017, program *Finishing School* Ijazah telah diadakan serentak bersama Karnival Kerjaya (Northern Industrial Career Engagement, NICE 2) pada 15- 16 Mei yang lalu. Objektif perlaksanaan program ini adalah untuk memberi persiapan kepada para pelajar bagi menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar setelah bergraduat. Antara pengisian di dalam program ini adalah penulisan *resume*, komunikasi, career talk dan lain-lain.

8.2.2 Karnival Kerjaya "Northern Industrial Career Engagement" (NICE 2)

Karnival Kerjaya UniMAP diadakan sepanjang tahun bermula sejak tahun 2007. Program yang dikenali sebagai *"Northern Industrial Career Engagement"* (NICE 2) pada 2017, merupakan

satu program di mana seluruh pelajar tahun akhir akan turut serta dalam mendapatkan pekerjaan dan mendapat pendedahan yang merangkumi skop pekerjaan. Pada 15-16 Mei 2017 yang lalu, CIGC telah menerima seramai 3000 pelajar yang hadir bagi menghadiri temuduga dan mengintai peluang latihan industri. Seramai 38 industri sekitar Utara, Kuala Lumpur, Lembah Kelang, serta Sarawak menyertai program tersebut. Program juga turut disertai oleh jabatan dalaman UniMAP iaitu UniMAP Holding dan Pusat Pengajian Siswazah

Berikut adalah senarai syarikat yang menyertai *NICE 2* 2017 yang lalu:

Jadual 8.1: Senarai syarikat yang menyertai NICE 2 2017

No.	Nama Industri	Negeri
1	Vitrox Corporation Berhad	Pulau Pinang
2	UniMAP Holding	Perlis
3	Aemulus Corporation Sdn. Bhd.	Pulau Pinang
4	B Braun Medical Industries Sdn. Bhd.	Pulau Pinang
5	Silterra Malaysia Sdn. Bhd.	Kulim, Kedah
6	Luxoft Malaysia Office	Pulau Pinang
7	Pusat Pengajian Siswazah, UniMAP	Perlis
8	Micro Modular System Sdn. Bhd. (MMS)	Pulau Pinang
9	Pertama Ferroalloys Sdn. Bhd.	Bintulu, Sarawak
10	Industrial Automation (M) Sdn. Bhd.	Kuala Lumpur
11	DDMan Sdn. Bhd.	Pulau Pinang
12	New Hoong Fat Berhad	Klang, Selangor
13	Funfiek Technology Sdn. Bhd.	Kulim, Kedah
14	Great Eastern Life Assurance (M) Berhad & Great Eastern Takaful Berhad	Alor Star, Kedah
15	T.T.E Engineering (M) Sdn. Bhd.	PJ, Selangor
16	Petronnic Sdn. Bhd.	Kuala Lumpur
17	Santai GPS Sdn. Bhd.	Kuala Lumpur
18	Fuji Electric (M) Sdn. Bhd.	Kulim, Kedah
19	ATC Surface Finishing Sdn. Bhd.	Kedah
20	First Solar Malaysia Sdn. Bhd.	Kulim, Kedah
21	Inari Technology Sdn. Bhd.	Pulau Pinang
22	Kedah Industrial Skills And Management Development Centre (KISMEC)	Kedah
23	SAM Engineering & Equipment (M) Bhd	Pulau Pinang
24	Cypress Semiconductor (M) Sdn. Bhd.	Pulau Pinang
25	Press Metal Bintulu Sdn. Bhd.	Sarawak
26	Shorubber (M) Sdn. Bhd.	Perlis
27	Invest-in-Penang Berhad	Pulau Plnang
28	ADAX	Bangsar, Kuala Lumpur
29	MyStarjob.com	PJ, Selangor
30	OM Materials (Sarawak) Sdn. Bhd.	Bintulu, Sarawak
31	Go Automobile Manufacturing Sdn. Bhd.	Gurun, Kedah
32	INOKOM Corporation Sdn. Bhd.	Kulim, Kedah
33	PNS Academy	Kuala Lumpur

Antara program-program yang berjalan sepanjang program NICE 2 2017 adalah:

- Pembukaan booth-booth oleh Industri/UA/ Institut latihan.
- Sesi Temuduga dan Taklimat Kerjaya oleh pihak Industri.
- Pengumpulan *resume* bagi permohonan pekerjaan dan permohonan menjalani latihan Industri.
- *Career Talk* di Dewan Kecemerlangan
- *Coffee Talk* di *Executive Lounge*
- *Jualan Makanan "Food Truck*

Selain daripada aktiviti diatas, pada julung kalinya, pada hari yang sama Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) mengadakan program *CEO Talk* disampaikan oleh VVIP Jemputan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya dan beliau turut merasmikan program karnival kerjaya tersebut.









8.3 AKTIVITI HUBUNGAN INDUSTRI

8.3.1 INTEL- UniMAP Smart Partnership: Recruitment for High Skills Graduates

Temuduga terbuka merupakan satu program yang dilaksanakan setiap tahun bergantung kepada kekosongan di dalam industri. Pihak CIGC mengambil peranan yang proaktif dalam mengadakan temuduga terbuka ini bagi membolehkan pelajar tahun akhir UniMAP segera mendapatkan pekerjaan selepas bergraduat dan sebelum bergraduat. Pada tahun 2017, UniMAP telah diberi peluang menyertai temuduga bagi pengambilan 2018. Seramai 34 pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan telah menghadiri temuduga tersebut bertempat di INTEL Sdn Bhd Pulau Pinang. Program ini juga diadakan bagi memenuhi keperluan rekrut bagi INTEL MALAYSIA Q1, Q2 2018 dimana dianggarkan seramai 450-600 kekosongan di INTEL Malaysia Design Centre (MDC) - INTEL PG12.Selain itu, Program ini dapat memberikan pendedahan berguna kepada pelajar UniMAP tentang peluang pekerjaan di INTEL MDC. UniMAP juga mengambil peluang mengadakan lawatan balas ke INTEL PG9 bagi menjalin hubungan baik antara INTEL, CIGC dan UniMAP FTK.









8.3.2 Graduate Training Program (GTP) by Advance Pact Sdn. Bhd.

Program latihan GTP oleh pihak Advance Pact Sdn Bhd merupakan suatu program kerjasama pihak CIGC dan juga HiCOE Healthcare Cluster, UniMAP yang mana memberi manfaat berkenaan penempatan latihan dan peningkatan kompetensi kepada pelajar-pelajar tahun akhir jurusan kejuruteraan bioperubatan. Program temuduga bagi calon yang layak telah di adakan di PPK Mekatronik, UniMAP pada 5 Jun 2017. Di samping mendapat penempatan pekerjaan setelah latihan berakhir, pelajar yang terpilih juga akan dibekalkan dengan sijil kompetensi yang sangat berguna untuk kebolehpasaran pekerjaan mereka. Gambar-gambar bagi aktiviti temuduga yang berlangsung adalah seperti berikut:









8.3.3 Talent Ready 101: Voice PruBSN

Suara PruBSN bertujuan untuk membantu pelajar yang akan bergraduasi agar mempunyai persiapan yang baik dalam menghadapi situasi temuduga pekerjaan masa hadapan. Seramai 150 orang pelajar telah menghadiri program ini yang terdiri daripada pelajar program perniagaan dan juga iKOM. Pelajar telah menjalani latihan selama setengah hari pada 4 November 2017 dengan bantuan Rangkaian Bakat ICONIX. Sepanjang sesi berlangsung, para pelajar telah didedahkan dengan perbincangan kebolehan kendiri secara ringkas, dengan ucapan yang persuasif untuk menarik perhatian majikan yang berpotensi. Program ini juga dilihat dapat mewujudkan minat para pelajar dalam percambahan idea baharu dan memupuk minat dalam projek, idea atau produk yang terkini. Pemenang-pemenang yang berjaya bagi sesi-sesi yang dijalankan telah dianugerahi dengan hadiah-hadiah tunai yang lumayan oleh pihak suara PruBSN. Antara gambar-gambar aktiviti yang terlibat adalah seperti berikut:













8.3.4 Talent Engagement with Malaysian digital economy cooperation (MDEC)

Program pembangunan dan juga pengenalan kepada potensi penjanaan kewangan melalui ekonomi digital oleh pihak MDEC berlangsung selama setengah hari pada 4 ogos 2017. Program ini di hadiri oleh seramai 100 orang pelajar-pelajar diploma yang terdiri daripada program-program komputer, elektronik dan elektrik. Pelajar telah di dedahkan kepada beberapa program daripada MDEC dan peluang-peluang pekerjaan yang relevan kepada pelajar-pelajar yang hadir. Program ini juga dilihat dapat membuka minat pelajar di dalam bidang keusahawanan digital yang semakin mendapat tempat di era

teknokeusahawanan masa kini. Antara gambar-gambar sepanjang aktiviti berlangsung adalah seperti berikut:









8.3.5 Microtik MTCNA: Up-skilling program by Advance Engineering Communication Centre (ACE)

Program peningkatan kemahiran perkomputeran MICROTIK MTCNA merupakan kerjasama CIGC dengan ACE, UniMAP dalam membekalkan nilai tambah kepada pelajar tahun akhir UniMAP. Program ini dikelola sepenuhnya oleh pasukan penyelidik ACE yang diketuai oleh Prof. Madya. Ir. Dr Faizal Jamlos. Pelajar didedahkan dengan program perkomputeran bermula di peringkat "hardware, programming dan juga software". Program ini melibatkan lebih 100 orang pelajar yang merangkumi sebanyak 3 sesi iaitu pasa 18-19 Novemver, 25-26 November dan 2-3 Disember 2017. Di akhir program, setiap pelajar yang menghadiri kursus ini akan dibekalkan dengan sijil kompetensi yang sangat bernilai untuk kebolehpasaran kerjaya mereka nanti.









8.3.6 Career Fair Road Tour Series @ Different Regions

Demi menjamin dan meningkatkan kebolehpasaran graduan lepasan UniMAP, pihak CIGC mengambil inisiatif untuk menyediakan kemudahan pengangkutan kepada pelajar berminat untuk mengikuti program-program kerjaya berimpak di seluruh Malaysia. Sepanjang

tahun 2017, pihak CIGC telah mengatur perjalanan bagi pelajar untuk karnival kerjaya SL1M bertempat di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Di samping itu juga, pihak CIGC juga turut menjadi medium hebahan kepada para pelajar untuk informasi karnival kerjaya yang di jalankan di seluruh Malaysia. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:











8.3.7 AlcoN – UniMAP Smart Partnership

Program kerjasama Alcon-UniMAP telah dipelopori oleh pihak CIGC dan juga HiCOE Healthcare cluster, UniMAP sejak tahun 2016 lagi. Program kerjasama yang dimulai dengan program penempatan latihan pelajar lepasan UniMAP (GTP) telah di kembangkan ke bidang penyelidikan. Hasil dari kerjasama ini, seramai 7 orang pelajar telah diserap terus sebagai pekerja di Alcon (Johor) Sdn. Bhd. Manakala kerjasama penyelidikan pula telah menjangkau aktiviti penyelidikan bersama di antara penyelidik UniMAP dan juga tenaga pakar di Alcon (Johor) Sdn. Bhd. sehingga Disember 2017, sebanyak 5 projek penyelidikan telah di persetujui untuk dijalankan bersama di mana merangkumi peruntukan sebanyak RM500,000. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:









8.3.8 Lawatan Balas dan Mesyuarat Hala Tuju MoU UniMAP - Continental Automotive Components Sdn. Bhd.

Pada 7 Disember 2017 yang lalu, Fakulti Teknologi Kejuruteraan bersama Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) telah meneruskan kerjasama dalam Projek UniMAP-Continental Public Private Partnership dalam bidang Kejuruteraan Perisian. Program ini diteruskan bagi mewujudkan kerjasama projek dengan menyediakan tajuk Final Year Project (FYP 1 dan FYP 2) kepada pelajar FTK yang terpilih dalam bidang *Big Data*. Kesempatan ini juga diambil bagi membincangkan persediaan untuk menjalinkan kerjasama lebih rapat melalui MoU bagi tahun 2018 antara kedua-kedua belah pihak iaitu UniMAP dan Continental. Aktiviti ini juga dijalankan sebagai lawatan balas ke Continental Automotive Components Sdn Bhd disamping membuat hubungan baik antara CONTINENTAL, CIGC dan UniMAP FTK.

8.3.9 Lawatan Industri di Perlis Bersama Shorubber Sdn Bhd

Lawatan Industri ke Shorubber Sdn Bhd Perlis telah diadakan pada 21 Disember 2017 yang lalu. Lawatan ini bertujuan bagi menjalinkan kerjasama dengan industri dan meneroka aktiviti penyelidikan bersama dalam industri serta menempatkan kepakaran UniMAP sekaligus mewujudkan jaringan strategik yang efektif. Delegasi UniMAP turut dibawa melawat keseluruhan kilang bagi melihat sendiri pengendalian mesin-mesin bagi memproses pengeluaran sarung tangan syarikat itu yang juga anak syarikat Showa Glove Japan. Shorubber menyambut baik hasrat UniMAP dan teruja untuk berkolaborasi dengan universiti kejuruteraan itu dalam memperkasa manfaat bersama yang mampu memberi impak kepada bidang kepakaran yang dipelopori oleh Shorubber.

8.3.10 Lawatan Industri Ke Nichias FGS, Jitra.

Pada 16 August 2017 yang lalu, Unit Kebolehpasaran Pelajar dan Hubungan Industri telah mengadakan lawatan dan perbincangan bersama pihak Industri di Jitra iaitu Nichias FGS. Objektif utama lawatan ini adalah untuk meningkatkan kerjasama antara UniMAP dan Nichias, mengetahui jawatan yang ditawarkan, pengambilan program latihan industri di Nichias dan lain-lain program yang boleh di tawarkan oleh UniMAP kepada Nichias. Selain itu, perbincangan lanjut juga membabitkan isu-isu penyelidikan yang boleh dilakukan oleh penyelidik UniMAP di Nichias.








8.3.11 Resume Clinic

Pada 5 November yang lalu seramai 150 orang pelajar termasuk 96 pelajar daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan telah menghadiri resume clinic anjuran PPK Mikroelektronik UniMAP. Penceramah jemputan adalah Alex Goon, College Program Manager,Global Talent Acquisition, Intel Technology Sdn Bhd. Pada hari tersebut, pelajar didedahkan dengan penulisan resume yang mana merupakan elemen terpenting sebelum pelajar dipanggil sesi temuduga. Pelajar juga diberikan pendedahan teknik-teknik untuk persediaan penulisan resume kepada pelajar UniMAP (Sebelum menjalani Latihan Industri pada 15 Januari 2018 hingga 29 Jun 2018). Penceramah jemputan turut menekankan kepentingan persiapan menghadiri temuduga dan tatacara ketika menjawab soalan semasa sesi temuduga.









8.4 THE FINALE 2017 CALL FOR RECRUITMENT & TRAINING PROGRAM

Pada tanggal 24 dan 25 Oktober 2017 yang lalu, CIGC telah melaksanakan program mini kerjaya yang di panggil THE FINALE 2017. Objektif pelaksanaan ini adalah inisiatif untuk para graduan dan alumni UniMAP yang masih tidak bekerja untuk mencuba mengisi pelbagai kekosongan pekerjaan dan latihan yang ditawarkan dari pelbagai industri di Malaysia. Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti temuduga terbuka dan ceramah kerjaya. Berikut adalah senarai syarikat yang menyertai THE FINALE 2017 yang lalu.

Jadual 8.2: Senarai Syarikat yang menyertai Mini Karnival Kerjaya 2017.

Bil.	Syarikat
1.	Advance Integrated Management Systems Sdn. Bhd.
2.	Exabytes Networks Sdn. Bhd.
3.	Institutions of Mechanical Engineers
4.	Mattel (Malaysia) Sdn. Bhd.
5.	Prestariang Systems Sdn. Bhd.
6.	Prudential BSN Takaful Berhad
7.	Santai GPS Sdn. Bhd.
8.	Silterra Malaysia Sdn. Bhd.
9.	Teledirect Telecommerce Sdn. Bhd.
10.	The Agency Group
11.	Vitrox Corporation Berhad









8.5 KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Dalam meningkatkan kebolehpasaran siswazah, beberapa tugasan telah dijalankan antaranya:

1. Merancang dan melaksanakan program-program Kebolehpasaran Siswazah bagi UniMAP.
2. Mengemaskini statistik pelajar tahun akhir yang mendapat tawaran pekerjaan.
3. Mengadakan hubungan jaringan bersama industri terutama dalam bidang pembangunan kerjaya.
4. Penyediaan kertas kerja berkaitan pembangunan kerjaya pelajar UniMAP
5. Merangka dan melaksanakan pelbagai aktiviti dengan penyertaan industri bagi kakitangan dan pelajar yang melibatkan industri.
6. Mempertingkatkan pandangan umum dan industri terhadap program akademik dan mutu graduan UniMAP dengan penyertaan rapat oleh industri dalam program pengajiannya.
7. Mengadakan lawatan industri bagi tujuan kolaborasi peluang pekerjaan dan latihan industri kepada pelajar

Data kebolehpasaran graduan UniMAP diukur dalam tempoh semasa konvokesyen pelajar. Data peratusan sehingga Oktober 2017 adalah seperti berikut:

Jadual 8.3: Statistik dan Peratusan Kebolehpasaran Siswazah 2012-2017

Bil.	Pusat Pengajian	2012	2013	2014	2015	2016	2017
1.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik	50.44	53.26	57.98	59.33	68.05	74.9
2.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan	50.50	42.97	65.00	69.35	84.53	89.83
3.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses	52.27	57.61	54.65	62.92	59.26	67.86
4.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar	62.31	37.60	60.87	74.81	63.33	89.55
5.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik	62.50	42.70	68.91	64.38	78.99	96.26
6.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan	49.62	45.52	63.24	76.32	65.24	67.27
7.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik	43.66	55.73	48.26	56.67	68.75	79.82
8.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan	51.06	57.72	63.46	60.38	54.74	92.39
9.	Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan	46.42	46.92	53.71	51.34	85.05	83.80
10.	Pusat Pengajian Komunikasi dan Media Baru	NA	NA	NA	NA	NA	97.06
11.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	NA	NA	NA	NA	76.4	85.94
12.	Pusat Pengajian Siswazah	64.91	75.71	81.37	80.90	73.49	80.60
13.	Pusat Pengajian Diploma	78.70	90.36	88.70	87.43	91.47	93.92
Kebolehpasaran Siswazah (%)		**55.73**	**53.99**	**64.39**	**67.28**	**75.39**	**84.6**
Status	Syarikat Multinasional	515	493	413	288	362	511
	Syarikat Swasta Tempatan & GLC	295	438	348	384	552	336
	Agensi Kerajaan	25	68	27	95	99	120
	Melanjutkan Pengajian	110	312	386	496	472	340
	Meningkatkan Kemahiran/Berkerja Sendiri dan Lain-Lain	252	250	315	923	718	466
	Tidak Bekerja	308	243	242	240	703	484
Jumlah		**1505**	**1804**	**1731**	**2426**	**2906**	**2257**

8.6 PROGRAM LATIHAN INDUSTRI (InTra)

Latihan Industri (InTra) di Universiti Malaysia Perlis adalah merupakan salah satu kursus yang wajib diduduki oleh semua pelajar Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3 atau Tahun 4 UniMAP yang mana ianya adalah untuk memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh "Board of Engineers Malaysia".

Berikut adalah Jadual Pelaksanaan Latihan Industri Program Ijazah dan Diploma yang terkini yang akan berlangsung pada 2017.

Program	Program/Kod Kursus	Masa	Jumlah Pelajar
Ijazah	Teknologi Kejuruteraan (PIT 304/12)	16 Januari - 30 Jun (24 minggu)	573
	Komunikasi Media Baharu (KIT 432/6)	12 Jun - 3 September (12 Minggu)	136
	Kejuruteraan EIT 302/4) & Perniagaan (RP 52- BIT 291/6)	26 Jun - 3 September (10 Minggu)	1960
	Perniagaan (RE 09-BIT (190/290)/3)	3 Julai - 27 Ogos (8 Minggu)	520
Diploma	Kejuruteraan (DIT 361/6)	14 November - 2 Mac (16 minggu)	317

8.7 BENGKEL KEPIMPINAN InTra

Pelajar-pelajar perlu mengikuti latihan industri sebagaimana yang disyaratkan dalam keperluan universiti. Bengkel Kepimpinan Latihan Industri (InTra) 2018 diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang organisasi-organisasi baru yang menuntut kepelbagaian kemahiran semasa mereka mengikuti latihan industri kelak. Program ini merupakan salah satu program 7 Pillars yang perlu diikuti oleh semua pelajar UniMAP sebelum bergraduasi.

Objektif program ini ialah:

- Menghasilkan graduan yang mempunyai daya saing untuk cemerlang, berhemah tinggi, dan mempunyai daya tahan cabaran yang kental dari segi rohani dan jasmani.
- Menerapkan ciri-ciri kepimpinan dan kerjasama berpasukan dalam sesuatu organisasi.
- Memberi latihan keyakinan dan jati diri dalam menghadapi cabaran di alam pekerjaan.
- Memberi penerangan kepada pelajar yang bakal menjalani Latihan Industri tentang peraturan-peraturan, garis panduan serta kehendak pihak Industri dan UniMAP.
- Melengkapkan para pelajar dengan persediaan serta maklumat-maklumat asas bagi menjalani Program Latihan Industri.
- Memberi motivasi kepada para pelajar supaya dapat memberikan imej yang baik di industri / syarikat sepanjang tempoh Latihan Industri.





Taklimat industri kepada pelajar

Tarikh	Jumlah Peserta	Tempat
7 Januari 2017	136	Dewan Kecemerlangan Pauh
26-25 Februari 2017	2480	
13 Mei 2017	573	
8 Julai 2017	317	

9 • Penyelidikan dan Pembangunan



9.1 PENGIKTIRAFAN PENYELIDIKAN

Sepanjang tahun 2017, UniMAP telah menyertai tiga pameran penyelidikan di peringkat kebangsaan dan tiga penyertaan di peringkat antarabangsa.

Penyertaan pameran di peringkat kebangsaan adalah *di Malaysia Technology Expo* (MTE). *International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition* (ITEX) *dan The International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning* (PECIPTA). Secara keseluruhannya, UniMAP berjaya memenangi 15 pingat emas, 13 pingat perak dan 15 pingat gangsa serta berjaya membawa pulang 6 anugerah khas.


Kecemerlangan UniMAP turut terserlah di peringkat antarabangsa melalui penyertaan ke *Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition* (IPITEx), *European Exhibition of Creativity and Innovation* (EUROINVENT), *International Trade Fair, Ideas, Invention Of New Products* (IENA), *International Warsaw Inventions show* (IWIS), *World Invention and Innovation Forum* (WIIF) *dan Seoul International Invention Fair* (SIIF). Para penyelidik UniMAP keseluruhannya berjaya merangkul 33 pingat emas, 7 pingat perak dan 5 pingat gangsa serta membawa pulang 20 Special Awards.

Berikut adalah senarai penuh pencapaian UniMAP dalam pameran penyelidikan sepanjang tahun 2017.

Jadual 9.1: Pencapaian Pingat Di Dalam Pameran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Peringkat Nasional


Bil.	Pameran	Tarikh	Tempat	Pingat			Anugerah Khas
				E	P	G	
1.	*Malaysia Technology Expo (MTE)*	16-18 Februari 2017	Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur	3	8	8	3
2.	*International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX)*	11-13 Mei 2017	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur	10	5	0	3
3.	*The International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA)*	7-9 Oktober 2017	Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu	2	0	7	-


Jadual 10.17: Senarai program dan kursus yang dianjurkan di HEPA untuk aktiviti anjuran kelab & persatuan di UniMAP untuk tahun 2017

Bil.	Nama Program/Kursus	Anjuran	Tempat	Bilangan Peserta	Peruntukan
1.	NITELITE RUN	-TIADA PERSATUAN-	14 Jan DATARAN BOULEVARD, KAMPUS UNICITI ALAM	800	0
2.	IKATAN KASIH ANTARA SUKSIS UniMAP DAN UMP	KELAB SUKSIS	22 Jan UniMAP	120	0
3.	UniMAP SQUASH LEAGUE 2017	KELAB SQUASY	13 Feb ARENA SKUASY UniMAP	50	1500
4.	REHLAH UKHWAH SAHABAT YADIM	SAHABAT YADIM UniMAP	19 Feb GUA KELAM PERLIS	80	0
5.	HARI KELUARGA AHLI KELAB	KELAB KELESTARIAN BUMI (GET)	24 Feb BUKIT AYER , PERLIS	70	340
6.	SISWA TURUN PADANG	KELAB PENGAJIAN PELAJAR DIPLOMA (DIREC)	25 Feb KOMPLEKS SUKAN SYED SIRAJUDDIN AREEB PUTRA	400	1255
7.	KARNIVAL SEMPENA 10 TAHUN SUKSIS UniMAP	KELAB SUKSIS	25 Feb KAMPUS INDUK PAUH PUTRA	500	0
8.	FAMILY DAY PPK PEMBUATAN	PRODUCT DESIGN CLUB (PRODEC)	26 Feb KAMPUS TETAP UniMAP, PAUH PUTRA	350	0
9.	EKSPEDISI KEMBARA ALAM GUNUNG IRAU	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR	3 Mac CAMERON HIGHLAND, PAHANG	30	4535
10.	PROGRAM KESEDARAN BERSAMA AMANITA	KELAB SUKSIS	4 Mac SEKOLAH KEBANGSAAN	400	0
11.	KEM TAMAT 2017	PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA (PSSCM) UniMAP	9 Mac KEM DARA MANDI YAN, KEDAH	60	0
12.	IKATAN KASIH SUKSIS UniMAP DAN UMP	KELAB SUKSIS	10 Mac UMP	120	0
13.	SAMBUTAN HARI HUTAN DAN KEMPEN MENANAM POKOK SEDUNIA	KELAB KEMBARA MAHASISWA UniMAP	10 Mac TABUNG KELANTAN DAN UniMAP	35	3485
14.	LIMA>17	ROTU CLUB	11 Mac MAHSURI INTERNATIONAL EXHIBITION CENTER, LANGKAWI	94	0
15.	MAJLIS ANUGERAH AIESEC	-TIADA PERSATUAN-	14 Mac GRAND ALORA HOTEL ALOR SETAR KEDAH	35	2249
16.	PROGRAM SUKSIS BERKEMBAR - SUKSIS UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS DAN SUKSIS UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	KELAB SUKSIS	17 Mac UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	35	6200
17.	LEADERSHIPS AND DEVELOPMENTS IN SQUASH	KELAB SQUASY	24 Mac ARENA SKUASY UniMAP	50	1270

Bil.	Nama Program/Kursus	Anjuran	Tempat	Bilangan Peserta	Peruntukan
18.	LAWATAN KE KILANG HAR- ONE	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BIOPROSES	25 Mac SUNGAI PETANI, KEDAH	40	498.2
19.	ADVANCE TELECOMUNICATIONS ENGENEERING WITH APPLIED RADAR DIVERSITY PROGRAMME	PERSATUAN PELAJAR KEJURUTERAAN KOMPUTER & PERHUBUNGAN	31 Mac HICOM-TECK SEE MANUFACTURING, SHAH ALAM	38	2000
20.	LAWATAN INDUSTRI	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BIOPROSES	1 Apr KILANG YAKULT & INNO BIO VENTURES SDN BHD	78	500
21.	MAJLIS MAKAN MALAM PPK BIOPROSES 2016/2017	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BIOPROSES	1 Apr DEWAN ILMU	500	15450
22.	KARNIVAL SUKAN TERTUTUP PPK BAHAN	PERSATUAN PELAJAR PPK BAHAN	6 Apr DEWAN KUBANG GAJAH	300	4004
23.	CHARITY WORK	KELAB SUKARELAWAN UniMAP (MASKUM UniMAP)	13 Apr PUSAT PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN AMAL RUMAH TEDUH PERLIS	30	479.5
24.	PERTANDINGAN FUTSAL PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR	14 Apr R7 FUTSAL CENTRE, ARAU	160	1700
25.	KEMBARA SEJARAH PERSEMBUNYIAN KOMUNIS & KESAN TEKNOLOGI PERLOMBONGAN GUA TERBESAR SEMENANJUNG	KELAB KEMBARA MAHASISWA UniMAP	15 Apr GUA TEMPURUNG, PERAK	35	3485
26.	KLINK PING PONG	-TIADA PERSATUAN-	15 Apr DEWAN SERBAGUNA KUBANG GAJAH	25	0
27.	YEMENI STUDENT UNION FUTSAL COMPETITION SESSION 2017/2018	INTERNATIONAL STUDENTS CLUB	15 Apr GELANGGAN FUTSAL PFI2	56	0
28.	EKSPEDISI RINTIS BIODIVERSITI DI GUNUNG TAHAN	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BIOPROSES	15 Apr TAMAN NEGARA PAHANG, SUNGAI RELAU, MERAPOH	30	9360
29.	ENGLISH FOR ALL	KELAB PENYAYANG UniMAP	16 Apr RUMAH ANAK YATIM YAYASAN SAAD	30	300
30.	SEMARAKKAN CINTA BERSAMA WARGA EMAS	KELAB PENYAYANG UniMAP	22 Apr RUMAH SEJAHTERA BAITUL HANAN	50	320
31.	LAWATAN INDUSTRI KEJURUTERAAN BIOPROSES	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BIOPROSES	24 Apr LUMUT, PERAK	65	1385.6
32.	PERTANDINGAN SUMO ROBOT	KELAB ROBOTIK	1 Mei PPIPT	14	280
33.	DINNER	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR	4 Mei HOTEL STAR CITY, ALOR SETAR	350	13280
34.	MAJLIS ANUGERAH DEKAN PPK BAHAN 2016/2017	PERSATUAN PELAJAR PPK BAHAN	6 Mei PUTRA BRASMANA HOTEL, KUALA PERLIS, PERLIS	350	19500
35.	TEATER MUZIKAL CIHA	KELAB SENI LAKON DAN KREATIF	13 Mei DEWAN KECEMERLANGAN, PAUHM PUTRA , UniMAP	200	1900
36.	MALAM PENGANUGERAHAN PPK MEKATRONIK	KELAB PPK MEKATRONIK	14 Mei DEWAN ILMU	300	0
37.	UJIAN SIJIL RENDAH (USR) PSSCM PERINGKAT ZON UTARA 2	PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA (PSSCM) UniMAP	14 Mei DEWAN SERBAGUNA KUBANG GAJAH UniMAP, KUBANG GAJAH	140	1980
38.	SUKSIS FAMILY DAY	KELAB SUKSIS	14 Mei PERLIS	184	0
39.	MALAM PENGANUGERAHAN PPK MEKATRONIK	KELAB PPK MEKATRONIK	17 Mei DEWAN ILMU	300	4717.4
40.	UJIAN SIJIL RENDAH (USR) PSSCM PERINGKAT ZON UTARA 2	PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA (PSSCM)UniMAP	20 Mei DEWAN SERBAGUNA KUBANG GAJAH UniMAP, KUBANG GAJAH	140	0
41.	GLOBAL VOLUNTEER	KELAB AIESEC	20 Mei UniMAP	30	0
42.	FAMILY DAY SUKSIS	KELAB SUKSIS	20 Mei BUKIT AYER, SG BATU PAHAT, PERLIS	178	0

Bil.	Nama Program/Kursus	Anjuran	Tempat	Bilangan Peserta	Peruntukan
43.	MALAM PENGANUGERAHAN PPK MEKATRONIK	KELAB PPK MEKATRONIK	21 Mei DEWAN ILMU	300	0
44.	JELAJAH «HIDUP PENUH ERTI»	KELAB PEMADAM (PERSATUAN MENCEGAH DADAH MALAYSIA)	24 Mei SMK SYED ALWI	150	0
45.	SUKAN TERTUTUP FAKULTI TEKNOLOGI KEJURURTERAAN	PERSATUAN PELAJAR FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	25 Mei UniMAP KAMPUS UNICITI ALAM	250	570
46.	IFTAR SUKSIS UniMAP	KELAB SUKSIS	3 Jun KUBANG GAJAH	200	0
47.	IFTAR BERSAMA PENYAYANG	KELAB PENYAYANG UniMAP	11 Jun RESTORAN MONA IKAN BAKAR KULA PERLIS	24	500
48.	IFTAR JAMAIE PUSAT PENGAJIAN ALAM SEKITAR	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR	25 Jun PUSATPENGAJIAN JEJAWI 3 (DRAGON)	200	1360
49.	MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA RUMAH ANAK YATIM	SAHABAT YADIM UniMAP	27 Jun PERTUBUHAN KEBAJIKAN RUMAH ANAK YATIM MAK TEH	50	0
50.	PROGRAM CINTAI BUMI HIJAU	KELAB SUKARELAWAN UniMAP (MASKUM UniMAP)	1 Julai GUNUNG DATUK, REMBAU, NEGERI SEMBILAN	50	3950
51.	DIRET FEST	KELAB PENGAJIAN PELAJAR DIPLOMA (DIREC)	1 Julai UNICITI ALAM	300	1630
52.	PROJECT GREEN LANTERN TITANS	KELAB AIESEC	7 Julai SEKOLAH MENENGAH KAWASAN UTARA MALAYSIA	20	14450
53.	PROJEK ‹SPEAK UP›	KELAB AIESEC	22 Julai TIGA BUAH SEKOLAH MENENGAH DI ALOR SETAR	20	14450
54.	PROGRAM HARI KELUARGA DIPLOMA KEJURUTERAAAN MIKROELEKTRONIK 2017	KELAB PENGAJIAN PELAJAR DIPLOMA (DIREC)	13 Ogos PPK MEKROELEKTRONIK KAMPUS PAUH PUTRA	160	770
55.	MALAM ANUGERAH KECEMERLANGAN DIPLOMA 2017	KELAB PENGAJIAN PELAJAR DIPLOMA (DIREC)	19 Ogos DEWAN ILMU	1200	38180
56.	LAWATAN MUHIBBAH BIOMED UniMAP - HTF	KELAB PPK MEKATRONIK	27 Ogos HOSPITAL TUANKU FAUZIAH (HTF), KANGAR, PERLIS	80	2315.25
57.	SEJENAK BERSAMA, SELAMA TERASA	KELAB PENGAJIAN PELAJAR DIPLOMA (DIREC)	31 Ogos KOLEJ KEDIAMAN UNICITI ALAM, SG. CHUCHUH	160	4213.2
58.	BEDAH BUKU BERSAMA USTAZ HADI FAYYADH	SAHABAT YADIM UniMAP	2 Sept KOLEJ KEDIAMAN WANG ULU	200	1030
59.	OUT REACH SCHOOL PROGRAMME	SAHABAT YADIM UniMAP	5 Sept SEKOLAH KEBANGSAAN JEJAWI	100	40
60.	ORIENTASI FRESHIE PPK MEKATRONIIK	KELAB PPK MEKATRONIK	8 Sept DEWAN KULIAH UniMAP	270	0
61.	FAMILYDAY OF ELECTRIC	KELAB PENGAJIAN PELAJAR DIPLOMA (DIREC)	9 Sept KOMPLEKS SUKAN SYED SIRAJUDDIN, PAUH PUTRA, PERLIS	210	1294
62.	TEAM BUILDING	PERSATUAN PELAJAR FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	10 Sept PUSAT KOKURIKULUM JPN PERLIS	55	0
63.	TEAM BUILDING SY UniMAP	SAHABAT YADIM UniMAP	16 Sept KOLEJ KEDIAMAN UNICITI ALAM	36	1357.5
64.	ORIENTASI FRESHIE PPK MEKATRONIIK	KELAB PPK MEKATRONIK	16 Sept DEWAN KULIAH UniMAP	270	2065.6
65.	SEMARAKKAN CINTA BERSAMA WARGA EMAS	KELAB PENYAYANG UniMAP	16 Sept PUSAT JAGAAN RUMAH SEJAHTERA BAITUL HANAN, SIMPANG 4, PERLIS	30	420
66.	HARI KERCERIAAN PPK MEKATRONIK	KELAB PPK MEKATRONIK	16 Sept KAWASAN PPK MEKATRONIK	50	2121.42
67.	GOTONG ROYONG KUALA PERLIS	KELAB PPK MEKATRONIK	16 Sept KUALA PERLIS	35	998.4
68.	LET THE GAME BEGINS	KELAB PENGAJIAN PELAJAR DIPLOMA (DIREC)	16 Sept PUSAT SUKAN SYED ARIF SIRAJUDIN	280	1500
69.	MINGGU ORIENTASI PELAJAR FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	PERSATUAN PELAJAR FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	16 Sept KAMPUS UNICITI ALAM, UniMAP	550	0

Bil.	Nama Program/Kursus	Anjuran	Tempat	Bilangan Peserta	Peruntukan
70.	«NITE LITE RUN 2.0» 2017	KELAB PENGAJIAN PELAJAR DIPLOMA (DIREC)	16 Sept KAMPUS TETAP UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS, PAUH PUTRA	1000	45973
71.	PEMANTAPAN PENGURUSAN ORGANISASI DAN SAMBUTAN HARI MALAYSIA	KELAB KEMBARA MAHASISWA UniMAP	16 Sept CAMERON HIGHLAND PAHANG	35	4500
72.	EKSPEDISI GUNUNG JERAI SEMPENA HARI MALAYSIA	KELAB PPK MEKATRONIK	22 Sept GUNUNG JERAI, YAN, KEDAH	35	0
73.	ILLUMINATES ME DAY	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR	22 Sept GUA KELAM, PERLIS	200	1680
74.	UniMAP RUNNINGMAN	KELAB PPK MEKATRONIK	22 Sept KAMPUS TETAP PAUH PUTRA UniMAP	200	4392.5
75.	MENDAKI BUKIT LAKA BERSAMA AHLI PPK MEKATRONIK	KELAB PPK MEKATRONIK	22 Sept BUKIT LAKA	32	99.6
76.	WACANA ILMIAH	SAHABAT YADIM UniMAP	23 Sept DEWAN KECEMERLANGAN, UniMAP	300	645
77.	ORIENTASI FRESHIE PPK MEKATRONIIK	KELAB PPK MEKATRONIK	23 Sept DEWAN KULIAH UniMAP	270	0
78.	CV MAKER AND RESUME DESIGN	KELAB PPK MEKATRONIK	30 Sept DEWAN KULIAH 1, PAUH PUTRA	250	3800
79.	JELAJAH MTUN FETECH UniMAP 1.0	PERSATUAN PELAJAR FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	30 sept UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)	30	0
80.	PROGRAM CINTAI BUMI HIJAU 2.0	KELAB SUKARELAWAN UniMAP (MASKUM UniMAP)	4 Oct BROGA HILL, SEMENYIH, SELANGOR DAN AYER KEROH, MELAKA	50	0
81.	PIALA DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	PERSATUAN PELAJAR FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	16 Okt SMK TUANKU FAUZIAH	60	0
82.	PROJEK SUKARELAWAN DI PUSAT KONSERVASI GAJAH KEBANGSAAN	KELAB PENYAYANG UniMAP	20 Okt PUSAT KONSERVASI GAJAH KEBANGSAAN, KUALA GANDAH, LANCHANG, PAHANG	40	1196
83.	«HOMECOMING CONVO» FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	PERSATUAN PELAJAR FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	20 Okt KAMPUS UNICITI ALAM, UniMAP	200	0
84.	KURSUS PENGURUSAN JENAZAH	KELAB SUKSIS	21 Okt KUBANG GAJAH	187	0
85.	PESANAN ABANG KAKAK KEPADA ADIK (PAKKA)	KELAB PPK MEKATRONIK	25 Okt SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PERLIS	100	174.6
85.	KEMBARA UKHWAH SISWI 2.0	SAHABAT YADIM UniMAP	29 Okt KOLEJ KEDIAMAN UNICITI ALAM	50	1877.5
87.	CAR WASH DAY	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR	29 Okt PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR	30	497
88.	PROGRAM MINGGU SUAI KENAL (MSK) ANGGOTA BARU (SUKSIS)	KELAB SUKSIS	29 Okt KOLEJ KEDIAMAN TUN ABDUL RAZAK	135	0
89.	KEM QIYADI 2017	SAHABAT YADIM UniMAP	29 Okt KEM BINA NEGARA KAKI BUKIT, PERLIS	50	5240
90.	SESI FOTOGRAFI KELAS	KELAB PPK MEKATRONIK	29 Okt PPK MEKATRONIK	1000	84.8
91.	PROGRAM IKATAN KASIH BERSAMA ANAK-ANAK YATIM	KELAB KELESTARIAN BUMI (GET)	1 Nov KOMPLEKS PENYAYANG DR SITI HASMAH JEJAWI DALAM	40	0
92.	MEKATRONIK MURAL PAINTING	KELAB PPK MEKATRONIK	4 Nov KAWASAN PPK MEKATRONIK	20	795.41
93.	MEKA DAY	KELAB PPK MEKATRONIK	4 Nov PPK MEKATRONIK	500	2189.3
94.	MENGADAKAN KELAS ROBOTIK	KELAB ROBOTIK	4 Nov PPIPT	50	100
95.	KEMBARA ILMU KELAB WASATIYYAH UniMAP BERSAMA UITM SHAH ALAM	-TIADA PERSATUAN-	4 Nov UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) SHAH ALAM	13	0
96.	GLOBAL VOLUNTEER	KELAB AIESEC	4 Nov UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS DAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA	50	0

Bil.	Nama Program/Kursus	Anjuran	Tempat	Bilangan Peserta	Peruntukan
97.	PERTANDINGAN BOWLING PENYAYANG	KELAB PENYAYANG UniMAP	11 Nov AMAN CENTRAL, ALOR SETAR, KEDAH	70	2225
98.	POLYMER NIGHT	-TIADA PERSATUAN-	12 Nov DEWAN KUBANG GAJAH UniMAP	150	0
99.	A WALK TO REMEMBER	KELAB SUKARELAWAN UniMAP (MASKUM UniMAP)	20 Nov PERTUBUHAN RUMAH ANAK YATIM DAERAH KUALA MUDA	40	0
100.	PRORAM JATI DIRI KEPIMPINAN KE ROYAL BELUM,GERIK PERAK	-TIADA PERSATUAN-	20 Nov HUTAN SIMPAN ROYAL BELUM, GERIK, PERAK	40	0
101.	PERTANDINGAN SOCCER ROBOT	KELAB ROBOTIK	20 Nov PPIPT	30	0
102.	PROGRAM MARI MENGENAL KELAB - KELAB UniMAP	-TIADA PERSATUAN-	23 Nov KAMPUS PENGAJIAN UNICITI ALAM, SUNGAI CHUCHUH	40	0
103.	NEON CHALLENGE RUN	KELAB PPK MEKATRONIK	25 Nov KOMPLEKS DEWAN KULIAH UniMAP (KAMPUS PAUH PUTRA)	500	28203
104.	ENGLISH FOR ALL 2.0	KELAB PENYAYANG UniMAP	26 Nov RUMAH ANAK YATIM YAYASAN SAAD, KANGAR, PERLIS	20	340
105.	IKATAN UKHUWAH MAHASISWA	KELAB PENGAJIAN PELAJAR DIPLOMA (DIREC)	2 Dis MASJID AL MUSTAGHFIRIN, JALAN PADANG BESAR, BUKIT CHABANG, PERLIS	57	0
106.	SEMINAR DIALOG PERINDUSTRIAN III	PERSATUAN PELAJAR FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	2 Dis DK2	250	0
107.	KARNIVAL KERJAYA DAN PEMBENTANGAN PROJEK TAHUN AKHIR 2017	PERSATUAN PELAJAR FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	8 Dis KOLEJ KEDIAMAN UNICITI ALAM	598	0
108.	LAWATAN INDUSTRI	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BIOPROSES	9 Dis SWISSLAB BIOTECH & HR MARKETING, ALOR SETAR KEDAH	76	0
109.	MAJLIS ANUGERAH GEMILANG(MAG) FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	PERSATUAN PELAJAR FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	9 Dis DEWAN ILMU, PAUH PUTRA	800	0
110.	MOTIVASI: 2 DAYS 1 NIGHT	KELAB PENYAYANG UniMAP	9 Dis KAMPUS TETAP PAUH, UniMAP	80	0
111.	PROGRAM KESUKARELAWAN RUMAH ASUHAN	KELAB PPK MEKATRONIK	9 Dis RUMAH ASUHAN ANAK	35	0
112.	IKATAN UKHUWAH MAHASISWA	KELAB PENGAJIAN PELAJAR DIPLOMA (DIREC)	10 Dis MASJID AL MUSTAGHFIRIN, JALAN PADANG BESAR, BUKIT CHABANG, PERLIS	57	0
113.	MOVIE NIGHT 2.0 ENACTUS UniMAP	-TIADA PERSATUAN-	10 Dis DEWAN KULIAH 1, 3, 4, 5, 6	100	0
114.	EKSPLORASI KESEDARAN MEMELIHARA KHAZANAH WARISAN SEMULA JADI DAN PEMANTAPAN PENGURUSAN ORGANISASI	KELAB KEMBARA MAHASISWA UniMAP	10 Dis GUA TAMBUNN, PERAK	35	0
115.	BENGKEL PENULISAN PROTOKOL PENGACARAAN MAJLIS DAN TEKS UCAPAN	KELAB PENULISAN KREATIF	10 Dis DEWAN KULIAH PPIPT, KANGAR	40	0
116.	LAWATAN INDUSTRI	PERSATUAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BIOPROSES	11 Dis FERMPRO SDN BHD, BUKIT KETRI, PERLIS	39	0
117.	DISKUSI ILMIAH: ANIME	KELAB PENULISAN KREATIF	30 Dis KOLEJ KEDIAMAN PFI2, PAUH	40	0

Berikut merupakan statistik Alumni yang sedang melanjutkan pengajian Pascasiswazah di UniMAP bagi tahun 2010 sehingga 2017.

Jadual 10.17: Alumni yang sedang melanjutkan pengajian Pascasiswazah di UniMAP bagi tahun 2010 sehingga 2017

Tahun	Peringkat Pengajian		Jumlah Keseluruhan
	Sarjana	PhD	
2010	3	4	7
2011	4	7	11
2012	2	3	5
2013	29	20	49
2014	55	35	90
2015	60	55	115
2016	122	31	153
2017	113	35	148
JUMLAH	**380**	**190**	**578**

Kemaskini: Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar, Pusat Pengajian Siswazah

Jadual 10.18: Pecahan Alumni yang sedang melanjutkan pengajian Pascasiswazah di UniMAP mengikut Pusat Pengajian bagi tahun 2010-2017

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
PPK Mikroelektonik	-	1	-	7	8	13	20	18
PPK Komputer & Perhubungan	2	-	2	5	10	29	23	23
PPK Sistem Elektrik	-	-	-	-	7	14	7	14
PPK Mekatronik	3	14	3	25	36	21	21	17
PPK Pembuatan		1	1	2	9	11	7	12
PPK Alam Sekitar	-	-	-	2	9	10	10	3
PPK Bioproses	-	1	3	11	8	3	3	2
PPK Bahan	1	5	8	24	38	24	21	4
PPIPT	-	-	4	12	52	47	7	18
iKOM	-	-	-	-		3	2	-
INEE	-	-	-	2	6	10	4	1
IMK	-	-	-	-	-	3	1	4
FTK	-	-	-	-	-	1	3	12
JUMLAH MENGIKUT TAHUN	6	26	21	114	205	194	127	128
JUMLAH KESELURUHAN	**693**							

Kemaskini: Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar, Pusat Pengajian Siswazah

11 • Pengantarabangsaan



Keunggulan global merupakan salah satu lonjakan pemangkin dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Justeru, UniMAP dengan visi Institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa' perlu menyerlah dan diperkukuhkan dengan kerjasama dan usahasamanya dengan organisasi dan institusi antarabangsa, serta memperkayakan pengalaman pelajar-pelajarnya dengan penglibatan di dalam program-program di peringkat antarabangsa.


11.1 PELAJAR ANTARABANGSA

Enrolmen Pelajar Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda

Bagi Sidang Akademik 2017/2018, seramai 95 orang daripada 10 negara telah berdaftar untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda, berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu seramai 123 orang. Enrolmen keseluruhan pelajar antarabangsa adalah seramai 432 orang terdiri daripada 420 orang lelaki (98%) dan 12 orang perempuan (2%).

Bil.	Kod Program	Program Pengajian	Enrolmen
1	RK05	Kejuruteraan Mikroelektronik	3
2	RK86	Kejuruteraan Elektronik	16
3	RK89	Kejuruteraan Fotonik	2
4	RK20	Kejuruteraan Komputer	16
5	RK53	Kejuruteraan Perhubungan	39
6	RK93	Kejuruteraan Rangkaian Komputer	23
7	RK08	Kejuruteraan Mekanikal	38
8	RK24	Kejuruteraan Mekatronik	43
9	RK85	Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan	32
10	RK13	Kejuruteraan Pembuatan	36
11	RK84	Kejuruteraan Rekabentuk Produk	2

Bil.	Kod Program	Program Pengajian	Enrolmen
12	RK23	Kejuruteraan Sistem Elektrik	81
13	RK45	Kejuruteraan Elektronik Industri	2
14	RK96	Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga	1
15	RK12	Kejuruteraan Bahan	3
16	RK32	Kejuruteraan Polimer	3
17	RK28	Kejuruteraan Bioproses	4
18	RK01	Kejuruteraan Awam	50
19	RK07	Kejuruteraan Alam Sekitar	4
20	RE09	Perniagaan Antarabangsa	26
21	RP52	Keusahawanan Kejuruteraan	8
		JUMLAH	**432**



Rajah 11.1: Enrolmen Pelajar Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda

Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara dan Jantina

Bil.	Negara	L	P	Jumlah Pelajar
1	Algeria	1	0	1
2	Bangladesh	2	0	2
3	Bosnia	1	0	1
4	Chad	13	0	13
5	China	1	1	2
6	Denmark	1	0	1
7	Djibouti	1	0	1
8	Egypt	22	0	22
9	Eritrea	4	0	4
10	Ethopia	2	0	2
11	India	1	0	1
12	Indonesia	4	2	6
13	Iraq	9	1	10
14	Jordan	8	0	8
15	Kenya	1	0	1
16	Libya	1	0	1
17	Mali	1	0	1
18	Mauritania	2	0	2
19	Myanmar	13	3	16
20	Niger	1	0	1
21	Nigeria	5	0	5
23	Palestine	4	0	4
24	Somalia	86	1	87
25	Sudan	44	0	44
26	Syria	11	2	13
27	Thailand	1	0	1
28	Uk	1	0	1
29	Uzbekistan	5	0	5
30	Vietnam	1	1	2
31	Yemen	173	1	174
JUMLAH		**420**	**12**	**432**

Enrolmen Pelajar Program Pengajian Kursus Bahasa Inggeris Intensif (IEC)

IEC merupakan kursus selama 22 minggu yang diwajibkan kepada pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat Bahasa Inggeris sebelum mereka melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Untuk tahun 2017, seramai 81 orang pelajar antarabangsa telah berdaftar bagi mengikut kursus pendek ini dengan 63 orang berdaftar pada ambilan April 2017 dan bakinya iaitu 18 orang pada kemasukan Oktober 2017. Pelajar lelaki masih merupakan kelompok terbesar yang berdaftar iaitu sebanyak 99%.

Bil.	Program	Ambilan April 2017	Ambilan Oktober 2017	Jumlah
1	RE09 - Perniagaan Antarabangsa	0	2	2
2	RK08 - Kejuruteraan Mekanikal	8	3	11
3	RK12 - Kejuruteraan Bahan	1	0	1
4	RK13 - Kejuruteraan Pembuatan	9	1	10
5	RK20 - Kejuruteraan Komputer	5	0	5
6	RK23 - Kejuruteraan Sistem Elektrik	11	2	13
7	RK24 - Kejuruteraan Mekatronik	9	1	10
8	RK53 - Kejuruteraan Perhubungan	9	1	10
9	RK56 - Kejuruteraan Metalurgi	0	1	1
10	RK01 - Kejuruteraan Awam	8	2	10
11	RK85 - Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan	0	3	3
12	RK93 - Kejuruteraan Rangkaian Komputer	2	1	3
13	RK96 - Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga	1	1	2
Jumlah		**63**	**18**	**81**

Statistik Pelajar Berdaftar untuk IEC Mengikut Negara

Bil.	Negara	Ambilan April 2017			Ambilan Oktober 2017		
		L	P	Jumlah	L	P	Jumlah
1	Bangladesh	0	0	0	1	0	1
2	Chad	0	0	0	1	0	1
3	Egypt	7	0	7	2	0	2
4	Eritrea	0	0	0	1	0	1
5	Indonesia	0	0	0	3	0	3
6	Niger	1	0	1	0	0	0
7	Somalia	17	0	17	3	0	3
8	Sudan	6	0	6	0	0	0
9	Syria	6	0	6	1	0	1
10	Thailand	0	0	0	2	0	2
11	Uzbekistan	0	0	0	0	1	1
12	Yemen	26	0	26	3	0	3
Jumlah		**63**	**0**	**63**	**17**	**1**	**18**

Enrolmen Pelajar Program Pengajian Pasca-siswazah

Tahun 2017 menunjukkan peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa pasca-siswazah sebanyak 1.8% berbanding tahun 2016. Enrolmen pelajar antarabangsa bagi tahun 2017 ialah seramai 1515 orang berbanding 1488 pada tahun sebelumnya bagi program Doktor Falsafah, Sarjana Sains (Mod Penyelidikan), Sarjana Sains (Mod Campuran) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan.

11.2 STAF ANTARABANGSA

Bilangan keseluruhan staf bukan warganegara adalah seramai 23 orang bagi tahun 2018 (sehingga 22 Mac 2018) berbanding 27 orang pada tahun 2017. Taburan staf bukan warganegara tersebut mengikut negara masing-masing adalah tiga (3) dari Indonesia, dua (2) dari Myanmmar, dua (2) dari India,dua (2) dari China,dua (2) dari Nigeria,dua (2) dari Pakistan, dua (2) dari Thailand, satu (1) dari Vietnam, satu (1) dari Bangladesh, satu (1) dari Kanada, satu (1) dari Mesir, satu (1) dari Iraq, satu (1) dari Jepun, satu (1) dari Sudan dan satu (1) dari Filipina.

11.3 MOBILITI PELAJAR DAN STAF (INBOUND DAN OUTBOUND)

Salah satu impak dariapda MoU di antara UniMAP dan rakan-rakan universiti adalah melibatkan program mobility pelajar. Program-program mobiliti yang dianjurkan adalah selaras dengan Lonjakan 8 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu Keunggulan Global seterusnya membantu UniMAP melahirkan graduan yang standing dan dapat bersaing di persada antarabangsa.



11.4 MOBILITI PELAJAR (INBOUND)

Bil.	Program	IPT Asal Pelajar	Tarikh Penganjuran	Bilangan Peserta
1.	Academic Attachment under EU Grant-Prigeoc	University of Plymouth, United Kingdom	21 Jan 2017 - 20 April 2017	1
3.	Program Khidmat Masyarakat	Universitas Andalas Indonesia	5 Ogos 2017 - 20 Ogos 2017	5
4.	Program Mobiliti Inbound Pelajar Nahda University, Mesir	Nahda University, Mesir	16 Ogos 2017 - 4 Sept 2017	8
5.	Latihan Industri	Walailak University, Thailand	1 Nov 2017 - 31 Jan 2018	1
6.	Latihan Industri	Thaksin University, Thailand	1 Ogos 2017 - 20 Nov 2017	1
7.	Latihan Industri	Rajamangala University of Technology Srivijaya Thailand	20 Okt 2017 - 25 Feb 2018	3
8.	International Soft Skills and Leadership Camp 2017	Rajamangala University of Technology Srivijaya Thailand	15 Nov 2017 - 19 Nov 2017	25

11.5 MOBILITI PELAJAR (OUTBOUND)

Bil	Program	Lokasi	Tarikh Penganjuran	Bilangan Peserta
1.	Academic Attachment Under Eu Grant-Prigeoc	National Technical University of Athens, Greece	15 Mac 2017 - 15 Jun 2017	2
2.	Latihan Industri	Universitas Tanjungpura, Indonesia	9 Julai 2017 - 21 Ogos 2017	10
3.	Research Outreach Program	Czech Technical University, Prague	1 Feb 2017 - 30 Jun 2017	3
4.	Asia Summer Program	Guangdong University of Foreign Studies, China	1 Ogos 2017 - 21 Ogos 2017	14
5.	Program Khidmat Masyarakat di Bumi Kemboja	Kemboja	4 Julai 2017 - 7 Julai 2017	31
6.	Mini Social for Enterprise Development Program	Prince of Songkla University, Pattani Campus Thailand	13 Sept 2017 - 21 Sept 2017	2
7.	UniMAP-RMUTSV International Soft Skills and Leadership Programme (ISOL) 2017	Rajamangala University of Technology Srivijaya Thailand	15 Nov 2017 - 19 Nov 2017	25
8.	Program Sawat di Thailand	Bagan Kei dan Khuan Don, Thailand	5 Mei 2017 - 7 Mei 2017	23
9.	Enhancing Arts and Cultural Exchange Program, Thailand-Malaysia	Pejabat Kebudayaan Wilayah Satun, Thailand	13 Dis 2017 - 15 Dis 2017	10

11.6 MOBILITI STAF (INBOUND)

Bil	Nama Staf	IPT Asal Staf	Tarikh Penganjuran	Lokasi Di UniMAP
2.	Academic Attachment under EU Grant-Prigeoc	Liverpool John Moores University, United Kingdom	21 Jan 2017 - 20 April 2017	CeGeoGTECH, FTK & PPK Bahan
1.	Mr. Supachoak Chinnapong	Thaksin University, Thailand	9 Okt 2017 - 24 Okt 2017	Pusat ICT, UniMAP

11.7 LAWATAN UniMAP KE LUAR NEGARA

Penyertaan aktiviti di peringkat antarabangsa dilaksanakan bertujuan untuk meneroka idea-idea baru dalam bidang akademik dan penyelidikan, selain mencari peluang untuk penempatan pelajar dan staf bagi pertukaran pengetahuan dan kemahiran serta berkongsi kepakaran di antara kedua-dua institusi.

Bil	PTj	Negara Dilawati	Tarikh	Tujuan
1.	PEJ.NAIB CANSELOR & PPK MEKATRONIK	JERMAN	30 OGOS 17 - 03 SEPT 17	LAWATAN DAN MESYUARAT BERSAMA PIHAK NCIA DAN BOSCH BERKAITAN IOT (INTERNET OF THING) DAN KOLABORASI BERSAMA UNTUK INDUSTRI PEMBUATAN MOTOSIKAL DAN SKUTER LEKTRIKLAWATAN DAN MESYUARAT BERSAMA PIHAK NCIA DAN BOSCH
2.	PEJ. TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)	INDONESIA	17 SEPT 17 - 20 SEPT 17	KEYNOTE SPEAKER INTERNATIONAL CONFERENCE ON MATHEMATICS, SCIENCE AND EDUCATION (ICMSE 2017)
3.	PEJ. NAIB CANSELOR & PUSAT BAHASA ANTARABANGSA	KARABUK, TURKI	09 OKT 17 - 14 OKT 17	NAIB CANSELOR MENGHADIRI SIMPOSIUM SEBAGAI PEMBENTANG UCAPTAMA
4.	PEJ.TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) & PPK SISTEM ELEKTRIK	UNITED KINGDOM	03 NOV 17 - 10 NOV 17	MESYUARAT BERSAMA JAWATANKUASA PENYELIDIKAN KALI KE-10 DAN MESYUARAT BERSAMA JAWATANKUASA PENYELIDIKAN KALI KE-11 BAGI KONSORTIUM GU8 SERTA MENGADAKAN LAWATAN KE UNIVERSITY OF LEEDS DAN UNIVERSITY OF
5.	PPK MEKATRONIK	TOHOKU, JAPAN	23 OKT 17 - 09 NOV 17	MENGHADIRI KURSUS TRAIN THE TRAINER (TOT)
6.	PPK MEKATRONIK	BANGLADESH	30 OKT 17 - 12 NOV 17	MEMBERI BANTUAN KEMANUSIAAN DAN PERUBATAN
7.	PPK KOMPUTER & PERHUBUNGAN	PHUKET, THAILAND	30 OKT 17 - 02 NOV 17	PEMBENTANGAN KERTAS KERJA
8.	JAB HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI	AZERBAIJAN DAN KAZAKHSTAN	19 NOV 17 - 28 NOV 17	MENIMBA ILMU DAN PENGALAMAN BUDAYA DI AZERBAIJAN DAN KAZAKHSTAN SUPAYA DAPAT MENGAPLIKASIKAN ILMU TERSEBUT BAGI PERKEMBANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN BIDANG BERKAITAN KEPADA PELAJAR KHUSUNYA
9.	INSTITUT KAJIAN RAJA, KEPIMPINAN DAN KOMUNITI, PEJABAT NAIB CANSELOR, UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & PUSAT PENGAJIAN PEMBANGUNAN INSAN DAN TEKNOKOMUNIKASI	MAKASSAR, SULAWESI SELATAN, INDONESIA	10 NOV 17 - 13 NOV 17	PENGANJURAN BERSAMA SEMINAR INSTITUT RAJA (SIRaj V) : KESULTANAN ALAM MELAYU DENGAN UNIVERSITAS ISLAM NEGERI ALAUDDIN MAKASSAR (UIN)
10.	PEJ. TIMBALAN NAIB CANSELOR HEPA, PEJ. HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI & PUSAT BAHASA ANTARABANGSA	AZERBAIJAN DAN KAZAKHSTAN	19 NOV 17 - 28 NOV 17	MENIMBA ILMU DAN PENGALAMAN BUDAYA DI AZERBAIJAN DAN KAZAKHSTAN SUPAYA DAPAT MENGAPLIKASIKAN ILMU TERSEBUT BAGI PERKEMBANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN BIDANG BERKAITAN KEPADA PELAJAR KHUSUNYA
11.	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA	FILIPINA	21 NOV 17 - 23 NOV 17	MENGHADIRI PERSIDANGAN FORUM 16th ASIA UNIVERSITY PRESIDENT (AUPF2017)
12.	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA	TAICHUNG, TAIWAN	21 NOV 17 - 25 NOV 17	MENINGKATKAN REPUTASI UniMAP MELALUI RANGKAIAN KERJASAMA AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN DENGAN KOMUNITI GLOBAL
13.	PPK ALAM SEKITAR	PERTH, AUSTRALIA	05 DIS 17 - 06 DIS 17	MENGHADIRI PERSIDANGAN ICSET 2017 DI PERTH, AUSTRALIA
14.	PPK MEKATRONIK	JEPUN	26 NOV 17 - 05 DIS 17	PERUNDINGAN DALAM BIDANG ROBOTIK DAN OBJEK RANGKAIAN INTERNET [IoT]
15.	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH & PPK BAHAN	VIETNAM	26 NOV 17 - 29 NOC 17	MAJLIS DEKAN PENGAJIAN SISWAZAH SERTA MEMPROMOSIKAN PROGRAM PENGAJIAN
16.	PPK SISTEM ELEKTRIK, PPK MEKATRONIK, PPK BAHAN, PPK MIKROELEKTRONIK, PPK PEMBUATAN & PPK BIOPROSES	SEOUL, KOREA	28 NOV 17 - 04 DIS 17	MENYERTAI PAMERAN PENYELIDIKAN ANTARABANGSA SIIF 2017, MENINGKATKAN NAMA UniMAP DI PERINGKAT ANTARABANGSA

11.8 LAWATAN UNIVERSITI / INSTITUSI LUAR NEGARA KE UniMAP

Bil.	Delegasi	Tarikh	PTj Terlibat	Catatan
1..	Walailak University, Thailand	15/01/2017	PHEA, PPKAS	2 orang staf dari Walailak University, Thailand telah membuat lawatan ke Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) bagi memantau pelajar mereka yang mengikuti pertukaran pelajar di antara UniMAP - Walailak University
2..	Kunming, China	17/02/2017	PHEA, PTSFP	Seramai 26 orang delegasi menyertai lawatan ke PTSFP UniMAP
3..	Prince of Songkhla University (PSU), Thailand	18/02/2017	PHEA	Seramai 25 orang pelajar dan staf daripada Prince of Songkhla University (PSU) telah menghadiri Karnival Pengajian Tinggi Negara (Zon Utara)
4..	Walailak University, Thailand	18/02/2017	PHEA	Seramai 8 orang pelajar dan staf daripada Walailak Universiti bagi menghadiri Karnival Pengajian Tinggi Negara (Zon Utara)
5..	Universitas Pembangunan Masyarakat Medan, Indonesia	17/03/2017	PHEA, PTSFP	Seramai 36 orang delegasi menyertai lawatan ke PTSFP UniMAP
6.	Ikatan Wanita Pembangunan Indonesia (IKAWAPI)	25 - 29/03/2017	PHEA, PISKANITA, UniMAP	Seramai 30 orang delegasi dari IKAWAPI mengadakan lawatan dan menjalankan aktiviti bersama Persatuan Piskanita UniMAP
7..	University of Yamanashi, Jepun	18/05/2017	PPKKP, PHEA	Seramai 2 orang wakil dari Yamanshi University mengadakan lawatan dan perbincangan dan MoU 2 hala diantara UniMAP
8..	Jagiellonian University in Krakow, Poland	28/09/2017	Pejabat NC, TNC (A&A), Unit Perundangan & Integriti, PHEA	Seramai 3 org delegasi dari Jagiellonian University in Krakow, Poland telah mengadakan lawatan dan perbincangan berhubung MoU diantara keduadua buah universiti. Perbincangan ini diadakan di Anjung UniMAP KL

11.9 PENGIKTIRAFAN UniMAP DALAM PENYELIDIKAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Perolehan Dana Antarabangsa

Kecemerlangan UniMAP di peringkat antarbangsa sememangnya tidak boleh dipertikaikan. Kesinambungan momentum tersebut untuk tahun 2017 terserlah apabila seramai 5 warga penyelidik berjaya memperolehi geran penyelidikan antarabangsa *Newton Fund* dengan jumlah keseluruhan perolehan melebihi RM600 ribu, manakala seorang penyelidik memperolehi geran penyelidikan daripada Gheorghe Asachi Technical University of Iasi dengan jumlah melebihi RM20 ribu. Secara keseluruhannya jumlah perolehan geran penyelidikan yang diperolehi ialah melebihi RM620 ribu, melibatkan 6 penyelidik.

Kecemerlangan di Ekspo dan Pameran Antarabangsa

"*2017 Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition*" *(IPITEx 2017)* yang dianjurkan oleh *National Research Council of Thailand (NRCT)* dan disertai lebih 19 buah negara antaranya Poland, United Kingdom, Romania, Korea Selatan, Iran, China, Taiwan dan banyak lagi termasuk Malaysia. Melalui platform ini, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mempertaruhkan sebanyak 20 Produk penyelidikan dan hasilnya UniMAP berjaya merangkul 13 Emas, 3 perak dan 4 Anugerah Khas.

European Exhibition of Creativity and Innovation (EUROINVENT 2017) dianjurkan oleh *Georghe Asachi Technical Univeraity of Iasi Romania.* Pameran ini disertai oleh 37 buah negara antaranya Bulgaria, Canada, Croatia, Egypt, Indonesia, Iran, Iraq, Korea, Taiwan, Moldova, Arab Saudi, Thailand, Russia, Poland, Vietnam, United Kingdom dan United States of America. UniMAP berjaya membawa pulang 3 Emas dan 1 Perak daripada 4 produk penyelidikan yang dipertaruhkan.

UniMAP terus mencipta nama di peringkat antarabangsa apabila menempah kejayaan pada *International Trade Fair Ideas Invention New Product (IENA) 2017* di Nuremberg, Jerman dengan kejayaan membawa pulang 2 Emas, 1 Perak dan 2 Anugerah Khas. iENA 2017 disertai lebih 35 buah negara termasuk Jerman, Amerika Syarikat, China, India, Poland, Bosnia, Moldova, Romania, Angola,

Indonesia, Korea, Iran, Kuwait, Arab Saudi, Turki, United Kingdom, Iraq dan Taiwan dengan membabitkan lebih 850 produk penyelidikan.

2 Anugerah Platinum dan 2 anugerah khas di penyertaan *International Warsaw Invention Show (IWIS 2017)* berjaya ditawan oleh UniMAP. Pertandingan penciptaan yang berprestij ini juga dihadiri oleh peserta dari Republik Czech, Bahrain, Maldova, Romania, Kanada, Iran, Taiwan, Thailand, China, Korea, Bulgaria, Bosnia, Croatia dan Arab Saudi.



UniMAP telah menyertai *World Invention and Innovation Forum (WIIF)* dengan menghantar sebanyak 9 produk penyelidikan, hasil daripada pertaruhan tersebut UniMAP telah berjaya membawa pulang 5 Emas, 2 Perak, 1 gangsa dan 1 Anugerah Khas. Pameran ini melibatkan sebanyak 58 penyertaan dan melibatkan lebih 150 Orang Penyelidik.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berjaya memperolehi pencapaian cemerlang seratus peratus pingat dalam *Seoul International Invention Fair (SIIF) 2017* yang diadakan di *COEX Convention Centre, Seoul, Korea* dengan kejayaan memperolehi 8 emas, 4 gangsa dan 4 anugerah khas.

Sumbangan-sumbangan sama ada daripada perolehan dana dan pencapaian di Ekspo Penyelidikan memberi pelbagai impak kepada UniMAP umumnya sumbangan kepada pencapaian MyRA.

Staf UniMAP di Persada Antarabangsa

Seramai 4 orang staf UniMAP dijemput ke Nahda University, Mesir (NUB) pada 7 -25 Disember 2018. Staf yang terlibat adalah Prof. Madya Dr. Muzammil Jusoh dan Prof. Madya Dr. Rozmie Razif Othman dari PPK Komputer & Perhubungan, Dr. Nik Zainab Nik Azizan dari PPK Alam Sekitar manakala Dr. Mohd Zukime Mat Junoh dari PPIPT. Antara subjek yang diajar oleh mereka adalah *Object-Oriented Programming, Foundation Engineering 2, Signal Analysis, Principles of Marketing & Marketing Information System.*

Di samping itu, mereka juga telah dilantik sebagai penilai luar ke atas program kejuruteraan dan pengajian perniagaan, bekerjasama dalam menerbitkan jurnal, menyelia dan mencari potensi geran antarabangsa. Mereka juga terlibat sebagai ahli jawatankuasa persidangan antarabangsa NUB-UniMAP.

Pada tarikh 16-23 Disember 2017 pula, seramai dua orang staf iaitu Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin dan Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad telah melawat ke NUB untuk membincangkan kerjasama di antara UniMAP dan NUB.

Antara perbincangan kerjasama adalah seperti menawarkan pengajaran dan pembelajaran di NUB selama satu semester. Melantik staf UniMAP sebagai pensyarah pelawat supaya dapat meluaskan pengalaman dan meningkatkan keterlihatan UniMAP antarabangsa. UniMAP diminta agar menawarkan program pengajian pascasiswazah di NUB. Pihak NUB akan membuat promosi dan mendapatkan pelajar pascasiswazah. Selain daripada itu, pihak NUB berhasrat bersama-sama menganjurkan persidangan, seminar dan kursus.





SIRaj V - Menelusuri Sejarah Kesultanan Alam Melayu di Makassar Indonesia

Makassar, Indonesia - Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menganjurkan Seminar Institusi Raja Kelima (SIRaj V) 2017 pada 10 hingga 13 November yang lalu di Swiss Bel Hotel, Makassar, Sulawesi Indonesia.

SIRaj V telah dianjurkan dengan kerjasama Universiti Islam Negeri (UIN) Alauddin, Makassar juga merupakan platform terbaik untuk berkongsi ilmu tentang corak pemerintahan beraja di negara jiran dan pada masa sama membuka peluang mempelajari sejarah kesultanan di kota tersebut. Selain itu, seminar ini juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat untuk menghayati peranan raja dalam sistem berpelembagaan. SIRaj V turut mendapat kerjasama Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) Perlis, Malaysian Industrial Development Finance (MIDF) Berhad, Yayasan UniMAP, UniMAP Holdings dan Proven Group of Companies telah dirasmikan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Sebanyak tiga slot pembentangan diadakan iaitu pembentangan Sejarah Di-Raja Perlis oleh Pengarah IKRK UniMAP, Datuk Prof. Dr. Ramlah Adam manakala pembentangan kedua oleh Rektor Universitas Cokroaminoto Makassar, Prof. Dr. H. Muhammad Asdar, S.E, M.Si manakala slot terakhir menampilkan perkongsian sejarah oleh tiga Raja serta Sultan di Wilayah Sumatera Selatan itu sendiri iaitu Raja Gowa, Raja Galewong dan Sultan Demak. Sebanyak tujuh resolusi telah dicapai menerusi penganjuran seminar tersebut iaitu Institusi Raja adalah asas tamadun bangsa yang patut didokong sepanjang masa; agama Islam adalah teras budaya bangsa yang memperkukuhkan keimanan; sejarah dan kerajaan lalu warisan patut diperkukuhkan sebagai teras jati diri dan pertalian darah silaturahim yang baik serta menjaga dan mempertahankan kelastrian adat budaya bangsa.

Selain itu, SIRaj V juga bersetuju untuk mengeratkan lagi hubungan kerjasama akademik antara UniMAP dan UIN Alauddin; mengukuhkan hubungan serumpun sebangsa Indonesia dan Malaysia selain memahami sejarah dan warisan masa lepas sebagai satu ilmu membina jati diri bangsa untuk masa kini. Selain pembentangan kertasa kerja, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, turut berkenan bercemar duli mengetuai sesi "wisata sejarah" Kesultanan Gowa ke tiga lokasi utama iaitu Muzium Balla Lampoa, Makam Sultan Hassanuddin dan Masjid Tertua Katangka. Turut sama menyertai lawatan ialah Naib Canselor, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Datuk Prof. Dr. Ramlah Adam dan Ketua Lembaga Penelitian dan Pengabadian Masyarakat Universiti Islam Negeri (UIN) Alauddin Makassar, Prof. Dr. Muhammad Salleh Tajuddin.



Memorandum Perjanjian (MoA) Antarabangsa UniMAP dan Chittagong University Islam Antarabangsa (IIUC), Bangladesh

Memorandum Perjanjian (MOA) antarabangsa ditandatangani antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Chittagong University Islam Antarabangsa (IIUC), Bangladesh telah diadakan pada 21 Ogos 2017 di Chittagong Bangladesh. Memorandum itu bertujuan kerjasama dalam pelaksanaan penawaran Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana Sains (M.Sc) mod penyelidikan, yang membawa kepada penganugerahan ijazah oleh UniMAP dalam Doktor Falsafah (PhD) dan Master Sains.

Kedua-dua dokumen itu ditandatangani oleh Naib Canselor IIUC, Prof. KM Golam Muhiuddin dan Dekan Pusat Pengajian Siswazah UniMAP, Prof. Dr. Zaliman Sauli mewakili Naib Canselor UniMAP, Dato 'Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, sambil disaksikan oleh ahli Lembaga Pemegang Amanah IIUC dan Dekan Fakulti bersama delegasi UniMAP, Dr. Md. Aminul Islam dan Dr. Muammar Mohamad Isa.

Memorandum Perjanjian ini adalah momen yang telah lama ditunggu-tunggu oleh pihak IIUC di mana proses itu berikutan beberapa perbincangan di antara IIUC dan UniMAP. Beliau percaya ini adalah satu permulaan untuk kerjasama yang lebih baik antara kedua-dua pihak dan rakyat Bangladesh secara amnya. Dalam perjanjian 10 tahun ini, kedua-dua pihak telah bersetuju dalam memainkan peranan yang penting bagi manfaat kedua-dua pihak. Kedua-dua pihak percaya memorandum perjanjian ini dapat memperluas fungsi IIUC sebagai hub pendidikan masa depan Bangladesh. Kemudahan UniMAP yang bertaraf dunia dan industri pula sebagai nilai tambah dengan staf penyelidikan yang berpengalaman dan perkongsian kepakaran bukan sahaja penting kepada rakyat Bangladesh dan Malaysia, tetapi juga komponen penting untuk memperkasakan orang ramai dengan pengetahuan untuk manfaat masyarakat dunia. Melalui perjanjian ini, kedua-dua universiti akan

mempertingkatkan penyelidikan dan keperluan pertumbuhan pengetahuan yang mampan, inklusif dan lebih baik.

Dalam pertemuan yang sama, kedua-dua pihak juga telah membuat persetujuan dalam kerjasama akademik dalam pelbagai bidang, dan memutuskan untuk memulakan kegiatan kolaboratif di bidang akademik yang saling menguntungkan seperti pertukaran tenaga pengajar dan penyelidik untuk tujuan mengajar, melakukan kuliah dan penyelidikan, pertukaran kepakaran, pertukaran pelajar, menjalankan projek penyelidikan bersama, menganjurkan persidangan secara bersama serta berkongsi maklumat dan bahan akademik.

Orang Kuat UniMAP Raih Tempat Kelapan Pada World Strongest Team

Orang Kuat Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), En. Muhammad Firdaus Jamen, berjaya menempatkan diri dalam kelompok lapan teratas pada Kejohanan World Strongest Team yang berlangsung di Esztergom, Hungary. Pemilihan peserta ke pertandingan itu dilakukan berdasarkan ranking satu dan dua atlet Orang Terkuat di dalam sesebuah negara. Pertandingan ini disertai oleh peserta dari 22 buah negara dan para peserta perlu membentuk pasukan yang dianggotai dua peserta dari negara yang berlainan. Hanya tiga peserta dari negara Asia yang terpilih untuk menyertai pertandingan ini iaitu Malaysia, Singapura dan Jepun. Untuk rekod, Muhammad Firdaus telah berjaya merangkul gelaran Juara Cabaran Orang Kuat Sabah Edisi Kelima 2017 (Sabah Strongest Man) yang berlangsung pada Februari lalu.





Pelajar UniMAP di Persada Antarabangsa

Jelajah Ilmu UniMAP Kazakhstan dan Azerbaijan

Program Jelajah Ilmu UniMAP selama 12 hari di Kazakhstan dan Azerbaijan telah membuka ruang kerjasama dengan institusi pengajian tinggi negara-negara berkenaan. Program membabitkan 30 anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2016/2017 dan pegawai kanan UniMAP itu antara lain turut mengadakan kunjungan ilmu ke institusi-institusi pengajian tinggi, masjid dan muzium. Delegasi UniMAP telah diketuai Canselor, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Turut serta dalam program ini ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Fo'ad Sakdan. Bersempena program ini, sebanyak enam surat hasrat (LoI) dan memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani melibatkan Kementerian Pelajaran dan universiti kedua-dua negara tersebut. Sepanjang program ini, para pelajar diberi peluang berinteraksi dengan kepimpinan pelajar di university yang dilawati selain melihat dan menilai system pendidikan luar negara. Antara universiti yang dilawati adalah Nazarbayev Universiti, Al-Farabi Kazakh National University, Kazhar University, Odlar Yurdu Universiteti dan Baku Higher Oil School. Delegasi juga turut berpeluang melawat Kementerian Pelajaran Azerbaijan dan industri, Petronas Malaysia di Azerbaijan dan kilang *Azersun Fat and Oil*. Program Jelajah Ilmu bukan sekadar membuka mata pelajar-pelajar terhadap dunia luar tetapi membina semangat baharu untuk mereka memperkasakan generasi minda kelas pertama dalam segenap bidang yang bakal diceburi sebelum menamatkan pengajian.







Mahasiswa UniMAP Timba Ilmu di Asia Summer Program (ASP) 2017

Peluang untuk menyertai Asia Summer Program (ASP) memberikan pengalaman yang amat berharga buat 14 pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang berkampung selama tiga minggu di Guangdong University Of Foreign Studies, Guangzhou, China bermula 1 hingga 21 Ogos 2017. Sepanjang program tersebut, peserta berpeluang menjalani pengalaman persekitaran antarabangsa yang membolehkan mereka mempelajari secara langsung kepelbagaian budaya di Asia. ASP yang merupakan program berkonsepkan mobiliti berkredit berlangsung selama tiga minggu membabitkan pelajar-pelajar universiti merangkumi kursus-kursus yang relevan yang diajar oleh tenaga pengajar terkemuka dari setiap universiti. Selain daripada itu, pelajar-pelajar berpeluang meninjau perspektif inovatif mengenai Asia.

Untuk rekod, ASP menjadi ahli gabungan Asian University Presidents Forum (AUPF) pada tahun 2013, apabila AUPF tahunan ke- 12 telah diadakan di UniMAP.

Perwakilan dari 68 institusi di 17 buah negara, dan secara umumnya dipersetujui bahawa pemimpin pendidikan tinggi di Asia harus berusaha untuk mempromosikan program yang bertujuan untuk membangunkan kompetensi berbilang bahasa, meningkatkan pemahaman kepelbagaian budaya, dan memupuk kebolehan kreatif.





SUKSIS UniMAP Terus Berbakti Kepada Komuniti Antarabangsa

Perbezaan bahasa dan budaya tidak menjadi penghalang sekiranya fokus utama adalah untuk memberikan khidmat bakti kepada masyarakat. Perkara ini telah dibuktikan oleh Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang memilih Pulau Panjang, Satun Thailand sebagai lokasi ketiga dalam menabur bakti sempena Program SUKSIS Community Outreach Program & Engagement (SCOPE) III.

Naib Canselor UniMAP merangkap Komandan Kor SUKSIS , Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, melangkaui sempadan bukanlah satu halangan sekiranya dituntut untuk menaburkan bakti kepada mereka yang memerlukan. UniMAP komited dalam menyumbang bakti kepada komuniti antarabangsa yang memerlukan bantuan dan sokongan khususnya dalam perkembangan akademik dan sosial. Thailand adalah jiran antarabangsa yang sangat dekat dengan Perlis dan UniMAP pula adalah satu-satunya universiti awam yang terletaknya berdekatan dengan sempadan khususnya di Satun. Dengan jarak perjalanan yang kurang dari 40 minit menarik pihak UniMAP untuk datang bagi membantu pembangunan komuniti di sana. Pastinya UniMAP akan datang lagi ke sini tambahan pula kepakaran yang ada di UniMAP khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi mampu menghasilkan inovasi baru kepada kemudahan sediada di kampung ini. SCOPE III merupakan susulan dari Program SCOPE yang merupakan inisiatif program berteraskan komuniti di peringkat anatarabangsa yang telah dijalankan sejak 2 tahun yang lalu.

Program yang berlangsung selama dua hari satu malam ini disertai 35 orang pelatih dan pegawai Kor SUKSIS yang turut mendapat sokongan daripada Komandan Kor SUKSIS. Walaupun dalam masa yang singkat, mahasiswa UniMAP mampu menimba banyak pengalaman dengan adanya kepelbagaian aktiviti dan peluang berinteraksi bersama penduduk tempatan. Antara aktiviti

yang dijalankan adalah mengecat sekolah, menukar papan tanda masjid, menceriakan bilik kuliah masjid dan aktiviti motivasi bersama pelajar pelajar sekolah. Turut hadir Pengarah Jabatan Keselamatan, Dato' Zull Aznam Haron; Pengarah Pusat Kokurikulum UniMAP, Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail; Pengetua Kolej Kediaman, Kartini Hj. Alir; dan Ketua Kampung Pulau Panjang merangkap Wakil Rakyat Pulau Puyu, Satun, Adnan Johari.


Selain aktiviti kemasyarakatan, Kor SUKSIS UniMAP turut mengadakan lawatan dan perbincangan dua hala bersama Polis DiRaja Thailand dengan mengunjungi Ibu Pejabat Polis Daerah Satun. Delegasi yang diketuai oleh Penolong Superitenden Kor SUKSIS (ASP/KS) Raja Shah Erman Raja Arifin telah disambut oleh Timbalan Komandar Polis Satun sendiri bersama pegawai pegawai kanan polis. Antara perkara yang dibincangkan adalah kerjasama Kor SUKSIS UniMAP dan Polis DiRaja Thailand dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kepolisan yang berteraskan kepada komuniti secara bersama di masa akan datang. Delegasi juga turut dibawa melawat sekitar Balai Polis berhampiran dengan diberi penerangan operasi harian serta pendekatan yang digunakan dalam mengurangkan jenayah. Untuk rekod, SCOPE pertama kali diadakan di Kemboja pada 2016 tahun dan SCOPE II pula diadakan di Acheh pada awal 2017 yang lalu.






Sukarelawan UniMAP
Sukarelawan UniMAP
SOARING UPWARDS
#UniMAP MANTAP
SOARING UPWARDS
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
Misi Sukarelawan UniMAP
~19 NOVEMBER 2017
www.unimap.edu.my I Ilmu . Keikhlasan . Kecemerlangan
#SukarelawanUniMAP
#UniMAP MANTA

12 • Tanggungjawab Sosial UniMAP (USR)



TANGGUNGJAWAB SOSIAL UniMAP

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bersama masyarakat berpisah tiada. Hubungan yang baik dengan penduduk setempat telah membuatkan UniMAP dekat di hati masyarakat khususnya rakyat Negeri Perlis. Tanggungjawab Sosial UniMAP *(UniMAP Social Responsibility, USR)* memupuk minat warga UniMAP dalam aktiviti kesukarelawanan bagi mewujudkan budaya prihatin dan keakraban UniMAP dengan penduduk setempat tanpa mengira had umur serta pangkat. Penganjuran beberapa program dan aktiviti di peringkat nasional iaitu di sekitar negeri Perlis dan beberapa negeri di Malaysia serta di peringkat antarabangsa bagi tahun 2017 meningkatkan imej dan reputasi UniMAP agar sentiasa relevan dan visible.

UniMAP Sukarelawan Teramai Misi Bantuan Banjir di Pulau Pinang

Tanah air telah digemparkan dengan bencana banjir kilat yang menimpa Pulau Pinang akibat fenomena hujan lebat dan angin kencang berterusan menjejaskan kebanyakan kawasan di Pulau Pinang. Hampir kesemua kawasan di negeri ini lumpuh ekoran jalan ditutup kerana ditenggelami air setelah hujan lebat berlarutan selama empat hari. Hujan lebat hamper 17 jam beserta angina kencang menyebabkan puluhan jalan ditutup, ribuan rumah ditenggelami air, ratusan pokok tumbang, tanah runtuh di beberapa kawasan dan tujuh nyawa turut terkorban. Sistem pengangkutan awam seperti bas rapid dan Lapangan Terbang juga terpaksa dihentikan berikutan banjir buruk ini. Sehubungan itu, UniMAP mangambil inisiatif untuk menghulurkan bantuan dengan menganjurkan Misi Bantuan Pasca Banjir Pulau Pinang yang diketuai oleh Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai urusetia.

UniMAP telah menghantar sukarelawan teramai dengan 740 orang dengan tiga misi di mana Misi Pertama bermula 7,9 dan 10 November; Misi Kedua pada 11 dan 12 November 2017; dan Misi Ketiga pula pada 13 dan 18 November 2017. Misi ini menunjukkan komited UniMAP menjalankan Tanggungjawab Sosial UniMAP membantu masyarakat dan mereka yang terlibat adalah warga UniMAP yang secara sukarela menawarkan diri untuk bersama-sama dalam program ini. Sukarelawan ini telah membantu rumah-rumah mangsa banjir yang melibatkan kawasan Ayer Hitam dan Bandar Perda, Pulau Pinang seperti di Jalan Shaik Madar, Kg Rowana, Jalan P. Ramlee, Kg. Guar Perahu dan Kg. Dodol. Apa yang lebih membanggakan Sukarelawan UniMAP kelihatan begitu bersemangat dan ceria walaupun kepenatan setelah seharian bertungkus lumus membantu membersihkan kawasan rumah dan kawasan sekitar yang terjejas akibat banjir. Untuk rekod, sepanjang tahun 2017, UniMAP telah menjalankan 30 aktiviti kesukarelawan dengan jumlah seramai 1,875 sukarelawan yang terdiri daripada staf dan juga pelajar.





Program A-HEART UniMAP

Sebanyak empat siri program Hub Sumber Pendidikan dan Latihan Autisme (*Autism Hub for Educational Resources and Training, A-HEART*) UniMAP telah dianjurkan dengan jayanya bagi tahun lalu anjuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Dua daripada program tersebut telah dianjurkan bersama program *CSR* Bank Rakyat iaitu **Program Jalinan Kasih Bank Rakyat - A-HEART UniMAP** dan **Program Bank Rakyat A-HEART Rainbow Walk**. Program Jalinan Kasih Bank Rakyat - A-HEART UniMAP telah diadakan





pada 13 Januari 2017 bertempat di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Program ini diadakan bertujuan untuk menerangkan aspek penjagaan pemakanan untuk anak-anak autism, melatih kaedah penyediaan menu lengkap kepada para ibu bapa untuk menarik minat dan selera anak-anak autism dan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan para ibu bapa terhadap menu makanan sihat. Selain itu, terdapat segmen khas aktiviti melukis dan mewarna serta pameran hasil kerja anak-anak autisme di ruang Galeri Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis turut mencemar duli berangkat ke majlis. Program turut dihadiri oleh Pengurusan UniMAP, Lembaga Pengarah Bank Rakyat dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bank Rakyat.







Program Bank Rakyat A-Heart Rainbow Walk pula telah diadakan pada 26 Mac 2017 bertempat di Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, Universiti Malaysia Perlis. Program ini disertai oleh staf dan pelajar UniMAP, pengurusan Bank Rakyat, anak-anak autisme dan keluarga, IPT sekitar Perlis, sukarelawan A-HEART dan masyarakat sekitar. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang keperluan anak-anak autisme dan peranan masyarakat untuk memberi sokongan demi kehidupan yang lebih sejahtera, mengumpul dana untuk menawarkan perkhidmatan terapi kepada anak-anak autisme dalam kalangan warga UniMAP dan warga Perlis yang kurang berupaya. Selain itu, program ini bertujuan untuk mengumpul dana bagi merealisasikan penubuhan pusat autisma A-HEART UniMAP. Program lain yang turut diadakan ialah acara jalan kaki dan Pertandingan Mewarna Nuri yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah yang terpilih di negeri Perlis.





Selain dua program kerjasama dengan Bank Rakyat, UniMAP juga telah menganjurkan Pameran *A-HEART'S WOW* pada 10 Ogos 2017 bertempat di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Terdapat 50 lukisan berkonsepkan senibina dan flora telah dihasilkan oleh Prof. Dr. Abdul Hamid Adom, ahli akademik di Universiti Malaysia Perlis dan Encik Dylan Teoh Teng Sit, seorang pelukis dari Pulau Pinang. Lukisan tersebut dipamerkan dalam pameran *A-HEART'S WOW*. Pameran ini bertujuan menjana kewangan A-HEART melalui jualan lukisan.





Selain itu, terdapat juga Program Mingguan Kelas Mengaji Al-Quran & Ibadah Anak-Anak Istimewa UniMAP (KEMANIS) A-HEART sejak tahun 2015 lagi secara mingguan pada hari Sabtu jam 9.00 pagi - 11.00 pagi di Hub A-HEART UniMAP yang terletak di Aras 2 Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP). Program ini bertujuan untuk memenuhi keperluan spiritual, emosi dan pengurusan tingkah laku anak-anak istimewa, ianya menjadikan Al-Quran dan Ibadah sebagai terapi terbaik bagi anak-anak istimewa. Peserta program KEMANIS ini adalah terdiri daripada anak-anak staf UniMAP dan masyarakat sekitar negeri Perlis yang menghidapi masalah autisme.

Program Kelas Asas Bahasa Inggeris Dan Tagalog Bersama Anggota Tentera Bukit Cowder Perlis

UniMAP melalui Pusat Bahasa Antarabangsa (CIL) dengan kerjasama 4RRD Kem Bukit Cowder telah menganjurkan Kursus Bahasa Inggeris melibatkan hampir 50 orang pegawai tentera ATM. Pasukan tentera darat ini akan bersama anggota tentera Filipina pada bulan Oktober 2017 untuk misi Eksesais Land Malphi Siri 18/2017. Misi ke luar negara ini pastinya menuntut anggota tentera untuk berkomunikasi menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Melayu. Justeru, CIL mengambil langkah kerjasama untuk mengadakan kelas bahasa Inggeris dan asas bahasa Tagalog sebagai persediaan mereka ke misi tersebut. Program ini meningkatkan imej UniMAP sebagai agensi pendidikan yang mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa untuk membantu badan beruniform yang berbakti kepada Negara.



Program Memperkasa Bahasa Melayu Wilayah Andaman (Phangnga) Dan Nakhon Si Thammarat, Thailand

MAIPs dengan kerjasama institusi pengajian tinggi di negeri Perlis dan Pusat Bahasa Antarabangsa UniMAP telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar Bahasa Melayu kepada guru-guru di wilayah Andaman, Thailand. Program ini memberi ruang dan peluang kepada UniMAP untuk terus menjalin kerjasama pintar dengan institusi luar Negara dalam usaha keterlihatan antarabangsa. Disamping itu, program ini memberi pendedahan dan menggilap bakat staf UniMAP serta institusi pengajian luar Negara melalui kerjasama ilmu bahasa Melayu. Program ini mendukung saranan kerajaan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN. Impak daripada program ini, guru di sekolah Fahad Wittayathan School sudah mula menguasai bahasa Melayu asas dan sudah membuka kelas pengajaran bahasa Melayu dalam jadual pengajaran. Sebuah buku silibus pembelajaran sedang dibangunkan oleh CIL dan Guru di Santhitam Islamic School berminat untuk mendapatkan khidmat nasihat bahasa daripada UniMAP








Program Jejak Warisan Mendaki dan Pembersihan Puncak Gunung Jerai dan Gunung Baling Kedah

Program pendakian Jejak Warisan Gunung Jerai, Kedah adalah pendakian gunung pertama kali dianjurkan oleh Kelab Staf FTKE dan kali ini satu misi CSR dilancarkan untuk membersihkan puncak Gunung Jerai sambil menikmati keindahan alam flora dan fauna. Seramai 27 orang peserta UniMAP termasuk staf, ahli keluarga dan pelajar terlibat dalam pendakian ini. Peserta program kali ini menempuh jarak perjalanan sejauh 13 km dari Muzium Arkeologi Lembah Bujang melalui puncak Kepala Angin, seterusnya ke puncak Gunung Jerai. Program ini telah merapatkan ukhwah antara peserta dan memupuk semangat cintakan alam dalam diri para peserta.



Peserta program



Selain Gunung Jerai, sebanyak dua kali misi iaitu pada 11 Mac 2017 dan 16 September 2017 telah dilancarkan untuk membersihkan puncak Gunung Baling yang disertai oleh oleh staf dan pelajar UniMAP beserta ahli keluarga. Antara objektif program ini adalah untuk merapatkan ukhuwah dan mewujudkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan staf, keluarga dan pelajar. Objektif lain adalah untuk mengamalkan gaya hidup sihat di samping menjaga alam sekitar semasa pendakian. Misi kali kedua juga diadakan sebagai satu bentuk sokongan sempena sambutan Hari Malaysia ke-54 yang disambut pada 16 September setiap tahun.

Masjid as the Focal Point for Disaster Management and Convergence Technology (MFordCT)

Pada 7 Mei 2017 telah diadakan Pelancaran projek ***Masjid as the Focal Point for Disaster Management and Convergence Technology*** (**MFordCT**) bertempat di Kampus UniCITI ALAM. **MFordCT** terdiri peranti dan sensor yang dapat memberikan amaran awal jika bencana alam seperti banjir, gempa bumi dan sebagainya berlaku di negeri Perlis. Projek dilancarkan oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Bersempena dengan pelancaran telah dianjurkan aktiviti-aktiviti lain seperti Kayuhan MAIPs Peduli dan Fun Walk.



Perlancaran kayuhan basikal di perkarangan kampus UniCITI ALAM

KITA.RECYCLE


Peserta kumpulan baik pulih bertungkus lumus membaiki perabot yang rosak.


Para pelajar bersungguh-sungguh melukis mural

Pada 25 hingga 29 Ogos tahun lalu bertempat di SMK Tun Perak Kuala Kangsar, Perak telah dianjurkan program KITA.RECYCLE dalam inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Melalui kolaborasi KPM yang diterajui Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dengan pelbagai agensi bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan. Program ini berkonsepkan perkongsian sumber melibatkan pegawai KPM, pensyarah dan pelajar IPTA. UniMAP merupakan satu-satunya universiti yang dipilih untuk sesi projek ini di mana aktiviti utama ditumpukan kepada membaik pulih fizikal bangunan dan kemudahan sekolah. Pasukan UniMAP dipimpin oleh Naib Canselor, Y.Bhg. Dato' Profesor Dr. Zul Azhar, Dekan FTK Profesor Dr. Hazry Desa sebagai Penasihat, Ir Mohd Badrul Manaf sebagai Pengurus. Program ini disertai oleh tiga orang pensyarah FTK yang diketuai oleh Dr. Umar Kassim dan 30 orang pelajar kejuruteraan. Majoriti pelajar dari Jabatan Teknologi Kejuruteraan Awam, Fakulti Teknologi Kejuruteraan selain pelajar pusat pengajian kejuruteraan yang lain. NBOS KPM telah membiayai sepenuhnya peruntukan untuk Projek KITA.RECYCLE.

Tabung Kemanusiaan Rohingya

PRIHATIN dengan nasib Rohingya yang menjadi pelarian, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah melancarkan Tabung Kemanusiaan Rohingya UniMAP bersempena dengan Istiadat Konvokesyen ke-12 UniMAP yang lalu. UniMAP telah melancarkan tabung berkenaan sebagai

tanggungjawab sosial UniMAP kepada insan sejagat. Turut sama menyaksikan pelancaran tabung itu Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Datuk Dr Mohd Sofi Osman, ahli-ahli LPU, Naib Canselor UniMAP, Datuk Dr Zul Azhar Zahid Jamal dan barisan pengurusan tertinggi universiti itu.


Persembahan Busking Amal UKR Untuk Tabung Rohighya


Penyerahan Kutipan Sumbangan

Selain daripada itu juga beberapa program telah dijalankan bagi mengumpul sumbangan bagi tabung ini di mana pada 21 April 2017 yang lalu bertempat di Dewan Kecemerlangan UniMAP pula telah dianjurkan Program Malam Selamatkan Rohingya di mana staf Unit Kebudayaan dan Rekreasi (UKR) UniMAP bersama Kelab Seni Lakon Teater yang terdiri dari pelajar UniMAP mengadakan persembahan teater dan kutipan sumbangan kepada etnik Rohingya. *Busking* Amal Untuk Tabung Kemanusiaan Rohingya oleh UKR pula telah diadakan pada 17 September di Pasaraya Besar Giant Kangar. Ahli Muzik UKR telah membuat persembahan terbuka *busking* amal sebagai sumbangan kepada etnik Rohingya yang tertindas dan menderita di mana masyarakat Perlis sama-sama dapat berhibur sambil beramal.

Learn & Play with Lego Robotics

Pada 22 dan 23 Mac 2017, Pusat Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan (PPKKP) dengan kerjasama Pusat Kejuruteraan Sistem Electrik (SoESE), Pusat Kejuruteraan Bioproses dan Center of Excellence for advanced Sensor Technology (CEASTech) telah menganjurkan program "Belajar dan Bermaindengan Lego Robotik". Program ini melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah di antara umur 9 sehingga 12 tahun dengan jumlah peserta seramai 24 orang. Objektif utama program ini adalah untuk mempromosikan dan mendedahkan para pelajar kepada pengetahuan asas robotic pada usia yang muda. Dalam program ini, para peserta didedahkan dengan asas membina robot dengan menggunakan perisian Lego Mindstorms dengan cara 'hand-on'. Pada akhir program ini, para peserata dapat membezakan antara robot dan mesin, dapat membina pelbagai model dan bentuk robotic serta belajar asas pengaturcaraan. Diharap, program ini dapat membentuk, memupuk dan menanam lebih minat para peserta kepada kejuruteraan robotic pada masa akan datang.





Perlis Maker's DAY

Pada 24 Julai 2017, Pusat Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan (PPKKP) telah Berjaya menganjurkan "Perlis Maker's Day 2017" dibawah naungan program *Young Innovators Challenge (YIC)*. Perlis Maker's Day adalah acara pertama anjuran PPKKP di peringkat negeri Perlis dalam menyokong usaha Negara memperkembangkan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Program ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh wakil Naib Canselor UniMAP, Profesor Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid yang merupakan Dekan Pusat Pengurusan dan Inovasi Penyelidikan dan seterusnya dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, Yang Berbahagia Puan Asmaiza Ahmad yang berlangsung di Dewan Kecemerlangan 2 (DK2), Kampus Pauh Putra. Sebanyak 34 projek rekabentuk yang berkaitan telah dipamerkan oleh 8 buah sekolah menengah di sekitar Perlis dengan kategori-kategori yang dipertandingkan adalah :Makanan dan pertanian, Automotif dan Mobiliti, Kesihatan dan Kediaman, Jentera dan Peralatan berat dan peruncit. Lapan buah sekolah

sekitar telah mengambil bahagian dalam program ini antaranya: Sekolah Menengah Kebangsaan Abi, Sekolah Menengah Kebangsaan Arau, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Sheikh Ahmad, Sekolah Menengah Kebangsaan Derma, Sekolah Menengah Kebangsaan Al-Madrasah Al-Alawiyah Ad Diniah, Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hassan, Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Sirajuddin dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Budriah.

Permulaan program YIC ini adalah melibatkan pelajar dan pensyarah dengan menjadi mentor bagi setiap sekolah yang telah memperolehi lantihan daripada Chumbaka Sdn. Bhd. sejak April 2017. Beberapa lawatan dan bootcamp telah dianjurkan ke sekolah-sekolah menagan sekitar Perlis yang melibatkan guru-guru Sains dan Inovasi bersama pelajar sehingga 3 Julai 2017. Progam ini sangat berfaedah bukan sahaja keapda para pelajar tetapi juga kepada pelajar-pelajar PPKKP dengan memupuk kepimpinan dan kesukarlawaan di kalangan pelajar.

Pada *Perlis Maker's Day* ini, para pelajar diberikan yang mengambil bahagian diberikan sijil dan setiap produk inovasi dinilai oleh pensyarah-pensyarah PPKKP bagi menilai produk-produk STEM yang berkualiti bagi menerima Anugerah Khas, Pingat Emas, Perak dan Gangsa. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

GOLD AWARD		
SCHOOL	**PROJECT TILE**	**SPECIAL AWARD**
Sekolah Menengah Kebangsaan Derma	Bild Ozean	Best of the Best Award
Sekolah Menengah Kebangsaan Derma	Watched Dog	-
Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hassan	Auto Folding Cloth	Potential of Commercialization Award
SILVER AWARD		
Sekolah Menengah Kebangsaan Derma	Easy Cloth Line	-
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Sheikh Ahmad	Ping Pong Machine	-
Sekolah Menengah Agama Al Madrasah Al Alawiyah	Mood Lamp Using Remote Control	-
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Sheikh Ahmad	The Second Sight	-
BRONZE AWARD		
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Sheikh Ahmad	E-Shelf	
Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Budriah	Light Remote Control	
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Sheikh Ahmad	Paw Feeder	Best Presentation Award





Think big with Code: Introduction to Micro:bit

Pada 9 September 2017, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan dengan kerjasama Elvira System Sdn. Bhd dan IEEE UniMAP telah Berjaya mengadakan bengkel Think big with Code: Pengenalan kepada Micro:bit. Bengkel ini menyasarkan penyediaan kemahiran pengaturcaraan dengan menggunakan Micro:bit kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah berumur diantara 10 sehingga 16 tahun.

Di dalam dunia digital pada hari ini, pengaturcaraan adalah kemahiran asas yang amat dan perlu ada dikalangan para pelajar, di samping matematik, membaca dan sains. Namun demikian, kemahiran pengaturcaraan ini kurang didedahkan kepada para pelajar sekolah. Oleh itu, misi utama bengkel ini adalah untuk memperkenalkan pengaturcaraan kepada para pelajar dan memupuk minat pengaturcaraan sejak di bangku sekolah. Menariknya, bengkel tidak khusus kepada mana-mana bahasa pengaturcaraan yang khusus, ini kerana matlamat adalah untuk menunjukkan kepada para pelajar pengaturcaran boleh di belajardengan mudah, dan senang untuk difahami.

Selain itu, bengkel ini diadakan bagi mewujudkan platform yang menyeronokkan dan menarik dimana para pelajar bukan sahaja belajar tentang pengaturcaraan tetapi juga diberi peluang untuk menjadi kreatif dengan menggukan kod. Selain itu, bengkel ini diadakan bagi member peluang kepada para pelajar untuk explorasi bagaimana objek seharian berfungsi dengan

adanya perkakasan and persisian dan seterusnya menggunakan imaginasi untuk membina objek atau produk yang baru. Objektif bengkel ini adalah: (1) memperkenalkan alat, teknik dan idea kepada para pelajar dengan member insipirasi, keseronokan dan kreativiti dalam pengaturcaraan, (b) menunjukkan kepada para pelajar bahawa pengaturcaraan adalah hobi yang luarbiasa, praktikal dan sangat bermanfaat.

Seramai 80 orang pelajar berusia di antara 8 - 15 tahun mengambil bahagian dalam bengkel yang ujung kali diadakan ini. Para pelajar merupakan pelajar-pelajar dari sekitar Perlis dan Kedah seperti:

• Sekolah Kebangsaan Putra	• Sekolah Kebangsaan Tengku Budriah
• Sekolah Kebangsaan Tungku Ismail	• Sekolah Kebangsaan Dato› Wan
• Sekolah Sri Alhasanah, Parit Buntar	• Sekolah Rendah Kebangsaan Stella Maris
• Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok	• Sekolah Kebangsaan Sultan Ahmad Tajuddin
• Sekolah Agama Al-Islahiyah (R)	• Sekolah Kebangsaan Kampong Serdang
• Sekolah Rendah Al-Azhar	• Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Darul Aman
• Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Cheong Chen	• MRSM Beseri
• Sekolah Kebangsaan Ujong Batu	• Sekolah Kebangsaan Jelempok
• Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Puteri Jaya	• Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis
• Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Khoon Aik	• Sekolah Jenis Kebangsaan Choon Siew
• Sekolah Menengah Tuanku Lailatul Shahreen	• Sekolah Kebangsaan Teroi
• Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Sirajuddin	• Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Ahmad





Tenaga pengajar Micro:bit adalah daripada Elvira System Sdn. Bhd dan para pensyarah PPKKP. Diharap bengkel ini dapat memberikan maafaat kepada para pelajar dan mendapati pengaturcaraan adalah sesuatu yang senang untuk dipelajari danmenyeronokkan!.

MERCY Malaysia

UniMAP juga turut menyumbang khidmat bakti melalui misi sukarelawan di luar negara dengan menyertai MERCY Malaysia. Prof Dr Iqbal Omar telah berpeluang untuk menyertai dua misi MERCY Malaysia di Bangladesh, 30 oktober hingga 12 November 2017 dan Turki, 15 hingga 23 April 2017 bagi menyalurkan bantuan perubatan dan kemanusiaan berikutan gempa bumi . UniMAP berbangga dengan keberanian dan semangat jitu beliau dalam misi tersebut. Ini merupakan kihdmat bakti yang tiada tolok bandingnya samada di dalam Negara malah di peringkat antarabangsa.



Bantuan Perubatan Dan Kesihatan semasa gempa bumi di Bangladesh



Bantuan Perubatan Dan Kesihatan semasa gempa bumi di Turki

Bengkel Asas Penanaman Cendawan Tiram

Pada 17 Oktober 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Kampus UniCITI Alam Sg Chuchuh, Jabatan Teknologi Kejuruteraan Kimia, FTK telah berjaya menganjurkan bengkel asas penanaman cendawan tiram. Bengkel ini mempunyai tiga sesi ceramah berkaitan penanaman cendawan tiram dan juga pendedahan secara praktikal. Seramai 26 orang peserta sekitar negeri Perlis telah menyertai bengkel ini. Mereka terdiri daripada





pelbagai latarbelakang bidang pekerjaan serta berminat untuk mengetahui tentang teknik dan kaedah-kaedah berkaitan penanaman cendawan tiram. Aktiviti sepanjang bengkel dikendalikan sepenuhnya oleh 10 orang Ahli Jawatan Kuasa bengkel yang telah dilantik dalam kalangan staf Jabatan Teknologi Kejuruteraan Kimia dan juga graduan intern. Sepanjang sesi ceramah, para peserta telah memberikan maklumbalas yang positif serta turut melibatkan diri sepanjang ceramah diberikan. Peserta diberi peluang untuk bertanyakan soalan dan berkongsi pendapat sepanjang sesi ceramah diadakan. Para peserta juga berpeluang dibawa ke Ladang Cendawan komersil milik En. Shukri di Sg. Chuchuh Padang Besar. Semasa lawatan di ladang, para peserta ditunjukkan secara praktikal tentang proses penanaman cendawan termasuklah cara untuk membuat campuran bongkah dan cara untuk memasukkan benih cendawan ke dalam bongkah. Para peserta turut diberi peluang untuk mencuba membuat campuran bongkah sendiri dan memasukkan benih cendawan kedalamnya. Selain daripada itu, En. Shukri turut berkongsi latar belakang beliau serta pengalaman dalam bidang penanaman cendawan. Diharapkan bengkel seperti ini dapat diadakan lagi untuk memberi maklumat tentang penanaman cendawan yang boleh dijalankan oleh masyarakat umum sebagai salah satu sumber pendapatan.

Program Sahabat Sahur POTENSI 2017

Pada 17 Jun 2017 yang lalu Program Sahabat Sahur POTENSI (Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UniMAP) pada tahun ini sekali lagi berkesempatan beramah mesra dan menyampaikan sumbangan sahur kepada Pegawai-pegawai Keselamatan Negara sekitar negeri Perlis bermula jam 10.30 malam hingga 5.30 pagi. Turut sama YBhg. Prof. Dr. Rezuwan Kamaruddin Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) dan Ybhg. Prof. Madya DR. Mohd Fo'ad Sakdan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) yang mewakili Naib Canselor, En. Zuber Mohamad Pendaftar UniMAP dan Presiden POTENSI En. Rusdi Puteh.

Antara Pos Keselamatan yang dilawati adalah Angkatan Pertahanan Awam Kangar, Balai Bomba & Penyelamat Kangar, Jabatan Kecemasan Hospital Tuanku Fauziah Kangar, IPD Padang Besar, Aksem UniCITI Alam dan Padang Besar, Pos Keselamatan UniMAP sekitar Kangar, UniCITI Alam dan Pauh Putra dan yang terakhir berpeluang bersahur bersama anak-anak yatim di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Perlis Kompleks Penyayang Dr. Siti Hasmah Kangar. Program bermula pada jam 11 malam dan berakhir jam 5.30 pagi.





UniMAP dan Masyarakat Perlis berpisah tiada Misi "Sekolah untuk Semua" Perlis 2017

Piskanita UniMAP dengan kerjasama 3rd Force Perlis, satu badan Bantuan Kemanusiaan Awam Terbesar Di Malaysia telah mengadakan Misi "Sekolah untuk semua" bagi semua pelajar-pelajar kurang berkemampuan di seluruh negeri Perlis. Pelbagai bentuk sumbangan daripada seluruh warga UniMAP dan orang ramai dalam bentuk kewangan dan barang-barang sekolah terpakai telah dikumpulkan dan diagihkan dalam bentuk Pek Bantuan Persekolahan kepada pelajar-pelajar ini. Rata-rata sukarelawan menyatakan keinsafan melihat keadaan rumah penerima asnaf dan betapa gembiranya asnaf ini apabila menerima bantuan sumbangan daripada orang ramai

khususnya warga UniMAP. Penerima bantuan mengucapkan kesyukuran dan penghargaan kepada semua penyumbang, penyampai maklumat dan sukarelawan. Sukarelawan telah menyampaikan sumbangan secara keseluruhannya 50 Pek Bantuan Persekolahan kepada asnaf di sekitar Kg Seberang Alor dan Kg. Wai Kuala Perlis, Kg. Bakau, Kangar, Chuping, Beseri dan Utan Aji. Di samping itu juga, sukarelawan turut menyampaikan amanah bantuan Pek Sekolah kepada anak-anak Rumah Teduh yang diuruskan oleh seorang wanita yang mesra dengan panggilan Bonda. Misi beliau adalah membantu anak-anak yatim dan anak-anak yang memerlukan tempat berteduh. Terpancar kegembiraan anak-anak ini yang teruja untuk ke Sekolah sambil sukarelawan memberikan kata-kata nasihat supaya anak-anak ini terus menimba ilmu hingga berjaya.





Bantuan Bencana Banjir Perlis

Atas keprihatinan Piskanita UniMAP ke atas bencana banjir yang telah menimpa di beberapa tempat di sekitar negeri Perlis, satu misi pengumpulan sumbangan bantuan bencana banjir telah dianjurkan di mana sumbangan terdiri sama ada dalam bentuk kewangan, kelengkapan harian, pakaian dan makanan. Hasil sumbangan telah disampaikan oleh ahli-ahli Piskanita kepada dua Pusat Pemindahan Mangsa Bencana Banjir iaitu di MRSM Beseri Perlis dan Kg Titi Tinggi Hilir, Padang Besar. Secara keseluruhannya seramai kira-kira 72 orang mangsa banjir telah menerima sumbangan ini. Sumbangan ini juga turut diagihkan di negeri-negeri jiran yang turut dilanda bencana banjir iaitu di Kedah dan Pulau Pinang.





2017 NATIONAL SCIENCE CHALLENGE (NSC)

Pihak UniMAP telah dijemput oleh pihak Akademi Sains Malaysia untuk menjadi penganjur kepada program **2017 NATIONAL SCIENCE CHALLENGE (NSC)** iaitu pertandingan kuiz sains khusus untuk pelajar Tingkatan 4 di seluruh negeri Perlis. Seperti sebelumnya, Akademi Sains Malaysia (ASM) berkerjasama erat dengan Young Scientists Network-Academy Science Malaysia (YSN-ASM), Kementerian Pendidikan Malaysia dan penaja utama iaitu ExxonMobil Subsidiaries. Melalui Jalinan kerjasama ini, pihak ASM telah berbesar hati menaja sepenuhnya program NSC dan tiada implikasi kewangan terhadap pihak UniMAP. Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Pejabat TNC (Akademik & Antarabangsa) telah dianjurkan pada 13 Julai 2017 (Khamis) bermula 8:00 pagi hingga 2 petang di Dewan Kecemerlangan, Kampus Alam Pauh Putra, UniMAP yang melibatkan 200 orang peserta.



Aktiviti USR lain yang telah dianjurkan sepanjang tahun 2017 oleh Pusat-pusat Tanggungjawab (PTj) UniMAP

Tarikh	Tempat	Program/Aktiviti
24-27 Jan	Pasir Puteh, Kelantan	**Misi Bantuan Banjir Kelantan** Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menggerakkan misi Ops Banjir Pantai Timur Fasa 1 bagi tahun ini ke Kelantan dalam usaha membantu proses pembersihan kawasan banjir di beberapa kawasan yang terjejas teruk. Seramai 35 sukarelawan yang terdiri daripada 20 lelaki dan 15 perempuan terlibat bagi melaksanakan misi berkenaan. Sukarelawan telah ditempatkan di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan, Kubang Kerian dan menumpukan usaha pembersihan di tiga lokasi pemindahan banjir sementara bermula 24 hingga 27 Januari iaitu di Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Jajahan Pasir Puteh, pusat pemindahan sementara mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Canggai dan di SK Wakaf Raja. Antara pengisian aktiviti misi ini adalah membersihkan dan mencuci pejabat JKM Pasir Puteh termasuk dua pusat pemindahan ini selain menganjurkan aktiviti bersama kanak-kanak mangsa banjir seperti mewarna, tarian serta gotong-royong memasak bersama Anggota Perkhidmatan Awam (APM) serta JKM. Misi ini juga turut mendapat kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA UniMAP, Jabatan HEPA UniMAP, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2016/17 serta Kelab Sukarelawan UniMAP selain kerjasama HEPA USM, JKM Pasir Puteh dan APM Kelantan. Sesi perkongsian, motivasi serta interaksi bersama mangsa-mangsa banjir juga telah dijalankan dalam usaha mengurangkan tekanan kepada mereka. UniMAP turut menghulurkan bantuan berupa barangan keperluan kepada JKM dan APM bagi memberi sokongan serta melancarkan usaha agensi terbabit dalam membantu mangsa banjir. Untuk rekod, pada Januari tahun 2016 yang lalu, UniMAP menggerakkan misi bantuan pasca banjir dengan membabitkan 2000 sukarelawan pelajar dan kakitangan UniMAP sendiri melibatkan tujuh fasa bagi membantu mangsa banjir di Kelantan.
8 Feb 23 Ogos	Photonics Lab & Cleanroom School of Microelectronic Eng. Microfabrication Cleanroom School of Microelectronic Engineering	***Collegiality and Commonality*** Program *Commonality & Collegiality* antara Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik UniMAP dan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Perlis (PTSS). Pelajar Diploma Kejuruteraan Optoelektronik diajar dan diberi pendedahan kepada kemudahan-kemudahan Makmal Fotonik dan Makmal Bilik Bersih.
10 Feb	SK Bongon Besar, Sandakan Sabah	**Projek Alat Tulis** Selain semenanjung Malaysia, UniMAP juga prihatin kepada yang anak-anak yang kurang berkemampuan di Sabah dan Sarawak. PPK Alam Sekitar telah mengadakan kutipan derma sumbangan untuk membeli alat tulis serta wang saku buat pelajar-pelajar di SK Bongon, Sandakan Sabah. Sumbangan telah dihantar kepada sekolah tersebut melalui Pos Udara dimana setiap pek alat tulis bernilai RM5 dan RM5 wang saku. Semoga dengan sumbangan kecil ini membangkitkan semangat untuk anak-anak ini menuntut ilmu walau serba kekurangan.
13 Apr	SMK Derma	**Hari Ko-Kurikulum** Pameran Kejuruteraan Elektronik, Mikroelektronik dan Fotonik semasa Hari Ko-Kurikulum SMK Derma
Bermula 14 Apr 2017	SK Sena, Kangar Perlis	**Kelas Tambahan UPSR 2017** PPK Alam Sekitar telah berbesar hati membantu anak-anak yang bakal menghadapi UPSR dalam membuat persiapan akhir di sekolah angkat UniMAP, SK Sena Kangar.
27 Apr	SMK Dato' Sheikh Ahmad	**Hari Ko-Kurikulum - *Robotic Crash Course*** Bengkel Robotik oleh pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik disertai oleh sekitar 40 pelajar SMK Dato› Sheikh Ahmad sempena Hari Ko-Kurikulum. Pelajar didedahkan dengan konsep Arduino dan Bluetooth serta diperkenalkan dengan asas bahasa pengaturcaraan. Bengkel diakhiri dengan pertandingan sesama peserta.
6 Mei	IMK, Kampus Alam Pauh Putra	**Fun and Interactive Learning Camp** Program ini diadakan bertujuan untuk merangsang perkembangan kanak-kanak dari aspek sosial, kognitif, afektif dan motor. Program ini telah diadakan di Bilik Kuliah Pusat Kejuruteraan, UniMAP. Seramai 35 orang kanak-kanak berusia 5 hingga 8 tahun yang terdiri daripada pelajar tadika dan sekolah sekitar Negeri Kedah dan Perlis telah menyertai program ini dengan jayanya. Sebanyak sepuluh aktiviti telah dijalankan sepanjang program ini iaitu "ABC Treasure Hunt", "Sticky Art", "Geometry Puzzles", "Match the Sticks", "Fish for Numbers", "Fun with DAMAT", "Magic Alphabet Bottle" and "Who has the Candy". Program ini dibantu oleh 13 orang fasilitator yang terdiri daripada para pelajar UniMAP.
9 Mei	Unit Kebudayaan dan Rekreasi UniMAP	**Lawatan Tadika Pewaris Generasi UniMAP ke UKR** Pelajar-pelajar tadika beramah mesra bersama semua staf UKR dan telah menjalankan pelbagai aktiviti bersama Artis Budaya dan Ahli Muzik UKR seperti pengenalan kepada alatan muzik, tarian dan lawatan ke studio muzik dan studio tari.
9 Mei	Bangunan Blok B, Hospital Tuanku Fauziah, 01000 Kangar, Perlis	**Majlis Perasmian Bangunan Blok B Hospital Tuanku Fauziah** Majlis ini telah dirasmikan oleh DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamallullail, Raja Perlis. Turut sama hadir Yang Berhormat Datuk Dr.S.Subramanian, Menteri Kesihatan Malaysia dan Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis serta kakitangan hospital. Blok B merupakan bangunan baharu setinggi tujuh (7) tingkat di Hospital Tuanku Fauziah dengan rasminya dikenali sebagai Blok Wanita dan Kanak-Kanak telah siap di bina pada penghujung tahun 2015 dengan kos pembinaan sebanyak RM193 juta dan dilengkapi dengan peralatan dan kemudahan kesihatan terkini. Perkhidmatan yang disediakan merangkumi Wad Obstetrik dan Ginekologi, Paediatrik, Pusat Penilaian Pesakit (PAC), Labour & Delivery Suite, Dewan Bedah, Jabatan Farmasi dan Wad DiRaja. Unit Multimedia telah menyediakan perkhidmatan Multiple Camera Produdction (MCP) dalam mengendalikan majlis ini. lanya memberi impak yang positif dalam masyarakat tempatan melalui penyiaran secara langsung yang mempamerkan kemudahan fasiliti yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada penduduk setempat khususnya di negeri Perlis.
8 Jun	Surau UniMAP Pauh Putra	**Majlis Iftar di Surau Pauh Anjuran Persatuan Isteri dan Kakitangan Wanita (Piskanita) UniMAP Dengan Kerjasama Pusat Islam Unimap** Piskanita UniMAP telah membuat kutipan derma bagi penyediaan makanan iftar kepada para jemaah solat Maghrib terutama mahasiswa UniMAP di kolej kediaman sekitar Kampus Alam UniMAP Pauh Putra. Seramai kira-kira 200 orang pelajar telah hadir dalam Majlis Iftar ini.

Tarikh	Tempat	Program/Aktiviti
12 - 16 Jun	Sekitar negeri Perlis	**D'Hati MikroE** Kutipan dan agihan sumbangan kepada Maahad Tahfiz Al-Hikmah (Kampung Belukar, Padang Siding), Maahad Tahfiz Al-Barqiy (Arau), Teratak Rahmat (Jalan Mata Ayer), Rumah Teduh (Jalan Sekolah Derma) dan Rumah Hembusan Kasih (Kubang Gajah)
15 Jun	Dewan Rumah Mak Teh Kangar	**Majlis Berbuka Puasa Staf dan Ahli Keluarga Serta Pelajar iKOM bersama Anak-Anak Yatim** Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama staf dan ahli keluarga serta pelajar iKOM bersama anak- anak yatim. Program ini diadakan bagi meraikan 40 orang anak yatim yang dijemput khas dari Rumah Hembusan Kasih dan Rumah Mak Teh. Majlis telah disempurnakan oleh Dekan iKOM, Prof. Madya Dr. Hj. Huzili Hussin bagi menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada anak-anak yatim. Program tahunan ini mengeratkan hubungan silaturrahim dengan anak-anak yatim disamping mendekati dan mendalami isi hati mereka yang telah kehilangan ibu bapa.
23 Jun	Perlis dan Kedah	**Program Barakah Ya Ramadhan 2017 kepada Golongan Asnaf di sekitar Kedah dan Perlis sempena Bulan Ramadhan 1438H Bersama Alumni UniMAP anjuran Unit Pembangunan Alumni UniMAP** Prof. Madya Dr. Mohd Foad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (HEPA), UniMAP bersama-sama Timbalan (Dekan Pembangunan Alumni), Dr. Ummi Naiemah Saraih serta staf dari Unit Pembangunan Alumni dan wakil-wakil dari Persatuan Alumni UniMAP telah menyampaikan sumbangan kepada asnaf-asnaf di Kampung-kampung sekitar negeri Perlis iaitu Kampung Kok Klang, Kampung Gial, Kg Wai, Kg Lembah Keriang, Kg Pokok Sena, Utan Aji dan Kampung Sentua. Sumbangan yang disalurkan kepada asnaf-asnaf tersebut adalah bertujuan untuk membantu meringankan bebanan mereka khususnya bagi persediaan dalam menyambut Perayaan Aidil Fitri. Sekitar RM3000 telah diagihkan kepada asnaf-asnaf dalam bentuk sumbangan tunai berserta hamper yang mengandungi keperluan asas dapur. Program ini mengembangkan USR di kalangan alumni demi membantu dan melahirkan rasa empati yang tinggi dalam menjiwai kesulitan yang dihadapi oleh golongan asnaf.
12 Jul	Rumah Kanak-Kanak (RKK) Arau	**Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri (N-GAGE I) bersama Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) UniMAP dan Rumah Kanak-Kanak (RKK) Arau.** Pada 12 Julai 2017, Kelab Kebajikan Institut Matematik Kejuruteraan (KeK-IMK) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri (N-GAGE I). Acara ini merupakan usahasama antara Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) UniMAP dan Rumah Kanak-Kanak (RKK) Arau, yang berlangsung di RKK Arau. Acara ini dimulakan dengan nyanyian lagu UniMAP, diikuti oleh ucapan alu-aluan dari Pengetua RKK Arau, Puan Anies Suzana Azhan Ahamad diikuti ucapan oleh Dekan IMK, Dr. Muhammad Zaini Ahmad. Pengarah JKM Perlis, Encik Mohd Hazam bin Ismail telah merasmikan pembukaan majlis tersebut. Antara aktiviti lain yang berlangsung adalah pertandingan gerai makanan dan pemberian duit raya kepada anak-anak RKK Arau. Turut serta dalam majlis ini adalah sejumlah penduduk yang tinggal berdekatan RKK Arau. Acara berakhir dengan sesi penyampaian saguhati di antara IMK dan RKK Arau. Diharapkan dengan berlangsung aktiviti ini dapat mengeratkan lagi hubungan UniMAP dan masyarakat setempat khususnya penghuni RKK Arau.
29 Jul	DKN1, PPK Mekatronik, Kampus Alam Pauh Putra	***Drug Abuse Campaign*** *The collaborative program between the Pejabat Majlis Profesor, the Co-Curriculum Centre, School of Mechatronic Engineering accommodated 120 selected Ko-Curriculum students to attend the talks. After the lectures, the selected student along with the staff produced a murals «We Are Drug-Free» on the wall at the School of Mechatronic Engineering.*
	Dewan Pak Sheikh Ahmad Rumah Anak Yatim Mak Teh, Kg.Alor Tok Terang	**Majlis Iftar Ramadhan 2017 bersama Rumah-Rumah Anak Yatim Perlis** Staf UKR berbuka puasa bersama dan menghiburkan warga Rumah-Rumah Anak Yatim Perlis serta memberi sumbangan dengan kerjasama JKKK Encik Mohd Yusri Yusop
20 Ogos	Masjid Al- Imarah, Abi, Batas Paip, Kangar, Perlis	Pusat Kesihatan UniMAP dengan kerjasama AJK Masjid Al-Imarah, Abi, Batas Paip, Kangar, Perlis telah mengadakan Program Pemeriksaan Kesihatan dan Gotong-Royong Santai bersama penduduk setempat. Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Nurul Hisham Yaakob, Exco Kesihatan Negeri Perlis. Selain daripada mewujudkan persekitaran yang kondusif, melakukan aktiviti fizikal seperti bergotong-royong yang boleh membakar kalori badan adalah komitmen diri untuk membudayakan gaya hidup sihat. Kita perlu mewujudkan generasi celik kesihatan dan mengamalkan gaya hidup sihat kerana gaya hidup seharian dapat mengurangkan risiko untuk menghidap penyakit kronik yang boleh memendekkan jangka hayat kita. Selain daripada pemeriksaan kesihatan dan gotong-royong membersihkan kawasan masjid, turut diadakan taklimat mengenai gaya hidup sihat dan sesi soal jawab isu kesihatan dan pameran kesihatan. Program tamat pada jam 1.00 petang dengan jemputan jamuan makan tengahari yang disediakan secara rewang oleh AJK Masjid serta staf PKU.
29 Sept	Dewan Warisan, 01000 Kangar, Perlis, Malaysia	**Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Perlis** Unit Multimedia telah dipertanggungjawabkan dalam mengendalikan majlis Maal Hijrah peringkat Negeri Perlis dari segi persediaan multimedia dalam perkhidmatan Multiple Camera Produdction (MCP). Tema Maal Hijrah 1439 pada tahun ini bertemakan ''Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara'. Maal Hijrah disambut bagi mengingati penghijrahan Nabi Muhammad SAW dan kaun muslimin dari Kota Makkah ke Kota Madinah. Majlis Maal Hijrah peringkat Negeri Perlis diserikan dengan kehadiran Raja Muda Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man dan kakitangan Awam serta orang awam di sekitar Negeri Perlis. Tokoh Maal Hijrah Negeri Perlis 1439 dianugerahkan kepada Karim Salleh, 76 dan Azizah Abu Seman, 71 yang menerima sijil dan hadiah serta wang tunai berjumlah RM5,000 setiap seorang. Majlis Maal Hijrah ini dapat mengeratkan hubungan antara kakitangan awam Negeri Perlis di mana, semua berpeluang untuk bekerjasama menjayakan majlis ini dengan sempurna. Melalui majlis seperti ini, masyarakat dan kakitangan awam dapat membudayakan kehidupan seharian dengan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai idola dalam melaksanakan tugasan seharian. Unit Multimedia telah bertungkus lumus dalam memberi perkhidmatan yang terbaik dalam majlis ini. Siaran langsung majlis ini berjalan lancar tanpa sebarang masalah atau gangguan teknikal. Secara keseluruhannya UniMAP adalah sebagai salah sebuah Universiti Awam di Negeri Perlis berjaya memberi komitmed sepenuhnya dalam majlis ini.

Tarikh	Tempat	Program/Aktiviti
1 Okt	Kompleks LKIM Kuala Perlis, Kampung Perak	**Pesta Air Kuala Perlis** Pesta Air Kuala Perlis dianjurkan setiap tahun yang melibatkan kampung-kampung nelayan di Kuala Perlis. Namun begitu pada tahun ini terdapat penyertaan daripada pasukan negeri luar. Sebanyak 34 buah pasukan terlibat termasuk daripada negeri Pulau Pinang dan agensi Kerajaan di Putrajaya. Acara ini semakin mendapat perhatian dari pihak luar untuk menyertai. Perlis mampu menjadikan acara ini ke peringkat yang lebih tinggi. Pesta ini dihadiri Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan mencemar duli menutup acara tersebut yang berlangsung selama dua hari dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk Abdul Jamil Saad dan Menteri Besar Perlis Dato' Seri Azlan Man. Dalam acara tersebut, Kampung Seberang Ramai muncul johan bagi Kategori Perahu Panjang Terbuka dan Tradisi Kampung Perlis, Perahu Naga Antara Negeri Jemputan (Pulau Pinang) dan Perahu Naga Jabatan dan Agensi Kerajaan Perlis (Institut Kemahiran Belia Negara) yang menerima hadiah wang tunai berjumlah RM3,000.00 setiap pasukan. Dalam pesta ini, Unit Multimedia telah menyediakan perkhidmatan Multiple Camera Produdction (MCP). Pesta ini dapat memberi peluang kepada Unit Multimedia amnya dan khasnya UniMAP bagi menonjolkan perkhidmatan dalam bidang produksi dan siaran secara langsung melibatkan program-program besar. Hal ini dapat menjana pendapatan universiti pada masa akan datang. Dengan kepercayaan yang tinggi daripada orang ramai tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak Unit Multimedia di samping pengenaan caj bayaran yang berpatutan.
20 Okt	Masjid Negeri Perlis	**PALAPES UniMAP sertai Gotong-royong Bersih Masjid** Bagi memupuk semangat sukarelawan dalam kalangan mahasiswa, seramai 400 anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Malaysia Perlis (Unimap) telah menyertai Program Jiwa Murni di Masjid Al-Rahmaniah di sini hari ini. Program dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) itu melibatkan aktiviti gotong-royong membersihkan sekitar kawasan serta keceriaan landskap masjid melalui aktiviti mengecat dan baik pulih kemudahan asas. Program yang diadakan ini selaras dengan Program Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pendidikan Tinggi (PT) 2015-2025 menerusi Lonjakan 1 iaitu melahirkan graduan holistik serta memupuk semangat kesukarelawanan dalam diri mahasiswa. Selain itu juga, program ini mampu mewujudkan jalinan kerjasama erat antara universiti dengan masyarakat setempat selaras dengan moto ‹universiti dan masyarakat berpisah tiada›. Pada program ini, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Canselor Unimap dan Yang Dipertua MAIPs turut berkenan mencemar duli berangkat merasmikan program Jiwa Murni Palapes Unimap itu. Hadir sama mengiringi baginda ialah CEO MAIPs, Mohd. Nazim Mohd. Noor serta Timbalan Komandan Palapes Unimap Lt. Kol. Prof. Dr. Zaliman Sauli.
Berkala sepanjang tahun	Pusat Kesihatan UniMAP & Hospital Tuanku Fauziah	**UniMAP Penyumbang Tabung Darah Tertinggi di Perlis** Pusat Kesihatan UniMAP dengan kerjasama Unit Transfusi, Hospital Tuanku Fauziah telah bekerjasama menjalankan Kempen Derma Darah di kampus UniMAP. Kebiasaannya, kempen ini dijalankan di kolej-kolej kediaman UniMAP dan majlis-majlis rasmi UniMAP. Objektif kempen derma darah adalah untuk membantu meningkatkan pembekalan darah di hospital serta prihatin menyumbangkan darah untuk mereka yang memerlukan. Pada tahun 2013, 2014 dan 2015, Pusat Kesihatan UniMAP telah dianugerahkan Penganjur Kempen Derma Darah Paling Aktif sempena Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia daripada Pusat Darah Wilayah Utara manakala UniMAP menerima sijil penglibatan dan sumbangan khidmat bakti pada tahun 2016. Pencapaian tertinggi UniMAP pada tahun 2017 sebagai Penyumbang Tertinggi di negeri Perlis sebanyak 1423 unit darah.
Berkala sepanjang tahun	Taska / Tadika Pewaris Generasi UniMAP.	**Lawatan ke Taska / Tadika Generasi UniMAP** Program ini dijalankan oleh Pusat Kesihatan UniMAP (PKU) secara berkala dalam menjaga kebajikan anak-anak staf UniMAP dengan memastikan mereka berada dalam keadaan sihat, persekitaran taska/tadika yang bersih dan selamat serta mendapat pengetahuan mengenai penjagaan kesihatan diri termasuk kesihatan oral. Jumlah keseluruhan kanak-kanak di taska/ tadika ialah seramai 2,115 orang.
Berkala (Apr, Mei, Ogos dan Sept)	Tempat Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti	**Program Pemeriksaan Kesihatan** Pusat Kesihatan UniMAP (PKU) menjalankan program pemeriksaan kesihatan ringkas selepas Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti. Pemeriksaan kesihatan ini akan menumpukan kepada staf UniMAP yang berumur 40 tahun dan ke atas, BMI 27 dan ke atas KECUALI pesakit yang sedang mendapatkan rawatan Non Communicable Disease (NCD) di PKU. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan staf menjalani saringan kesihatan untuk mengetahui status kesihatan mereka tanpa menunggu sehingga sakit untuk mendapatkan rawatan. Objektif lain adalah untuk mengetahui status penyakit NCD staf UniMAP yang masih belum mempunyai rekod rawatan penyakit NCD di PKU dan staf yang dikenalpasti berisiko akan dibimbing untuk mencapai tahap kesihatan yang lebih baik manakala staf yang menghidapi penyakit NCD akan diberi rawatan di PKU. Daripada 102 peserta, 13 staf mempunyai kandungan gula yang tinggi, 5 daripada mereka confirmed diabetes mellitus, 57 hyperlipidemia. 45 staf memberikan komitmen untuk mengubah gaya hidup dan bersenam bagi mencapai tahap kesihatan yang lebih baik manakala seorang staf telah mula mendapatkan rawatan di PKU. 1 sesi saringan kesihatan akan diadakan semula untuk melihat tahap kesihatan terkini staf yang memberikan komitmen untuk mengubah gaya hidup sihat dan bersenam.
29 Ogos - 15 Nov	SMK Syed Hassan, SK Tambung Tulang, SMK Padang Besar Utara, SMK Mata Ayer	**STEM @ Perlis 2017** STEM@Perlis is an initiative by UniMAP and JPN Perlis to raise STEM awareness at primary and secondary schools in Perlis via various STEM activities, exhibitions and consultations.
1 hingga 3 Nov	PPK Alam Sekitar	**Car Wash Day** Pelajar dan Staf PPK Alam Sekitar telah menganjurkan *Car Wash Day* di mana mereka memberikan perkhidmatan cucian kereta bagi semua pelajar dan staf dengan bayaran yang minima.
5 Nov	Kompleks Penyayang Dr. Siti Hasmah Jejawi Dalam	**Program Ikatan Kasih GET Bersama Anak-Anak Yatim** Ahli Kelab Kelestarian Bumi (GET), PPK Alam Sekitar telah menganjurkan Program Ikatan Kasih Bersama Anak-Anak Yatim di Kompleks Penyayang Dr Siti Hasmah Jejawi Dalam bermula seawal pagi jam pukul 7.30 pagi. Pelbagai aktiviti telah dijalankan termasuk Aktiviti senamrobik, makan pagi bersama, Aktiviti gotong-royong dan pembersihan kawasan, Aktiviti bersama kumpulan (SHARING SESSION), Acara penanaman anak pokok sumbangan dari GET kepada Kompleks Penyanyang Tun Dr.Siti Hasmah dan solat zuhur berjemaah.

Tarikh	Tempat	Program/Aktiviti
7 Nov 16 Nov	Sek. Keb. Seri Tunjung, Perlis Sekolah Agama Al Islahiyah, Perlis	**PPKAS-STEM Treasure Hunt** Tujuan program diadakan bagi memupuk minat pelajar sekolah dalam sains, teknologi dan matematik secara amnya, dan bidang kejuruteraan awam dan alam sekitar khususnya. Program yang berbentuk permainan carian harta karun ini dikendalikan oleh pelajar ijazah sarjana muda dan pasca siswazah, di bawah penyeliaan beberapa orang pensyarah.
16 Nov	Sekolah Kebangsaan Pauh, Pauh, Perlis	**Bengkel Kesedaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM)** Bengkel Kesedaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM) ini telah diadakan di Dewan Sarjana, SK Pauh dan seramai 80 orang pelajar Tahun 5 & 6 telah menyertai bengkel ini dengan jayanya. Objektif utama bengkel STEM ini adalah untuk menanamkan minat pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran STEM. Pengisian bengkel berbentuk ceramah dan aktiviti berkumpulan berkaitan STEM. Ceramah disampaikan oleh Dr. Mohamad Nazri Abdul Halif dan aktiviti kumpulan dikendalikan oleh oleh 15 orang fasilitator yang terdiri daripada pensyarah dan staf IMK.
2 Dis	Dewan Serbaguna Kubang Gajah UniMAP	**Forging Traditions** Program UKR UniMAP bersama ASWARA memberi latihan tarian secara percuma kepada pelatih dan pelajar sekolah sekitar Perlis.



Misi Banjir Kelantan





Sukarelawan UniMAP melakukan aktiviti mewarna bersama anak-anak mangsa banjir di pusat pemindahan sementara SK Canggai.





Gambar sekitar Program Barakah Ya Ramadhan 2017 kepada Golongan Asnaf di sekitar Kedah dan Perlis sempena Bulan Ramadhan 1438H Bersama Alumni UniMAP





Gambar sekitar Majlis Berbuka Puasa Staf dan Ahli Keluarga Serta Pelajar iKOM bersama Anak-Anak Yatim




Aktiviti pengenalan kepada Alatan Muzik dan sesi suai kenal Bersama Staf UKR




Gambar sekitar Majlis Iftar Ramadhan 2017 bersama Rumah-Rumah Anak Yatim Perlis





Gambar sekitar Majlis Perasmian Bangunan Blok B Hospital Tuanku Fauziah





Gambar sekitar di sambutan Maal Hijrah 2017





Gambar sekitar Forging Traditions




Gambar di sekitar Pesta Air Perlis 2017




Minggu Derma Darah Universiti Awam Semalaysia (Siswa Prihatin) 2017









Program Pemeriksaan Kesihatan








Gotong-Royong Santai




Gambar di sekitar Pesta Air Perlis 2017








PPE Mikro Elektronik





Mural 'Saya Bebas Dadah'





Gambar Sekitar Majlis Iftar PISKANITA UniMAP





Car Wash Day



Palapes Gotong Royong Bersih Masjid

13 • Perpustakaan



PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) telah mencapai usia ke-15 tahun penubuhannya pada tahun 2017. Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin (PTSPF) sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengalaman pengguna di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Pelbagai inisiatif dirancang untuk memberi nilai tambah kepada suntikan kemudahan terkini, sumber maklumat yang relevan kepada warga universiti.


Pengurusan Kewangan

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) meletakkan pembangunan koleksi sumber maklumat sebagai strategi utama di dalam pelan strategi perpustakaan bagi memastikan keperluan aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dipenuhi.

Sekitar 80% hingga 90% peruntukan tahunan dikhaskan untuk tujuan pemerkasaan sumber maklumat. Pengukuran nilai pulangan ke atas pelaburan *(Return of Investment - ROI)* turut dijalankan untuk memastikan sumber maklumat yang dilanggan dimaanfaatkan secara optima oleh warga UniMAP.

Pada masa sama, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin (PTSPF) turut merangka pelan untuk meningkatkan ruang pembelajaran yang kondusif dan fleksibel kepada warga universiti Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Carta 1 menunjukkan peningkatan perbelanjaan ke atas sumber maklumat daripada 89.6% pada tahun 2016 kepada 90.19% (2017). Fokus Perpustakaan dalam senario kewangan semasa ialah ke arah pulangan nilai optima. Ini dilaksanakan melalui pemantauan berterusan ke atas penilaian prestasi penggunaan sumber maklumat menggunakan pendekatan ISO 11620:2014 *(Information and documentation - Library performance indicators)*. Peningkatan perbelanjaan ke atas sumber dipengaruhi oleh faktor peningkatan kos langganan kepada sumber elektronik.




Carta 1 : Carta Perbandingan Peruntukan Jabatan Perpustakaan dan Peruntukan Pemerkasaan Sumber Maklumat Bagi Tahun 2016 & 2017

Tajaan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Sejak tahun 2014, dua puluh (20) Perpustakaan Universiti Awam telah memanfaatkan tajaan beberapa pangkalan data komersial dari Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT).

Majlis Ketua Pustakawan (MKP) dan *Malaysia Online Electronic Resource Consortium* (MOLEC) bertanggungjawab menyalurkan justifikasi kepada Pusat Sitasi Malaysia untuk melanggan kepada pangkalan data relevan kepada komuniti pendidikan tinggi. Ini untuk memastikan kadar penggunaan yang optimum.

Pangkalan data tajaan KPT meliputi *ProQuest Dissertation & Theses*, *Scopus*, *WorldCat Discovery Service*, *Ebscohost Academic Search Premier* dan *Ebscohost Business Source Complete* merupakan sumber maklumat ilmiah penting kepada warga pendidikan tinggi di universiti awam.

Tajaan KPT telah banyak membantu universiti awam khususnya Universiti Malaysia Perlis untuk meneruskan penyaluran maklumat akademia. Rajah 1 menunjukkan pangkalan-pangkalan data komersial terpilih tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tahun 2017.



Rajah 1: Pangkalan Data Komersial Terpilih Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2017

Pemerkasaan Sumber Maklumat


Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra memfokus kepada inisiatif mengumpul, mengembang, memelihara dan menyediakan akses kepada maklumat ilmiah dalam bidang pengajian dan penyelidikan yang ditawarkan oleh UniMAP. Ini meliputi bahan penerbitan dan penulisan warga UniMAP seperti artikel jurnal, makalah, kertas kerja persidangan, buku, laporan, pembentangan, ulasan, tesis, laporan projek tahun akhir dan pelbagai lagi. Bahan-bahan ini boleh diakses secara atas talian melalui Sistem Repositori Digital UniMAP - http://dspace.unimap.edu.my.

Sehingga Disember 2017, Perpustakaan telah menyediakan akses kepada 55,441 objek digital sama ada secara terhad atau akses terbuka.

Perpustakaan juga memberi tumpuan kepada usaha menyebarkan koleksi ilmiah global melalui langganan kepada sumber elektronik yang diterbitkan oleh penerbit komersil, penerbit institusi profesional ataupun penerbit Universiti. Sepanjang tahun 2017, peningkatan kos langganan sumber elektronik merencatkan usaha-usaha meneruskan langganan kepada sumber penting di universiti. Walau bagaimanapun, penerusan langganan kepada sumber elektronik telah menyediakan akses kepada 2,340,773 judul bahan monograf dalam format elektronik. Warga UniMAP juga menikmati akses kepada jutaan teks penuh artikel daripada 14,514 judul jurnal dalam bidang pengajian utama di universiti.

Perolehan koleksi buku bercetak terus dilaksanakan untuk menyediakan akses kepada bahan rujukan utama program pengajian di Universiti. Senario penerbitan buku elektronik masih tertumpu kepada orientasi kandungan berasaskan penyelidikan dan bahan saintifik dan bukannya bahan teks kursus. Sehingga Disember 2017, Perpustakaan telah berjaya membangunkan 53,451 naskhah bercetak yang ditempatkan di Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Cawangan Bandar Kangar (lihat Rajah 2). Perkhidmatan *in-transit* yang ditawarkan oleh perpustakaan membolehkan para pengguna memperolehi bahan bacaan yang ditempatkan di kampus berbeza tanpa perlu mengunjungi perpustakaan berkenaan. Tempahan atas talian dibuat oleh pengguna manakala Perpustakaan mengumpul dan menghantar bahan tempahan di lokasi perpustakaan pilihan pengguna.

Selain itu, Perpustakaan turut memanfaatkan langganan kepada alatan pembelajaran dan pengurusan maklumat meliputi perisian *Turnitin*, *Wizfolio*, *Mendeley*, *LibGuides*, *LibCal*, *Connexion* dan sebagainya.




Rajah 2: Perkembangan Koleksi Perpustakaan 2017

Sebagai perpustakaan hibrid, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) menawarkan koleksi konvensional dan koleksi sumber maklumat elektronik kepada pengguna. Akses kepada *OCLC WorldShare Inter-Library Loan*, perluaskan akses kepada perkhidmatan pembekalan dokumen dari institusi penyelidikan dan pendidikan tinggi seluruh dunia. Inisiatif penawaran sumber elektronik global daripada penerbit komersial turut menjadi agenda penting Perpustakaan. Peratusan besar kandungan ilmiah digital ditawarkan kepada pengguna berbanding koleksi konvensional. Sehingga Disember 2017, jumlah keseluruhan koleksi adalah sebanyak 2,474,110 bahan iaitu 9.57% (216,191 bahan) kenaikan berbanding tahun sebelumnya.

Akses Kepada Sumber Maklumat

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra sentiasa beriltizam memastikan pelaburan ke atas perolehan dan langganan sumber ilmiah dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga Universiti. Pemantauan dijalankan melalui kaedah pengukuran prestasi yang ditetapkan oleh ISO 2789:2013 (*Information and Documentation: International Library Statistics).*

Semenjak tahun 2012, bilangan transaksi pinjaman dan pembaharuan pinjaman menurun secara signifikan daripada 30,667 transaksi kepada 9,757 transaksi pada tahun 2017. Statistik transaksi pinjaman dan pembaharuan pinjaman mencatatkan penurunan sebanyak 68.18% berbanding tahun sebelumnya. Ia merupakan senario global yang dialami oleh perpustakaan akademik seluruh dunia terutama dengan pemerkasaan sumber ilmiah dalam format elektronik. Menurut Rainie, L. (2012) di dalam penerbitan berjudul *E-Book Reading Jumps, Print Book Reading Declines*, trend penurunan ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuk umur, fleksibiliti sumber, kapasiti dan keupayaan memiliki gadget seperti *iPad, Kindle, Smartphones, Nooks* dan sebagainya.



Carta 2: Transaksi Pinjaman & Pembaharuan Pinjaman (2012 - 2017)

Akses Kepada Sumber Maklumat Elektronik

Sumber elektronik menyumbang komposisi terbesar (95%) daripada keseluruhan sumber ilmiah di Universiti Malaysia Perlis. Perkembangan sumber elektronik di UniMAP dipengaruhi oleh pelaksanaan konsep kampus teragih di awal pelaksanaannya. Sehingga kini, keupayaan akses kepada sumber secara jarak jauh (*remote access*) membenarkan sumber elektronik dimanfaatkan secara berkesan oleh pengguna yang berada di luar dan di dalam rangkaian kampus UniMAP.



Carta 3: Transaksi Muat Turun Teks Penuh (2012 - 2017)

Pada tahun 2017, usaha-usaha mengekalkan langganan kepada sumber penting dilaksanakan dalam situasi kewangan yang tidak memihak kepada perpustakaan. Peningkatan kos langganan tahunan ditambah dengan kadar pertukaran mata wang yang agak tinggi berbanding tahun 2016 menyumbang kepada kekangan ini, Walau bagaimanapun, hanya empat (4) pangkalan data terkesan dan dibatalkan langganan pada tahun 2017 meliputi *Britannica Online, Oxford Reference Online dan EngNetBASE*. Sumber elektronik berkenaan menyediakan akses kepada 4,300 judul bahan dalam format ensiklopedia, buku dan artikel jurnal terpilih.

Sepanjang tahun 2017, warga UniMAP telah memanfaatkan sumber elektronik dengan memuat turun sejumlah 1,219,872 teks penuh (lihat Carta 3). Ini meliputi muat turun daripada pangkalan data komersil dan sumber elektronik tempatan yang ditawarkan akses melalui repositori institusi, sistem rangkaian dalaman - *Fingertips* dan sistem e-buku dalaman (*CRC Online*).

Akses Kepada Kemudahan

Kepelbagaian kemudahan yang ditawarkan oleh Perpustakaan UniMAP adalah berasaskan hasrat menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada para pelajar khususnya dan warga UniMAP umumnya. Kemudahan ini meliputi pelbagai stail pembelajaran sama ada secara individu, kumpulan atau untuk pembentangan projek. Sepanjang tahun 2017, sejumlah 9,886 sesi tempahan kemudahan telah direkodkan melalui modul pengurusan inventori Virtua.



Penerbitan Terindeks


Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengiktiraf kepentingan Scopus sebagai sumber pangkalan data sitasi dan penerbitan berimpak semenjak tahun 2008.

Data Scopus dimanfaatkan oleh pengukuran prestasi universiti melalui inisiatif *Mymohes*, *Malaysian Research Assessment (MyRA), Times Higher Education Rankings (THE), QS World University Rankings* dan sebagainya.

Data Scopus turut digunakan untuk tujuan penilaian aktiviti penarafan dan pemeringkatan pada peringkat kementerian, negara dan antarabangsa. Menyedari kepentingan langganan kepada Scopus, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pusat Sitasi Malaysia telah menaja pangkalan data Scopus secara berpusat di bawah Kementerian. Penyaluran akses percuma telah dipanjangkan kepada dua puluh (20) universiti awam.

Akses kepada data Scopus pada tahun 2017 menunjukkan bilangan data terindeks telah meningkat sebanyak 68.01% iaitu peningkatan 1,697 artikel. Berdasarkan data semasa, UniMAP berada pada kedudukan ke - 7 terbaik dalam kalangan Universiti Awam di Malaysia oleh Scimago Institutions Rankings.

Carta 4 menunjukkan jumlah penerbitan terindeks UniMAP dari tahun 2003 hingga 2017 berjumlah 7,663 artikel.



Carta 4 : Penerbitan Terindeks UniMAP dari Tahun 2003 hingga 2017


Pelancar
Buku Uni
Disempurn
Duli Yang
Tuanku Sy
Ibni Tuanku Sy
Digital Lifestyle :
People and Uniting


14 • Penerbitan




Pada tahun 2017, Penerbit UniMAP telah menerbitkan sebanyak **14** judul buku bercetak dan **16** judul buku elektronik bagi memenuhi keperluan penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran serta ilmu kepada masyarakat umum. Penerbit UniMAP juga sentiasa memastikan kecemerlangan penyelidikan berterusan melalui penerbitan enam (**6**) isu jurnal pada tahun 2017. Selain itu, Penerbit UniMAP juga menguruskan terbitan khas seperti buku program, poster, banting dan brosur. Jumlah keseluruhan bahan terbitan bagi tahun 2017 adalah sebanyak **40** bahan terbitan.

14.1 STATISTIK PENERBITAN TAHUN 2016-2017

Jenis Penerbitan	2016	2017
Buku	10	14
Jurnal	6	6
Modul Pengajaran		-
Modul Makmal	-	-
E-Book	-	16
Lain-lain	13	4
JUMLAH	**32**	**40**



Rajah 14.1: Peratusan Perbandingan Penulisan Buku Ilmiah (bercetak) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Bagi Tahun 2017.



Rajah 14.2: Bilangan Penerbitan Buku Ilmiah Mengikut Tahun dari 2005 - 2017.




Gambar Pelancaran Penerbitan Khas 2017 Sempena Istiadat Konvokesyen UniMAP Ke-12 oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan Canselor UniMAP.

14.2 SENARAI BUKU BERCETAK YANG DITERBITKAN 2017

TEKNOLOGI RADIASI TERHADAP POLIMER

ISBN 978-967-0922-38-6

Nik Noriman Zulkepli
Sam Sung Ting
Mohd Firdaus Omar





SIRI DIGES KEMANUSIAAN: CERMINAN BUDAYA DALAM KECEMERLANGAN TAMADUN


ISBN 978-967-0922-39-3


Shuhairimi Abdullah
Wan Nor Ashiqin Wan Ali

PEMODELAN MAKLUMAT BANGUNAN: *APLIKASI DAN AMALAN*

ISBN 978-967-0922-40-9

Zul-Atfi Ismail





PENULISAN MEDIA MASSA


ISBN 978-967-0922-20-1

Faridah Ibrahim
Normah Mustaffa
Mohd. Rajib Ab Ghani

PROGRESS IN PHOTOVOLTAICS

ISBN 978-967-0922-24-9

Mukhzeer Mohamad Shahimin
Noraini Othman





KESULTANAN MELAYU: INSTITUSI RAJA DAN PEMBESAR

ISBN 978-967-0922-37-9


Mohd Kasturi Nor Abd Aziz
Ahmad Farhan Abdullah
Suprayitno

PANTUN PAK NAZEL: SEJUJUR KATA SEIKHLAS HATI

ISBN 978-967-0922-23-2

Nazel Hashim Mohamad





INTRODUCTION TO NANOMATERIALS

ISBN 978-967-0922-30-0

Yarub Al-Douri

PERTUBUHAN SUKARELA DALAM BANTUAN BENCANA

ISBN 978-967-0922-31-7

Azuddin Bahari





INTERGRITI KONSEP DAN AMALAN (ULANG CETAK)


ISBN 978-967-0922-14-0

Jamiah Manap, Arena Che Kasim, Mohammad Rezal Hamzah

ELECTRONIC CIRCUITS AND SYSTEMS: DESIGN AND APPLICATIONS

ISBN 978-967-0922-33-1

Sohiful Anuar Zainol Murad
Shaiful Nizam Mohyar
Azizi Harun





LOGAM BUKAN FERUS (ULANG CETAK)

ISBN 978-967-5415-44-9


Ruhiyuddin Mohd Zaki, Faizul Che Pa, Murizam Darus, Mohd Arif Anuar Mohd Salleh

SRIKANDI PHD CERITA, CITA-CITA DAN CABARAN (ULANG CETAK)

ISBN 978-967-5415-78-4

Emma Mohamad, Sabariah Mohamed Salleh





LANGUAGE LEARNING INTEGRATED PRACTICES IN UNITY THROUGH DIVERSITY

ISBN 978-967-0922-58-4

Ina Suryani
Faharol Zubir

14.3 BUKU ELEKTRONIK YANG DITERBITKAN 2017

Tahun 2017 Penerbit UniMAP telah mengorak langkah memulakan projek penerbitan buku secara elektronik dengan menerbitkan 16 judul buku dalam format EPUB. Buku-buku ini dapat dibaca secara digital apabila akan dipasarkan melalui beberapa portal buku elektronik di Malaysia pada 2018.




14.4 PEMASARAN DAN PENJUALAN BAHAN TERBITAN


Hasil Jualan Bahan Terbitan Bagi Tahun 2017

Sepanjang tahun 2017 hasil jualan yang diperoleh adalah sebanyak **RM 48,820.39**. Penerbit UniMAP mencatatkan peningkatan hasil jualan berbanding 2016. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan jualan adalah faktor penerimaan masyarakat dengan teknologi terkini. Selain itu, Penerbit UniMAP masih lagi memfokuskan pemasaran melalui pelbagai medium seperti penyertaan ke pesta dan pameran buku di seluruh Malaysia, jualan secara atas talian (online) dan promosi dan pemasaran melalui media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* serta laman web rasmi Penerbit.

Penerbit UniMAP menggunakan segala sumber teknologi yang ada termasuk secara konvensional, perancangan untuk memasarkan buku secara e-dagang serta meluaskan kepada pasaran buku elektronik diharapkan akan membantu kepada peningkatan jualan pada tahun 2018. Selain itu, usaha mempelbagaikan judul dan bidang penerbitan juga diharapkan akan dapat membantu melonjakkan nama serta hasil pendapatan Penerbit untuk tahun hadapan.



Rajah 14.3: Hasil Jualan Bahan Penerbitan Bagi Tahun 2017



Rajah 14.4: Jumlah Hasil Jualan Bahan Terbitan Bagi Tahun 2006-2017

15 • Prasarana Teknologi Maklumat dan Komunikasi



15.1 PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

Pembangunan Aplikasi/Modul Baru

Bagi memastikan universiti memanfaatkan ICT di dalam menyokong urusan pentadbiran, pengajaran dan penyelidikan, beberapa aplikasi/ modul baharu telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) bersesuaian dengan keperluan semasa.

Jadual 15.1: Aplikasi/Modul baru yang dibangunkan

Bil.	Nama Aplikasi / Modul	Keterangan	Pemilik Aplikasi
	Sistem Pengeluaran Surat Jaminan Pelajar (eGL Student)	1) Rekabentuk baru untuk keseluruhan sistem 2) Membolehkan GL dijana untuk Pelajar Pascasiswazah 3) Modul Statistik GL Pelajar	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
	Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (IUSHRM)	1) Penambahbaikan untuk Browser Compatibility focus pada capaian staf sahaja. a. Modul Pengurusan Cuti b. Modul Pengurusan Latihan c. Modul Pengurusan Prestasi 2) Penambahbaikan untuk fungsi Pengurusan Bantuan Khas Kewangan	Jabatan Pendaftar
	Sistem Pengundian Dekan (myUndi)	Tujuan utama pembangunan sistem ini ialah untuk membolehkan proses pemilihan dekan/ ketua jabatan bagi sesebuah PTj UniMAP dilaksanakan secara online. Berikut ialah senarai modul : 1) Modul Administration 2) Modul Attendance 3) Modul Voting Station 4) Modul Election Result 5) Modul Report	Jabatan Pendaftar
	Sistem Pengeluaran Surat Jaminan Staf (eGL Staff)	Tujuan sistem ini ialah untuk memberi kemudahan kepada Jabatan Pendaftar dan hospital/klinik untuk menjana Surat Jaminan/ Guarantee Letter (GL) Staf UniMAP secara atas talian. Pembangunan sistem ini adalah bagi menambahbaik proses menjana GL Staf selain dari Sistem HRMIS dengan membenarkan janaan GL untuk semua taraf jawatan staf. Berikut ialah senarai modul : 1) Modul Admin 2) Modul Jana GL Staf 3) Modul Jana GL Staf Admin 4) Modul Laporan	Jabatan Pendaftar
	Sistem Pengurusan Cuti Mobile	1) Tambahan fungsi kelulusan Permohonan Keluar. 2) Tambahan fungsi kelulusan untuk semua jenis cuti.	Jabatan Pendaftar
	Academic Management Information System (AMIS)	a. Examination - Final Exam Schedule (Add Venue, Create Exam Slot, Add Invigilator, Draf Exam Timetable, Final Exam Timetable) b. iCGPA (Set Program Outcome & Component, Save iCGPA Mark , Save and Generate iCGPA, Generate iCGPA radar chart) c. Admission - Fungsi untuk pelajar mobility d. Fungsi untuk paparan maklumat nama pendek pada kad matrik pelajar e. Paparan slip pendaftaran baru	Jabatan Pendaftar
	Online Student Information (OSI)	1) Fungsi auto reset password 2) Sub modul baru Slip Pengecualian Unit 3) Kemaskini Slip Peperiksaan Mengikut Format Baru (Tarikh, Masa,Tempat) dan Barred status	Jabatan Pendaftar
	Sistem Maklumat Konvokesyen Pelajar (eConvo)	1) Surat Tamat Pengajian versi 2 - Tambahan Letter Head 2) Surat tamat Pengajian untuk Pasca Siswazah 3) econvo responsive template.	Jabatan Pendaftar
	Sistem Pengajian Lanjutan (SPL)	1) Perubahan Page elaun bagi multiple elaun 2) Penambahan fungsi create akaun user untuk sistem opl 3) Penambahbaikan notifikasi fail lampiran penangguhan	Jabatan Pendaftar
	Sistem Online Pengajian Lanjutan (OPL)	f. Penambahbaikan page progress report g. Penambahbaikan maklumat penyelia- page kemaskini maklumat penyelia h. Penambahan auto trigger (staf yang akan tamat pengajian)-dalam proses	Jabatan Pendaftar
	Sistem Maklumat Pusat Kesihatan (eClinic)	Pembangunan aplikasi mobile untuk paparan statistik	Pusat Kesihatan

Penyelenggaraan Sistem Aplikasi

Jumlah penyelenggaraan sistem yang memerlukan penyelenggaraan *major* direkodkan pada tahun 2017 adalah sebanyak 78 permohonan. Penyelenggaraan yang dipohon oleh pengguna sistem berkaitan termasuklah penambahan fungsi, penambahbaikan sistem, permohonan *publicweb* dan pelaporan serta perubahan disebabkan perubahan polisi atau proses kerja.

Program Penjanaan Kewangan
Pusat ICT telah mendapat beberapa projek untuk menjana kewangan Universiti.

1. **Liga Bola Sepak IPTA 2017**
   Sistem ini dibangunkan untuk kegunaan Liga Bola Sepak IPTA 2017. Bermula dari proses awal iaitu terlibat dalam menganalisa keperluan sistem BOLA SEPAK bersama KPT dan UiTM, terlibat dalam mengenalpasti rekabentuk sistem yang sesuai dan melakukan penormalan pangkalan data baru. Seterusnya menulis kod aturcara bagi Sistem Bola Sepak, melakukan dokumentasi, melakukan penyelengaraan dan *backup.* Terdapat 10 Modul di dalam sistem tersebut iaitu :
   1. Modul Pendaftaran Atlet
   2. Modul Pendaftaran Pegawai
   3. Modul Laporan Statistik
   4. Modul Teknikal Sukan
   5. Modul Administrator
   6. Modul Akses
   7. Modul Pertukaran Atlet
   8. Modul Kemasukan Markah
   9. Modul pelaporan
   10. Laman Web


2. **Liga Futsal IPTA 2017**
   Sistem ini dibangunkan untuk kegunaan Liga Futsal IPTA 2017. Bermula dari proses awal iaitu terlibat dalam menganalisa keperluan sistem Futsal bersama KPT dan IIUM, terlibat dalam mengenalpasti rekabentuk sistem yang sesuai dan melakukan penormalan pangkalan data baru. Seterusnya menulis kod aturcara bagi Sistem Futsal, melakukan dokumentasi, melakukan penyelengaraan dan *backup.* Terdapat 10 Modul di dalam sistem tersebut iaitu :
   1. Modul Pendaftaran Atlet
   2. Modul Pendaftaran Pegawai
   3. Modul Laporan Statistik
   4. Modul Teknikal Sukan
   5. Modul Administrator
   6. Modul Akses
   7. Modul Pertukaran Atlet
   8. Modul Kemasukan Markah
   9. Modul pelaporan
   10. Laman Web

Projek Pengaktifan Perkhidmatan Wi-Fi 'Eduroam' di UniMAP

Capaian Global
Penyelidikan dan pendidikan hari ini semakin global dengan kerjasama antarabangsa yang bekerja di setiap bidang penyelidikan. Akademi dan pelajar sangat mudah bergerak dengan pasukan yang bergabung bersama dari seluruh dunia. Penyelidikan dan Pendidikan tidak lagi terhad kepada bilik darjah atau makmal - para penyelidik dan pelajar mengharapkan untuk dapat masuk dan bekerja di mana sahaja dan bila-bila masa. Bagaimanakah Rangkaian Institusi, Penyelidikan dan Pendidikan menyokong keperluan pengguna ini?

Eduroam membantu membenarkan kerjasama dan mobiliti dengan memberi pelajar dan penyelidik keupayaan untuk berkeliaran di 70 negara sambil mengakses perkhidmatan Wi-Fi percuma yang disediakan oleh pertubuhan pendidikan. Di Malaysia, perkhidmatan Wi-Fi Eduroam ini telah beroperasi di semua Universiti Awam termasuklah UniMAP.

Secara khususnya, Eduroam adalah perkhidmatan rangkaian wayarles (Wi-Fi) yang membolehkan warga UniMAP menggunakan akaun Wi-Fi UniMAP untuk mengakses rangkaian wayarles di mana-mana sahaja lokasi yang menyertai Eduroam. Walau bagaimanapun, akses ke internet menggunakan Eduroam dalam kampus UniMAP adalah terhad kepada pengguna luar sahaja



Rajah di atas menunjukkan perkhidmatan Eduroam yang sedang beroperasi di Malaysia.
Sumber: https://mon.eduroam.my

Kawasan liputan Wi-Fi Eduroam terkini di UniMAP ialah:
- Kampus Tetap, Pauh Putra
- Kubang Gajah

15.2 DASAR KESELAMATAN ICT

Selaras dengan perkembangan standard ISO 27001 yang disemak setiap 5 tahun, pada 1 Oktober 2013, ISMS telah dinaik taraf kepada ISO 27001 versi 2013. Pihak Sirim QAS International telah mengarahkan semua organisasi yang telah dipersijilkan di bawahnya untuk dinaik taraf sebelum 23 Oktober 2015.

Pusat ICT UniMAP telah melalui proses transisi daripada versi ISO 27001 : 2007 ke ISO 27001 : 2013 pada tahun 2015 dan sekali lagi melalui proses persijilan semula pada tahun awal tahun 2017 Audit Persijilan Semula oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd. dan telah mendapat persijilan untuk tempoh 1 Mac 2017 sehingga 28 Februari 2019.



SIRIM QAS INTERNATIONAL

SIJIL

ISMS SIRIM

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
KAMPUS KUBANG GAJAH
TAMAN JKKK
02600 ARAU
PERLIS INDERA KAYANGAN
MALAYSIA

STANDARDS MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menepati

ISO/IEC 27001:2013
Information Technology – Security Techniques – Information Security Management Systems – Requirements

UKAS MANAGEMENT SYSTEMS

Skop Pensijilan

SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN PERKHIDMATAN SYSTEM MAKLUMAT AKADEMIK PELAJAR DI PUSAT ICT UNIMAP.

INI ADALAH MENEPATI PENYATAAN PEMAKAIAN: VERSI 1.5, 28 FEBRUARI 2015

IQNet

Tarikh dikeluarkan : **19 Februari 2016**
Tempoh sah : **01 Mac 2016 - 28 Februari 2019**
No. Pensijilan : **AR 5815**

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

Khalidah Mustafa
Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

15.3 PROGRAM LATIHAN DAN KOMPETENSI

Kompetensi staf memainkan peranan yang penting bagi meningkatkan kualiti dan prestasi sesebuah jabatan. Menyedari hakikat itu, Pusat ICT amat menggalakkan staf berusaha meningkatkan kemahiran diri masing-masing sesuai dengan minat dan bakat yang ada.

Kemahiran dan Kompetensi Staf Pusat ICT sehingga tahun 2017

No.	Nama	Kompetensi Industri
1.	Nasrudin Bin Abd Shukor	• Certified Data Center Expert CDCE • Certified Data Center Facilities Operations Manager CDFOM • ITILv3 MY721600 APMG International • IRCA Certified (Certificate SGS/SSCE/ISMSLAC/601196/3056)
2.	Mohd. Noorul Fakhri Bin Yaacob	• Microsoft® Certified Professional • Microsoft® Certified Application Developer for Microsoft .NET • Microsoft® Certified Technology Specialist (MCTS) • MCTS: .NET Framework 3.5, ASP.NET Applications • Microsoft® Certified Professional Developer (MCPD) • MCPD: ASP.NET Developer 3.5 • MCTS: SQL Server® 2008, Business Intelligence Development and Maintenance • MCTS: Microsoft Office Project 2007, Managing Projects • EC-Council Certified Security Specialist-(ECSS) • EC-Council Network Security Administrator (ENSA) v4.1
3.	Zairi Bin Zainon	• Certified ITIL • Certified IC CITIZEN • EC-Council Certified Security Specialist-(ECSS) • EC-Council Network Security Administrator (ENSA) v4.1 • Barracuda Web Application Firewall Certified System Engineer
4.	Farihan Bin Ghazali	• Microsoft Certified Professional • Microsoft Certified System Engineer • 1CitiZEN Certified (DIGITAL ETIQUETTE CERTIFICATION) • EC-Council Certified Security Specialist-(ECSS) • EC-Council Network Security Administrator (ENSA) v4.1 • IRCA Certified (Certificate SGS/SSCE/ISMSLAC/601196/3064)
5.	Mohd. Nasri Bin Mat Isa @ Mat Saad	• Microsoft Certified Professional • Oracle Certified Associate (OCA)
6.	Rohazna Binti Wahab	• MCTS: Microsoft Office Project 2007, Managing Projects • IRCA Certified (Certificate SGS/SSCE/ISMSLAC/601196/3061)
7.	Mohd Fitri Bin Edros	• MCTS: Microsoft Office Project 2007, Managing Projects • PRINCE2 Foundation Certificate
8.	Madaliatun-Najah Binti Mahmud	• ITIL Foundation Certificate in IT Service Management Practice • IRCA Certified (Certificate SGS/SSCE/ISMSLAC/601196/3062)
9.	Najdawati Binti Mohd Fadzil	• ITIL Foundation Certificate in IT Service Management Practice
10.	Nor Azima Binti Abu Seman	• ITIL Foundation Certificate in IT Service Management Practice • IRCA Certified (Certificate SGS/SSCE/ISMSLAC/601196/3060)
11.	Mohd Hizazy Bin Yusof	• IRCA Certified (Certificate SGS/SSCE/ISMSLAC/601196/3059)
13.	Azamin Zainol Bin Abidin	• IRCA Certified (Certificate SGS/SSCE/ISMSLAC/601196/3065)
14.	Mohammad Taufik Bin Saidina Omar	• My6 Certified IPv6 Administrator • CCNA Exploration 1: Network Fundamentals • CCNA Exploration 2: Routing Protocols And Concepts • Barracuda Web Application Firewall Certified System Engineer
15.	Mohd Razif Bin Jamaludin	• Certified IC CITIZEN
16.	Siti Nuradila Binti Mokhtar	• MCTS: Microsoft Office Project 2007, Managing Projects
17.	Nuurul Nur Alisa Binti Roslan	• MCTS: Microsoft Office Project 2007, Managing Projects
18.	Mohd Hasri Bin Ahmad Shukeri	• EC-Council Network Security Administrator (ENSA) v4.1
19.	Razaleigh Bin Abd Rahim	• EC-Council Network Security Administrator (ENSA) v4.1
20.	Mohd Zuril Amnan Bin Mohamad	• Microsoft Certified Technology Specialist (MCTS): Configuring Microsoft Windows 7
21.	Mohd Zhafri Bin Norzalli	• My6 Certified IPv6 Administrator
22.	Arzemi Abdul Kadir	• My6 Certified IPv6 Administrator
21.	Siti Hajar Binti Wali	• Microsoft Certified System Engineer 2003
22.	Ifahana Binti Ishak	• Microsoft Certified Professional
23.	Mohamad Afiq Durrani Bin Zabidi	• Ethical Hacking Using Kali Linux • Web Aplication Secure Coding


UniMAP

16 • Pembangunan Kampus



16.1 PENGENALAN

Pembangunan Kampus Induk UniMAP diurus oleh Unit Pengurusan Projek (UPP) di bawah Jabatan Pembangunan sejak 2007 selepas penamatan khidmat Perunding Pengurusan Projek (PMC), Unit ini memainkan peranan di dalam merancang, menyelaras dan memantau aktiviti pembangunan Kampus Induk selaras dengan peruntukan yang diperolehi mengikut tempoh Rancangan Malaysia.

Dengan keupayaan dan tenaga kepakaran yang ada, Unit Pengurusan Projek beriltizam untuk member focus kepada membangunkan sebuah Kampus Alam yang kondusif dan sempurna untuk seluruh warga kampus.

Pembangunan Kampus Induk bermula di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) lagi dimana dalam tempoh RMKe-8, proses pengambilan tanah melibatkan pelbagai pihak seperti tanah individu, FELDA dan juga tanah milik MBI berjaya diselesaikan.

Pembangunan Fizikal hanya bermula di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9 : 2006-2010) di mana beberapa buah Pusat Pengajian dan bangunan sokongan berjaya dibangunkan berperingkat-peringkat secara berpakej.

UniMAP kini memiliki 2 kawasan tapak Kampus iaitu KampusAlam di Pauh Putra dengan keluasan 1,028 ekar dan Kampus Hijau yang terletak di Sungai Chuchoh dengan keluasan tapak seluas 253 ekar.

Di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) dan Rolling Plan Kedua RP2 (2017-2018) (RMK-11: 2016-2020), pembangunan fizikal hanya melibatkan Kampus Alam di Pauh Putra manakala Kampus Hijau di Sungai Chuchoh belum mendapat peruntukan pembangunan (DE).



Pelan Induk Kampus Induk Pauh Putra



Pandangan Aerial Kampus Induk Pauh Putra

16.2 RANCANGAN PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2017

Peruntukan Belanja Pembangunan (DE)

Semenjak Rancangan Malaysia Ke-10, Kementerian Kewangan telah mengambil pendekatan berbeza dari segi pelaksanaan projek dimana agihan peruntukan diberikan secara *rolling plan* melibatkan beberapa *rolling plan* sepanjang tempoh 5 tahun Rancangan Malaysia. Oleh yang demikian, tahun 2017 merupakan tahun kedua Rancangan Malaysia Ke-11 dibawah *Rolling Plan* yang kedua (RP2).

Pada tahun 2017 iaitu melalui *2nd Rolling Plan*, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM20,845,761.98 kepada UniMAP untuk melaksanakan projek-projek sedia ada (baru) dan projek-projek sediada (sambungan). Projek-projek tersebut ialah :-

i. Pembelian Peralatan Makmal - RM100,000 (Projek Sedia Ada Baru)
ii. Pembinaan Bangunan Canselori/Pendaftar & Bendahari - RM25,000 (Projek Sedia Ada Sambungan)
iii. Pembinaan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan - RM25,000 (Projek Sedia Ada Sambungan)
iv. Pembinaan Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik - RM25,000 (Projek Sedia Ada Sambungan)
v. Pembinaan Dewan Besar - RM25,000 (Projek Sedia Ada Sambungan)
vi. PPP/PFI Kolej Kediaman 4,000 Pelajar - RM20,645,761.98 (Projek Sedia Ada Baru)

Selain daripada projek di atas, UniMAP juga terlibat dengan projek-projek yang berikut sepanjang tahun 2017:-

vii. Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
viii. Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
ix. Reservoir

Peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI). UniMAP telah menyiapkan 1 projek di bawah peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 1,000 pelajar. Projek yang menelan belanja sebanyak RM32 Juta ini telah siap sepenuhnya pada Ogos 2013 yang lalu.

Selain daripada itu, melalui Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri, UniMAP mendapat satu lagi projek inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 4,000 pelajar yang dinamakan PFI-2.


Secara keseluruhannya, terdapat 9 Projek yang dilaksanakan pada tahun 2017 dimana 8 projek merupakan projek fizikal dan 1 projek bukan fizikal. Butiran projek adalah seperti jadual dibawah :-

Jadual 16.1: Senarai Projek Pada Tahun 2017

BIL.	SENARAI PROJEK	CATATAN	AGENSI PELAKSANA
1.	ASRAMA PFI 2	100% Siap	UniMAP
2.	PERALATAN MAKMAL	21% Siap	UniMAP
3.	PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)	98% Siap	UniMAP
4.	RESERVOIR	92% Siap	JKR
5.	JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA)	85% Siap	JKR
6.	BANGUNAN CANSELORI / PENDAFTAR & BENDAHARI	22% Siap	JKR
7.	DEWAN BESAR	0.5% Siap	JKR
8.	PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BAHAN	0.2% Siap	JKR
9.	PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN SISTEM ELEKTRIK		JKR

16.3 PRESTASI KEWANGAN PROJEK PADA TAHUN 2017


Daripada RM 20.84 Juta peruntukan yang diterima melalui KPT, UniMAP telah membelanja sebanyak RM 31.51 Juta iaitu 151.2% daripada peruntukan tersebut. Prestasi perbelanjaan tahunan RMKe-11 (DE) adalah seperti Rajah 16.1 dibawah :-



Rajah 16.1: Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan 2nd Rolling Plan 2017 RM Ke-11 (DE)

Peruntukan 2nd Rolling Plan RMK-11 : RM27.43 Juta

Prestasi perbelanjaan bulanan pada tahun 2017 ditunjukkan dalam Rajah 16.2 dibawah:-



Rajah 16.2: Prestasi Perbelanjaan Bulanan Bagi Tahun 2017 (DE)

16.4 PRESTASI PEMBANGUNAN TAHUN 2017

Pada tahun 2015 iaitu melalui *4th Rolling Plan*, UniMAP telah menerima peruntukan sebanyak RM128.76 Juta untuk melaksanakan projek-projek baru. Projek-Projek tersebut ialah :-

i. Bangunan Canselori / Pendaftar & Bendahari
ii. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
iii. Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
iv. Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
v. Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
vi. Dewan Besar
vii. Reservoir

Semua projek-projek tersebut diurus oleh agensi teknikal kebangsaan iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) yang bertindak sebagai agensi pelaksana kecuali projek Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) yang akan diurus oleh Jabatan Pembangunan UniMAP.



Gambar 1: Ilustrasi Bangunan Canselori / Pendaftar & Bendahari




Gambar 2: Tapak Cadangan Bangunan Canselori / Pendaftar & Bendahari (22% Siap)



Gambar 3: Ilustrasi Bangunan PPK Bahan Dan PPK Sistem Elektrik



Gambar 4: Tapak Cadangan Bangunan PPK Bahan Dan PPK Sistem Elektrik (0.2% Siap)



Gambar 5: Ilustrasi Bangunan Dewan Besar



Gambar 6: Tapak Cadangan Bangunan Dewan Besar (0.5% Siap)



Gambar 7: Ilustrasi Bangunan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)



Gambar 8: Tapak Cadangan Bangunan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (85% Siap)

Projek pertama Rancangan Malaysia Ke-10 Rolling Plan Ke-4 yang berjaya dilancar pada tahun 2015 ialah Pembinaan Reservoir bagi bekalan simpanan air Kampus Induk Pauh Putra. Projek ini telah bermula pada 12hb Oktober 2015 dan dijangka siap pada 31hb Januari 2017 dengan kos projek sebanyak RM 9,867,540.00.



Gambar 9 : Projek Pembinaan Reservoir (91% Siap)

Projek kedua yang dilancar pada tahun 2015 ialah Pembinaan bangunan pentadbiran Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi. Projek ini bermula pada 1hb Dec 2015 dan dijangka siap pada 28hb November 2017 dengan menelan belanja sebanyak RM 6,351,086.25



Gambar 10 : Ilustrasi Bangunan Teknologi Maklumat & Komunikasi




Gambar 11 : Tapak Projek Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (92% Siap)

Dalam pada itu, UniMAP turut memperolehi peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) sebanyak RM 32 Juta melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan yang terkini sebanyak RM 129 Juta melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan. Melalui pembiayaan ini, Kolej Kediaman yang berupaya menempatkan 4,000 pelajar bagi PFI-2 sedang dibangunkan di Zon Selatan Kampus Tetap Pauh Putra.

Pembinaan Kolej Kediaman PFI-1 ini telah bermula pada Mac 2010 dan telah siap sepenuhnya pada Ogos 2013.


Manakala pembinaan Kolej Kediaman PFI-2 melibatkan 4000 pelajar telah mula dibina pada Disember 2013 dengan tempoh kontrak selama 30 bulan. Projek PFI-2 secara fizikalnya telah siap sepenuhnya pada 15hb Ogos 2016 yang lalu.







Gambar 12 : Tapak Cadangan & Ilustrasi Kolej Kediaman PFI-2



Gambar 13 : Kolej Kediaman PFI-2 (100% Siap)

16.5 PERMOHONAN PROJEK-PROJEK BARU RMKe-11 *Rolling Plan 3* (RP3 2018-2019)

Pada Tahun 2017, UniMAP telah memohon beberapa projek baru untuk dilaksana di dalam RP3, RMKe-11 pada tahun 2018-2019 nanti. Senarai projek-projek yang dipohon ialah :-


BIL.	SENARAI PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Bekalan Elektrik 11kV	6,697,271.00
2.	Pembelian Genset Data Centre	1,000,000.00
3.	Pusat Islam / Masjid	20,000,000.00
	JUMLAH	**27,697,271.00**

KESIMPULAN

Jabatan Pembangunan sentiasa komited dalam memastikan semua projek pembangunan dapat dilaksanakan mengikut perancangan bagi memastikan prasarana dan kemudahan akademik dapat disediakan mengikut keperluan pelanggan.

Dalam pada itu, inisiatif dan usaha dari semua pihak telah banyak membantu dalam memastikan prestasi perlaksanaan projek pembangunan dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.

KAMPUS TERAGIH UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



KANGAR
- Jabatan Canselori
- Pejabat Naib Canselor
- Pejabat Timb. Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Pejabat Timb. Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Jabatan Pendaftar
- Jabatan Pembangunan
- Jabatan Bendahari
- Jabatan Keselamatan
- Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
- Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)
- Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan (PPIPT)
- Pusat Kecemerlangan (ACE)
- Pusat Kecemerlangan (UAS)
- Unit Media
- Unit Audit Dalam
- Unit Perundangan & Integriti
- Unit Pengurusan Aset & Inventori
- Unit Pengurusan Harta
- Unit Kebudayaan & Rekreasi
- Pejabat UniMAP Holding Sdn Bhd.
- Unit Perumahan & Penginapan Pelajar (U3P)
- Kolej Kediaman Tun Abdul Razak (KKB)
- Klinik UC
- Taska & Tadika Pewaris Generasi UniMAP

SUNGAI CHUCHUH
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan
- Pusat Pengajian Diploma
- Kolej Kediaman UNICITI Alam
- Klinik Kesihatan
- Pejabat Institut Agroteknologi Lestari (INSAT)
- 14 ekar kawasan tanamam untuk Stesen Agroteknologi
- Dewan Kuliah, Bilik Kuliah & Makmal

KUBANG GAJAH
- Unit Komunikasi Korporat
- Pejabat Palapes
- Pejabat Relasis
- Pejabat Suksis
- Pejabat Timb. Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
- Dewan Serbaguna
- Dewan & Bilik Kuliah
- Makmal
- Tempat Penyimpanan Bas UniMAP

WANG ULU
- Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani (KKG)
- Klinik Kesihatan

TAMAN AMAN
- Kolej Kediaman Antarabangsa

KAMPUS INDUK PAUH PUTRA, ULU PAUH
- Unit Pengurusan Projek (Jab. Pembangunan)
- PPK Mekatronik
- PPK Pembuatan
- PPK Mikroelektronik
- PPK Sistem Elektrik
- PPK Komputer & Perhubungan
- Institut Matematik Kejuruteraan
- Pusat Kejuruteraan & Inovasi
- Pusat Kerjasama Industri & Agensi Pekerjaan
- Unit Teknologi Sukan Permotoran
- Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
- Pusat Kecemerlangan Renewable Energy (CERE)
- Kilang Mengajar
- Pusat Islam
- Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- Jabatan Keselamatan
- Pusat Sukan
- Pusat Bahasa Antarabangsa
- UniMAP FM
- Pusat Data ICT
- Stor (Jab. Pembangunan)
- Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra
- Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra
- Litar UniMAP (Go-Kart)
- Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman (KKA-PFI 1)
- Kolej Kediaman Tunku Abdul Razak (KKB - PFI 2)
- Kolej Kediaman Pauh Putra
- Klinik Kesihatan

KUALA PERLIS
- Pusat Kecemerlangan Industri (AMBIENCE)
- Rumah Tetamu Chalet Kurong Tengar

SERIAB
BLOK A
- Pusat Pengajian Siswazah
- Institut Kajian Strategik, Kepimpinan & Komuniti
- Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
- Pusat Penerbitan
- Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia

BLOK B
- Unit Kelayakan & Akreditasi (UNIKA)
- Kluster Penyelidikan

BLOK C
- Unit Multimedia

BLOK D
- Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
- Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PUSPEK)


JEJAWI
- Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknokomunikasi (iKOM)
- PPK Bahan
- Pusat Kecemerlangan Geopolimer & Teknologi Hijau (CEGeoGTech)
- Pusat Kecemerlangan Sensor Teknologi Maju (CEASTech)
- PPK Bioproses
- PPK Alam Sekitar
- Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersilan & Pengurusan Harta Intelek
- Pusat Ko-Kurikulum
- Pejabat Majlis Profesor
- Dewan & Bilik Kuliah
- Makmal

SIMPANG EMPAT
- Kolej Kediaman Tun Abdullah Ahmad Badawi (KKI)



17 • WOW UniMAP




KEBAJIKAN
Tabung Amanah Khas & Tabung Amanah Zakat
Tabung Dedikasi Diri
Program Sama Rasa 2017
Waqf Friendly Cafe
Free Food Program
835 Pelajar (RM213,400.00)
20 Pelajar (RM12,080.50)
Usahasama Pasaraya C-Mart
9 Pengusaha Kafeteria (RM500 sebulan)
Sumbangan/Wakaf Staf
KESUKARELAWANAN
Cambodia
Padang Indonesia
Aceh Indonesia
P. Pinang (Sukarelawan Teramai 675 pelajar)
Satun Thailand
PENGIKTIRAFAN
QS UNIVERSITY RANKINGS ASIA 2017/2018
221
TOP 300
TOP 350
5 SETARA-2017 Mature University
EXCELLENT
PALING CEMERLANG (PENYELIDIKAN) dengan markah 96%
markah UniMAP MELEBIHI MEDIAN UNIVERSITI AWAM (UMUM & PENGAJARAN/ PEMBELAJARAN)
MoU
Nahda University, Egypt
Perkongsian kepakaran (Akademik & Penyelidikan)
Mobiliti staf & pelajar
MoA
University of Chemical Technology and Metallurgy, Bulgaria, : University of Yamanashi, Japan, : King Mongkut University of Technology North, Bangkok, : Sri Ramakrishna Institute of Technology, India
Perkongsian kepakaran (Akademik & Penyelidikan)
Mobiliti staf & pelajar
Perkongsian penggunaan makmal & peralatan
KMUTNB
LoI
PELAJAR & ALUMNI
AKADEMIK
85% iGOT
52% Ber-graduat dengan PNGK > 3.00
85% GE
48
Kolaborasi
UniMAP- Industri
Staf dengan PhD
44.8 %
69
Jurutera Profesional (Teramai di UA)
19
Teknologis Profesional
45
Pakar Rujuk
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
UniMAP
KETERLIHATAN ANTARABANGSA
GERAN PENYELIDIKAN
RM 4.0 Juta
Kerajaan (37 Projek)
RM 1.4 Juta
Antarabangsa (7 Projek)
RM 1.9 Juta
Industri (13 Projek)
SITASI BERIMPAK TINGGI
PRODUK
13
PENYELIDIK > 500 Sitasi
34
PENYELIDIK MUDA H-Index Melepasi
Penerbitan (Kejuruteraan Kimia)
No.10 Universiti Awam
5
Top Research Scientists Malaysia (TRSM)
Penerbitan (Kejuruteraan)
No.7 Universiti Awam
MTUN No.1
17
Penyelidikan Translasi

18 • Laporan Kewangan



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 40.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

